

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 37**

**Khamis**

**27 Oktober 2016**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 8)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2017	(Halaman 40)
<b>USUL:</b>	
Usul Anggaran Pembangunan 2017	(Halaman 40)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA  
Khamis, 27 Oktober 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah kerajaan menyedari bahawa harga rumah sentiasa naik dan ia amat membimbangkan rakyat dan apakah sebenarnya yang menyebabkan perkara ini terjadi.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang amat sedar dan peka dengan keluhan yang disuarakan oleh rakyat dalam perkara ini. Atas keprihatinan kerajaan, isu perumahan sering diberikan penekanan dalam setiap agenda kerajaan seperti yang telah diumumkan dalam pembentangan Bajet 2017, baru-baru ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri mempunyai kuasa mutlak untuk menetapkan harga rumah di pasaran di negeri masing-masing. Keputusan kerajaan negeri untuk menetapkan kadar harga rumah dipengaruhi oleh faktor tanah yang berkait rapat dengan lokasi dan juga premium tanah yang melibatkan caj premium tukar syarat tanah.

Selain kos tanah tersebut, terdapat juga lain-lain kos yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) yang juga mempengaruhi harga rumah. Sebagai contoh, semua PBT mengenakan caj pembangunan atau *development charges* dan caj pematuhan atau *compliance charges*. Sebagai contoh, di negeri Selangor mengenakan sehingga 19.52 peratus kos pematuhan bagi penyambungan utiliti, pemasangan air, elektrik dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, apabila pihak pemaju hendak membangunkan projek perumahan di atas tanah di sesebuah negeri, terdapat kerajaan

negeri yang akan mengenakan kuota kepada setiap pemaju supaya menyediakan rumah kos rendah. Contohnya seperti di negeri Selangor, sebarang pembangunan yang melebihi lima ekar, pihak pemaju perlu membina 30 peratus rumah mampu milik atau Rumah Selangorku.

Oleh yang demikian, pihak pemaju akan meningkatkan harga jualan bagi rumah harga bebas untuk menampung kos penyediaan rumah mampu milik atau Rumah Selangorku tersebut. Sedangkan, Kerajaan Negeri Selangor tidak mengeluarkan apa-apa sumbangan kewangan untuk pembangunan tersebut tetapi sekadar menentukan dasar sahaja. Faktor ini disebut sebagai *cross subsidy*.

Faktor lain yang mempengaruhi harga rumah adalah kos yang perlu ditanggung oleh pemaju seperti kos buruh dan kos bahan binaan. Kos buruh merupakan salah satu faktor mempengaruhi peningkatan kos perumahan yang semakin tinggi sekiranya pembangunan projek tersebut menggunakan kaedah konvensional yang memerlukan tenaga buruh yang ramai. Begitu juga dengan faktor bahan binaan, setiap tahun kos binaan naik 10 peratus. Terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Soalan saya seterusnya, apakah sebenarnya tindakan pihak kerajaan dan juga peranan yang boleh dimainkan oleh kerajaan-kerajaan setiap negeri bagi membela nasib rakyat dalam perkara ini? Contoh, kalau saya boleh buat iaitu tentang pembelian rumah secara kekal dan juga *subsale* yang harganya melambung tinggi dan menjejaskan pendapatan mereka yang berpendapatan rendah dan juga pertengahan. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Dalam memastikan kestabilan harga dan penambah rumah, permintaan dan juga penawaran ini seimbang, maka kerajaan telah pun mengumumkan untuk melaksanakan dasar 'satu juta rumah mampu milik' menjelang tahun 2018. Untuk mencapai matlamat ini, kerajaan tidak hanya bergantung kepada pihak swasta semata-mata sebaliknya kerajaan telah menubuhkan beberapa buah agensi untuk mencapai matlamat satu juta rumah mampu milik melalui PR1MA, PPA1M, SPNB melalui KPKT, kerajaan negeri dan juga agensi-agensinya yang lain.

Dalam masa yang sama, untuk meringankan beban kewangan pembeli rumah pertama, kerajaan turut memperkenalkan insentif pembayaran deposit rumah melalui dua skim iaitu Skim Perumahan Mampu Milik (*MyHome*) dan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (*MyDeposit*).

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan juga telah mengumumkan akan membina lebih banyak rumah mampu milik melalui *government-linked company* (GLC) dengan menggunakan tanah-tanah Kerajaan Persekutuan yang dikenal pasti.

Dalam masa yang sama, mengenai masalah yang saya nyatakan tadi, masalah tanah dan *development charges* dan *compliance charges*, perkara-perkara ini kita akan bawa dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Negara yang akan datang untuk diselaraskan di seluruh negeri dan kita harap akan dapat kerjasama daripada pihak kerajaan negeri. Terima kasih.

■1010

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, tidakkah dengan syarat negeri meletakkan bahawa *developer* perlu membangunkan rumah mampu milik seperti Selangorku itu membantu pihak-pihak macam B40 kah ataupun yang mendapat pendapatan sederhana ini dapat membeli rumah dengan harga yang mungkin daripada RM80,000 ke RM150,000. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa dasar itu memang kita alu-alukan, tetapi kita harap kerajaan negeri seperti Selangor hendaklah memberikan sedikit sumbangan, subsidi, sama ada kepada pembeli ataupun kepada *developer*. Sebagai contoh, kalau kata tapak tanah disediakan untuk rumah mampu milik, patutnya pembangunan tapak tanah itu boleh jadi dia boleh buat kerja bersama seperti yang kita buat.

Kita di peringkat *Federal*, kita cuba bantu, kita bagi MyDeposit, kita bagi RM30,000 sebagai subsidi kepada pembeli. MyHome pun sama, kita bagi RM30,000 satu rumah kepada *developer* untuk membantu, membeli, menyiapkan rumah untuk pembeli-pembeli kali pertama. Soalnya hari ini, Kerajaan Negeri Selangor saya beri contoh, hanya tahu buat dasar sahaja tetapi apa sumbangan kerajaan negeri untuk meringankan beban rakyat untuk membeli rumah? Setakat buat dasar sahaja tidak akan membantu mengurangkan harga rumah. Terima kasih.

**2. Tuan Liew Chin Tong [Kluang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Suruhanjaya Siasatan Diraja akan ditubuhkan untuk mengkaji tragedi kebakaran Hospital Sultanah Aminah (HSA). Selain daripada HSA, pemegang konsesi perkhidmatan sokongan hospital Medivest Sdn. Bhd. terlibat dalam urusan berapa hospital, jumlah kos kontrak dan adakah perkhidmatan syarikat tersebut akan digantung semasa siasatan.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kesihatan minta maaf kerana beliau pagi ini menghadap Tuanku Sultan Johor. Jadi saya mewakili beliau pada pagi ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, satu Jawatankuasa Siasatan Bebas telah ditubuhkan bagi menjalankan siasatan mendalam dan terperinci mengenai kejadian kebakaran tersebut. Jawatankuasa berkenaan akan diketuai oleh JKR dan juga dianggotai oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (DOSH), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Lembaga Jurutera Malaysia (Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Kementerian Kesihatan) dan Bahagian Perancangan Kementerian Kesihatan. Penubuhan jawatankuasa ini diharap akan dapat memberi petunjuk dan membuat penambahbaikan terhadap siasatan pengurusan hospital yang lebih selamat.

Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan Medivest. Selain dari Hospital Sultanah Aminah, Medivest Sdn. Bhd. juga menyelenggarakan enam buah lagi hospital di Negeri Sembilan, tiga di Melaka dan dua belas buah hospital lain di Johor dan menjadikan kesemuanya 22 buah hospital di zon selatan, Tuan Yang di-Pertua. Anggaran kos kontrak Medivest untuk melaksanakan 22 buah hospital tersebut, setahun adalah sebanyak RM350 juta. Kos tersebut meliputi enam perkara iaitu:

- (i) Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Fasiliti (APMS);
- (ii) Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan *Bio-medical* (BMS);
- (iii) Perkhidmatan Linen dan Pendobian (LLS);
- (iv) Perkhidmatan Pengurusan Sisa Fasiliti Hospital (HWMS);
- (v) Perkhidmatan Pembersihan (CLS); dan
- (vi) Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak bercadang untuk menggantungkan perkhidmatan Medivest sepanjang tempoh siasatan kerana akan menjejaskan perkhidmatan sokongan hospital di hospital berkenaan dan seterusnya akan menjejaskan perkhidmatan kesihatan bagi negeri Johor, Melaka dan juga di Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, Medivest boleh dikenakan penalti atau lain-lain tindakan yang lebih tegas sekiranya didapati Medivest tidak mematuhi obligasi yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi hasil daripada laporan Jawatankuasa Siasatan Bebas kelak, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Saya masih minta kalau boleh satu Suruhanjaya Diraja ditubuhkan dan juga saya hendak minta Menteri jawab, bilakah konsesi Medivest berakhir? Selepas konsesi Medivest berakhir, adakah kementerian bersedia untuk membuat tender terbuka dan bukan *direct nego* bila menawarkan tender yang baru? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, kontrak baru ini telah pun ditandatangani tahun lepas Tuan Yang di-Pertua, ini sambungan daripada lima belas tahun sebelum itu dan ini tambahan sepuluh tahun lagi. Ini pun sebenarnya Tuan

Yang di-Pertua, dibuat penilaian bukan oleh syarikat tempatan tetapi oleh syarikat internasional iaitu syarikat yang dilantik oleh KPMG International untuk menilai prestasi lima buah syarikat di seluruh Malaysia termasuk yang ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini untuk dibuat penilaian prestasi dan untuk penilaian kontrak pun pihak kementerian telah pun *engaged Service Master Sdn. Bhd.* Maknanya, dalam hal ini sangat terbuka, kita tidak berunding terus begitu, tetapi melihat prestasi mereka, bila didapati boleh disambung, maka disambung.

Tuan Yang di-Pertua, maknanya kontrak ini akan habis pada tahun 2025 dan selepas itu kita akan membuat rundingan semulalah sama ada hendak *open tender* ataupun sebagainya, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan bukan sahaja hospital bahkan mungkin di seluruh bangunan kerajaan ini terjamin dan mempunyai kelengkapan-kelengkapan menahan kebakaran supaya tidak berlaku lagi dan tidak ada kemalangan nyawa yang melibatkan kebakaran pada masa-masa akan datang?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, tentang penyeliaan bangunan, semuanya sekarang ini diletak di bawah konsesi dan pihak kementerian memang kita buat pemeriksaan berkala. Kita pergi Bahagian *Engineering*, Kementerian Kesihatan, memang membuat pemantauan berkala di semua hospital sekali. Kita juga ada *flying squad* Tuan Yang di-Pertua. *Flying squad* ini mereka pergi kalau ada masalah, ada rungutan dan sebagainya, mereka akan terus pergi dan membuat pemeriksaan. Maknanya, *it is ongoing process* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam sehati sejiwa. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk menyampaikan serangkap pantun ringkas.

*Sayang Sarawak nama diberi,  
Kenangan indah masa dahulu,  
Tuan Yang di-Pertua pintar lagi bestari,  
Soalan tiga jawapannya perlu.*

**3. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, usaha yang dilakukan kementerian bagi membantu golongan orang kurang upaya (OKU) memiliki polisi insurans dengan pelan dan kadar bayaran premium yang adil serta berpatutan memandangkan golongan OKU ini sukar mendapat pelan perlindungan yang bersesuaian dengan kadar premium yang rendah.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sentiasa komited dalam usaha memastikan golongan orang kurang upaya mendapat kesaksamaan hak dan peluang sama seperti anggota masyarakat yang lain dalam semua aspek kehidupan. Langkah ini bukan sahaja demi kepentingan dan kebajikan mereka tetapi juga penting untuk menggalakkan integrasi serta penyertaan penuh dan efektif OKU dalam masyarakat seterusnya bersama-sama menyumbang kepada pembangunan negara.

Dalam usaha memastikan kebajikan yang berterusan untuk OKU, kerajaan telah mengambil inisiatif melalui kerjasama dengan pihak Bank Negara Malaysia bagi membantu OKU di negara ini memiliki Pelan Perlindungan Insurans yang bersesuaian dan perbincangan dari Mac 2014 hingga tahun 2015 diadakan. Hasil daripada kerjasama tersebut, pada 24 Jun 2015, sebuah syarikat insurans di negara ini iaitu Allianz Malaysia Berhad atau Allianz telah memperkenalkan produk *Allianz Ability Life* iaitu pelan insurans hayat yang boleh diperbaharui setiap tahun.

#### ■1020

Produk tersebut direka khas bagi golongan OKU dengan kadar premium serendah RM50 setahun untuk jumlah insurans RM25,000 dan RM70 setahun untuk jumlah insurans RM50,000. Insurans ini terbuka untuk golongan OKU berumur 16 hingga 70 tahun. Usaha perbincangan dan perundingan dengan syarikat-syarikat insurans tetap diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan skim insurans mengambil kira kebajikan OKU ketika masih hidup khususnya skim insurans yang berbentuk tabungan seperti *endowment* selain perlindungan yang biasa ditawarkan melibatkan kematian dan kemalangan. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah produk-produk yang dihasilkan, dan apakah syarat-syarat penyertaan serta berapa ramai kah bilangan OKU yang telah melanggan? Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Jadi semenjak 23 Jun 2015, seperti yang saya katakan tadi pihak Allianz melancarkan tiga buah produk iaitu produk insurans baharu di Malaysia. Ia adalah

berkisar kepada *Allianz Ability Life* di mana kategori OKU adalah yang terlibat dengan OKU pendengaran, pertuturan, penglihatan dan fizikal.

Kedua, *Allianz Care Individual*. Ini perlindungan untuk kemasukan ke hospital dan ini adalah untuk OKU pendengaran, pertuturan, penglihatan dan fizikal.

Ketiga, *Allianz Individual Personal Accident*. Ini dia ada bagi tambahan syarat, iaitu pastikan bahawa sekurang-kurangnya OKU ini boleh melakukan tiga aktiviti harian iaitu pindah, mobiliti, mandi, membasuh, makan dan memakai pakaian. Jadi setakat ini Yang Berhormat, syarat-syarat yang diberikan untuk OKU.

Selepas itu kemasukan minimum 16 tahun hingga 60 tahun dan pelan ini akan meliputi sehingga 70 tahun. Setakat ini Yang Berhormat, sebab baru dilancar setakat September tahun 2016 kedudukannya ada 453 orang yang telah melanggan kepada insurans ini. Kalau dapat kita uar-uarkan lagi lah supaya ramai boleh mendapat insurans ini. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Saya hendak tanya sama ada kementerian ini berhasrat untuk meningkatkan lagi elaun bulanan kepada golongan OKU ini daripada sekarang RM350 kepada OKU yang bekerja dan juga RM200 sebulan kepada yang tidak bekerja. Memandangkan bahawa GST telah membebankan mereka dan kita perlu meningkatkan elaun bulanan ini untuk menambah baik kesejahteraan golongan ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Kulai. Sebab itu Yang Berhormat Kulai kita memikirkan ala-ala menuju kepada insurans supaya ini sesuatu tambahan perlindungan kepada mereka. Jadi dengan langganan yang mereka buat itu ada tambahan. Oleh sebab itu Yang Berhormat, kami masih menawarkan atau kami masih memanggil, menjemput syarikat-syarikat insurans lain untuk sama-sama tampil ke hadapan. Mungkin mereka boleh menawarkan pakej-pakej yang lagi lebih menarik. Sebab saya hendak golongan OKU ini dilihat sebagai inklusif. Bukan istimewa tetapi inklusif sama macam kita orang biasa.

Jadi mengenai tambahan itu Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat boleh bahas dalam ini sebab ada pengecualian tambahan yang kita buat dalam belanjawan kali ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang tamatlah sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri.

**[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]**



## JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Profesor Dr. Ismail bin Daut [Merbok]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, keberkesanan program serta tema “*Soaring Upward*” sebagai langkah penyebaran maklumat mengenai sistem pendidikan tinggi di Malaysia dan apakah sasaran yang ditetapkan Kementerian melalui pelaksanaannya.

**Menteri Pendidikan Tinggi [Dato’ Seri Haji Idris Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, slogan perkataan “*Soaring Upwards*” yang memberi makna peningkatan yang berterusan merupakan satu slogan sorakan atau *tagline* kepada Kementerian Pendidikan Tinggi yang menggambarkan peningkatan yang berterusan sistem pendidikan tinggi negara. Bukan hanya satu slogan, ia juga satu perbuatan yang mana apabila kita berkata “*Soaring Upwards*” biasanya tangan diangkat 45 darjah melintang dada. Di samping perbuatan juga merupakan satu perubahan bentuk pembentukan sikap dan pemikiran dan *insya-Allah* akan membawa satu pembudayaan, satu suntikan semangat agar Kementerian Pendidikan Tinggi akan terus menyediakan pendidikan tinggi yang terbaik untuk rakyat Malaysia.

Ini jelas dalam rekod-rekod kejayaan yang ada. Antaranya ialah *ranking* universiti. Mengikut kiraan QS World Ranking, mengatakan bahawa universiti-universiti penyelidik di Malaysia adalah yang satu peratus terbaik di dunia. Universiti Malaya telah meningkatkan kedudukan daripada 167 pada tahun 2013 kepada 133 pada tahun ini. Universiti Putra Malaysia (UPM) meningkat daripada tangga 411 tahun 2013 kepada 270 pada tahun ini. Universiti-universiti kita pada bawah usia 50 tahun juga merupakan universiti-universiti baru yang mana mereka merupakan yang terbawah lima puluh. UPM di dunia. Untuk universiti saya katakan 50 tahun ke bawah, kedudukannya nombor 17 dalam dunia. UTM nombor 25. UKM nombor 26 dan USM nombor 33 dalam dunia untuk universiti-universiti yang bawah 50 tahun.

Dan juga penyelidik kita, ramai yang telah menerima pengiktirafan *El Savior* dan *World of Science*. Minggu depan, *El Savior* akan datang ke Malaysia bersama-sama dengan *World of Science* untuk memberi pengiktirafan kepada 20 orang penyelidik kita, yang merupakan *top one percent* penyelidik dalam dunia.

Ini juga jelas dalam peningkatan dalam debat kita memenangi *Cambridge International Debate* mengalahkan Harvard dan Oxford di Cambridge. *Australasian Intersity Debate* mengalahkan *University Sydney* yang menang selama lebih 41 tahun sebelum daripada ini. Kuala Lumpur menjadi “*The Most Affordable City in The World*” untuk pelajar-pelajar. *MIT Sloan Business School, School of Management*, ada

negara dan juga transformasi-transformasi yang lain seperti iCGPA, 2u2i, CEO@Faculty Program, MOOCs and APEL dan sebagainya. Ini *insya- Allah* akan meningkatkan lagi persepsi dan keyakinan rakyat tentang sistem pendidikan tinggi negara kita.

**Profesor Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Soalan tambahan, bagaimana kementerian mentakrifkan penyampaian ini benar-benar sampai kepada golongan sasaran khususnya belia, terutamanya dengan merujuk kepada media sosial yang menjadi medium maklumat utama belia pada masa ini.

Soalan yang kedua, bagaimana, dan apakah peranan yang boleh disampaikan kementerian dapat membantu golongan belia yang cemerlang dalam bidang sukan? Ini kerana kekangan membahagikan masa belajar dengan jadual latihan yang padat akan menyebabkan ramai bakal atlet ini mungkin tidak dapat menghabiskan pengajian mereka dalam masa yang ditetapkan. Mohon Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya untuk memastikan ia mendapat sambutan yang baik dan juga difahami golongan-golongan belia, kita lihat *trending hashtag-hashtag "Soaring Upwards"*.

#### ■1030

Apabila kita mengadakan program yang sama di Sarawak ia juga telah mendapat *hashtag, Soaring Upward* mendapat lebih 4 juta *trending*. Ini dan keseluruhan *trending* kita sehingga kini lebih daripada 10 juta. Ini menunjukkan belia-belia mula memahami dan mengikut perkembangan peningkatan yang berterusan di Kementerian Pendidikan Tinggi.

Ramai orang tidak tahu bahawa pemenang pingat perak Pandelega Rinong, Cheong Jun Hoong merupakan pelajar. Pandelega Rinong ialah pelajar di Universiti Malaya dan Cheong Jun Hoong ialah pelajar di UPM. Ramai lagi pelajar-pelajar lain yang ke Olimpik Wendy Ng, Nauraj Singh, Vivian Ho, merupakan pelajar-pelajar universiti kita yang mana mengamalkan pendidikan yang lebih fleksibel agar mereka boleh berlatih dan juga memenangi sukan di peringkat antarabangsa.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apa cabaran utama yang dihadapi pihak kementerian untuk kita mencapai tahap kecemerlangan terutama di kalangan para pelajar kita, bukan sahaja semata-mata cemerlang di sudut akademik atau bidang sukan dan sebagainya tetapi terutama dari sudut akhlak? Kita bukan semata-mata nak lahirkan pelajar yang cemerlang ataupun mencapai rating tertinggi semata-mata tetapi kecemerlangan akhlak sebab fenomena yang terakhir ini ada di *viralkan* berlaku rasuah

di kalangan pelajar kepada pensyarah. Jadi adakah perkara ini dipantau oleh pihak kementerian dan sejauh mana pihak kementerian melihat nilai akhlak itu menjadi keutamaan dalam sistem pendidikan kita? Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Inilah perkara yang kita cuba atasi kerana kita tidak mahu pelajar-pelajar kita hanya mendapat keputusan akademik yang tinggi dan baik. Sebab itu, sejak lebih setahun yang lalu kita mengenalkan konsep dikatakan *Integrated* CGPA untuk melahirkan pelajar-pelajar yang lebih holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Kalau Yang Berhormat lihat buku yang kita edarkan muka surat 51 jelas situ ada cara pengiktirafan *integrated* CGPA yang mana kita merupakan penaja utama dalam dunia yang berani menggunakan pendekatan *spider web* untuk mentafsir pelajar, agar pelajar-pelajar kita lebih menyeluruh dan tidak terjerumus dengan isu-isu tidak dikehendaki.

**2. Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan apakah perancangan kementerian untuk membantu para petani dan usahawan kecil sektor pertanian dan asas tani dalam menghadapi kegawatan ekonomi, kesan daripada kejatuhan harga getah dan sawit. Adakah kementerian ingin membantu anak-anak mereka mendapat bantuan pengajian hingga ke peringkat universiti secara percuma.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur]:** Terima kasih Yang di-Pertua dan terima kasih juga Yang Berhormat Pasir Puteh atas soalan itu.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, industri komoditi adalah berorientasikan eksport dan harga pasaran ditentukan oleh penawaran dan permintaan global. Selain itu, harga produk-produk komoditi juga ditentukan oleh pertumbuhan ekonomi di negara-negara pengimport utama seperti China, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, India dan Pakistan.

Pada masa kini harga komoditi utama termasuk minyak sawit, lada dan koko berada di paras yang stabil kecuali getah. Ini berpunca daripada kelembapan permintaan dan penawaran yang berlebihan. Selain itu, tanaman getah adalah dipelopori oleh para pekebun kecil di mana hampir 95% merupakan pekebun kecil getah. Dalam hal ini, kementerian amat prihatin terhadap kebajikan para pekebun kecil getah dan telah melaksanakan beberapa program bagi meningkatkan pendapatan para pekebun kecil.

Insentif-insentif yang telah disediakan kepada para pekebun kecil getah termasuk insentif pengeluaran getah IPG dan mekanisme penetapan harga di ladang.

Selain itu, kerajaan juga telah menyediakan Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah (BKKHG) sejak tahun 2013. Pada tahun 2016, kerajaan juga telah menyediakan BKKHG sebanyak RM500 secara *one-off* bagi meringankan beban pekebun kecil dan penoreh getah di seluruh negara.

Sehingga 10 Oktober 2016, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) telah meluluskan pembayaran kepada 269,962 orang pemohon bernilai RM135 juta. Tuan Yang di-Pertua, bagi sektor sawit pula, kerajaan telah menyediakan bantuan bagi meringankan belanja modal pekebun-pekebun kecil persendirian seperti berikut:

- (i) pemberian anak benih sawit;
- (ii) penyediaan kawasan baja dan racun rumpai;
- (iii) Skim Tanam Semula sawit Pekebun Kecil (TSSPK); dan
- (iv) Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSBK) dengan kadar RM7,500 sehektar di Semenanjung dan RM9,000 sehektar di Sabah dan Sarawak.

Pemberian input pertanian seperti benih tanaman, baja, racun, tiang sokongan, penyediaan tanah, latihan dan lawatan khidmat nasihat di bawah Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit. Pemberian baka lembu dan kambing, ubat-ubatan, peralatan dan kandang latihan dan lawatan khidmat nasihat di bawah Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit. Pemberian diskaun harga sehingga 20 peratus daripada harga pasaran bagi pembelian jentera dan peralatan ladang baru di bawah Skim Insentif Mekanisasi Industri Sawit.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga turut menyokong usahawan kecil komoditi untuk mengembangkan perusahaan masing-masing. Kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menyediakan program pembangunan modal insan di pusat-pusat latihan seperti Akademi Hevea Malaysia (AHM) dan Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA). Di sini anak-anak muda yang berminat dilatih secara *hands on* sehingga menjadi tenaga kerja yang cekap dalam industri komoditi ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi anak-anak pekebun kecil persendirian yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke universiti, mereka boleh mendapatkan bantuan daripada pihak-pihak yang telah diberi tanggungjawab dalam bidang pengajian tinggi. Kementerian yakin bahawa bantuan sewajarnya sedia ditawarkan oleh pihak berkenaan secukupnya dan boleh diakses oleh pekebun-pekebun kecil komoditi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Menteri atas jawapan yang amat komprehensif tadi. Soalan tambahan saya, memandangkan kepada masalah kita sekarang, misal kata pengusaha getah, anak-anak mereka sekarang kurang berminat untuk menceburi bidang itu lagi kerana memandangkan masa depan yang cukup muram bagi mereka. Jadi harapan kepada anak-anak ini ialah mereka terpaksa berusaha meningkatkan pengajian mereka dan seterusnya mencari kerja lain. Oleh sebab itu maka pengajian itu adalah amat penting untuk mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan yang mereka ada sekarang dan seterusnya boleh membantu keluarga pekebun-pekebun kecil tadi.

Jadi persoalan saya ialah pengajian anak-anak ini secara percuma, adakah pihak kementerian dan juga kementerian lain secara bersepadu merancang untuk membantu anak-anak pekebun kecil getah ini untuk mencapai cita-cita mereka untuk pergi ke menara gading? Ini kerana kita rasakan bahawa ada di sana terputus kerana anak-anak mereka ini selalunya tidaklah begitu cemerlang jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang lain. Jadi adakah usaha dilakukan untuk membantu anak-anak ini? Terima kasih.

■1040

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih atas soalan tambahan itu daripada Yang Berhormat Pasir Puteh. Kerajaan amat prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh bukan sahaja pekebun-pekebun getah tapi juga kepada anak-anak mereka. Itu sebabnya kementerian MPIC telah mewujudkan beberapa buah pusat latihan untuk anak-anak pekebun-pekebun kecil ini.

IGM telah menjalankan pelbagai jenis kursus dan latihan di bawah Akademi Hevea Malaysia. Program-program ini adalah khas untuk anak-anak pekebun kecil yang sudah memang berkecimpung di dalam ladang sawit. Akan tetapi oleh sebab harga getah telah menurun, maka mereka juga tertekan. Oleh sebab itu, kerajaan memberi ruang kepada mereka untuk terus menambahkan ilmu di dalam bidang-bidang ini. Semoga mereka akan dapat menaikkan tahap pertanian ataupun perladangan mereka dan terus maju dalam perusahaan ladang getah.

Demikian juga kepada ladang sawit, PLASMA yang telah diwujudkan juga oleh MPOB. Pusat ini adalah juga pusat yang menawarkan kursus-kursus operasi perladangan di mana anak-anak yang berkelulusan SPM boleh masuk ke dalamnya untuk dilatih untuk menjadi tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan dalam pengurusan ladang sawit.

Jadi, ini antara usaha-usaha kerajaan untuk membantu anak-anak kepada pekebun-pekebun kecil bukan sahaja ladang dan juga bukan sahaja getah tetapi juga sawit dan lain-lain.

Akan tetapi, selain daripada itu, saya kena percaya pihak-pihak berkuasa yang lain mempunyai tawaran-tawaran yang secukup-cukupnya untuk membantu bukan sahaja anak-anak pekebun getah dan juga pekebun kecil kelapa sawit tetapi juga anak-anak yang lain yang memerlukan untuk memajukan pengalaman mereka dalam pelajaran. Sekian, terima kasih.

**Dr. Mansor bin Haji Ahmad [Sik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah banyak kali membangkitkan berkenaan dengan harga lantai getah dan elaun seperti nelayan kepada pekebun-pekebun dan penoreh getah.

Saya ingin mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memberi perhatian yang begitu mendalam dan serius kepada masalah rakyat pekebun kecil ini sehingga dalam bajet yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan untuk memberi bantuan pada musim tengkujuh iaitu kepada pekebun kecil dan penoreh getah sebanyak RM200 dalam bulan Oktober, November dan Disember.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Bajet 2016, kerajaan telah memperuntukkan RM200 juta untuk tujuan Intensif Pembelian Getah atau IPG bagi mengurangkan beban kepada pekebun kecil akibat kejatuhan harga komoditi getah. Saya difahamkan bahawa RM56 juta yang telah dibelanjakan oleh kementerian kepada pekebun kecil getah yang berdaftar.

Soalan saya ialah apakah kementerian bercadang untuk meningkatkan lagi harga lantai pembelian getah dari RM2.20 kepada satu harga yang mampu mengatasi masalah ekonomi pekebun kecil getah secara total kepada pembelian harga lantai yang lebih tinggi berbanding sekarang memandangkan peruntukan dalam Bajet 2017 telah meningkat kepada RM250 juta untuk Intensif Pekebun Kecil Getah yang berdaftar? Terima kasih.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Sik atas soalan tambahan itu.

Seperti yang dikatakan awal-awal tadi bahawa kerajaan memang amat prihatin dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun getah dan berbagai-bagai usaha telah dilaksanakan untuk memastikan mereka mendapat pembelaan yang sewajarnya. Harga ataupun apa yang dinamakan paras harga pengaktifan iaitu harga yang digunakan untuk menentukan pembayaran kepada IPG ataupun pelaksanaan

insentif pengeluaran getah, memang ada harga yang telah ditetapkan dan harga ini tentunya dikaji dari semasa ke semasa, bergantung juga kepada harga getah pasaran.

Jadi setakat ini, harga bagi *cuplumps* ialah RM2.20 sekilogram manakala harga getah gred SMR20 RM5.50 dan ini akan dikaji dari semasa ke semasa. Kalau ada keperluan ya, kerajaan akan tidak teragak-agak untuk menaikkan harga ini supaya ia akan dapat memberi keselesaan kepada pekebun-pekebun kecil getah. Terima kasih.

**3. Dato' Sri Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, jumlah kes yang dirujuk ke Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) dan Tribunal Pengurusan Strata (TPS) yang berjaya diselesaikan dari tahun 2010 hingga 10 bulan pertama tahun 2016.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2010 sehingga September 2016, sebanyak 13,905 kes telah didaftarkan bagi kes Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah ataupun dipanggil TTPR, dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 13,611 kes telah berjaya diselesaikan dan belum selesai sebanyak 254 kes.

Tuntutan yang boleh difailkan di TTPR adalah seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996 ataupun Akta 118 iaitu apa-apa tuntutan dan pertikaian yang timbul daripada perjanjian jual beli yang dibuat oleh pembeli rumah terhadap pemaju berlesen tidak kurang daripada 12 bulan dari tarikh pengeluaran perakuan layak menduduki untuk rumah tempat tinggal atau CCC atau tarikh akhir tempoh tanggungan kecacatan atau tarikh penamatan perjanjian jual beli oleh mana-mana pihak sebelum tarikh pengeluaran CCC. Jenis-jenis tuntutan adalah seperti berikut:

- (i) tuntutan bukan berbentuk teknikal iaitu tuntutan LAD bagi kelewatan penyerahan milikan kosong atau kegagalan menyiapkan kemudahan bersama; dan
- (ii) tuntutan teknikal iaitu tuntutan yang disebabkan oleh kecacatan mutu kerja atau bahan-bahan yang digunakan tidak mengikut pelan dan spesifikasi seperti yang dinyatakan dalam perjanjian jual beli di mana tuntutan ini tidak melebihi RM50,000.

Satu lagi tribunal iaitu Tribunal Pengurusan Strata di mana Tribunal Pengurusan Strata ini merupakan forum alternatif untuk menyelesaikan pertikaian mengenai isu-isu pengurusan strata, mendengar dan menentukan apa-apa tuntutan

yang diperuntukkan dalam Bahagian I Jadual Keempat Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]. Tuntutan melalui Tribunal Pengurusan Strata ini tidak melebihi RM250,000.

Tribunal-tribunal ini ditubuhkan adalah untuk membantu rakyat supaya masalah rakyat dapat diselesaikan dengan mudah, murah dan cepat. Terima kasih.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita mengalu-alukan kewujudan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) dan Tribunal Pengurusan Strata (TPS) kerana amat membantu pembeli yang ramai teraniaya *dek* kerana pemaju yang tidak mempunyai rekod baik serta ada penyelewengan berlaku sehingga menyebabkan pembeli rugi besar.

Soalan tambahan saya, apakah jenis tuntutan TTPR dan apakah tindakan kementerian terhadap pemaju yang gagal mematuhi syarat yang telah dikeluarkan oleh Tribunal dalam tempoh masa yang telah ditetapkan? Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun ia merupakan keputusan tribunal tetapi keputusan-keputusan ini boleh dikuatkuasakan di mana pihak yang menuntut hendaklah membuat aduan. Bila dia mendapat perintah, maka dia kena membuat aduan ingkar *award*, namanya, kepada Tribunal.

■1050

Seterusnya pihak Tribunal akan mendaftarkan ingkar *award* ini di Mahkamah Majistret untuk direkodkan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 118. Setelah selesai pendaftaran ingkar *award* ini, pihak Tribunal akan mengemukakan satu salinan surat makluman ingkar *award* berserta dengan salinan ingkar *award* yang telah didaftarkan di mahkamah kepada pihak yang menuntut dan Tribunal pula akan memaklumkan kepada Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Perumahan Negara dan mana-mana pihak yang mengingkari perintah ini, ia boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM10,000 tetapi hendaklah tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan harga rumah sekarang semakin meningkat, adakah pihak kementerian bersedia dan bercadang untuk meminda Akta Tribunal ini untuk menambah bidang kuasa tribunal ini untuk mendengar kes-kes yang sekarang ini tidak melebihi RM50,000 kepada sekurang-kurangnya RM100,000 kerana harga rumah sudah meningkat dan saya ingat tuntutan kadang-kadang pun melebihi RM50,000. Saya rasa adalah tepat masanya pada ketika ini untuk pihak kementerian mengkaji semula jumlah bidang kuasa yang boleh didengar oleh pihak tribunal ini. Terima kasih.



**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat. Jadi memang kita sedang mengkaji untuk kita menambahkan lagi tuntutan yang boleh dituntut. Betul, RM50,000 sekarang ini mungkin tidak berbaloi dengan harga rumah. Jadi cadangan Yang Berhormat ini memang dalam pertimbangan kita. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertamanya saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri atas komitmen, pertama sekali mempromosikan Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata ini sehingga ke akar umbi.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh mana pendekatan pihak kementerian terutama dalam mewujudkan kesedaran kepada rakyat tentang wujudnya Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata ini kerana pada hemat saya ia sedikit-sebanyak dapat memberikan perkhidmatan yang lebih pantas dan lebih murah berbanding dengan membawa isu-isu dan membawa sesuatu kes itu ke mahkamah. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Dalam kenyataan yang saya nyatakan tadi, dalam mahupun kita baru menubuhkan tribunal, kita telah mendapat banyak laporan dan juga tindakan seperti yang saya nyatakan tadi telah banyak diselesaikan. Namun demikian, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa ramai lagi di luar sana rakyat masih tidak memahami ada wujudnya dua buah tribunal ini yang boleh membantu rakyat. Ada lagi rakyat yang terpaksa hendak menyelesaikan masalah mereka yang tidak puas hati dengan pemaju, LAD, ada juga yang masih pergi ke mahkamah.

Jadi kerana itu, kementerian memang sedang untuk mempromosikan melalui media massa dan juga dalam kempen-kempen kepada rakyat untuk kita hendak memberitahu rakyat tak perlu pergi mahkamah, kita ada tribunal yang lebih tepat menyelesaikan masalah rakyat dengan kos yang murah, hanya bayar RM10 sahaja untuk pergi ke tribunal ini. Terima kasih.

**4. Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah perkembangan dan status mengenai warta tanah berkenaan pembinaan hospital di Parlimen Kapar. Apakah perkembangan secara terperinci yang telah berlaku dalam tempoh masa 1 Januari 2014 sehingga 30 September 2016 dan bilakah Kerajaan Pusat berhasrat untuk memulakan pembinaan hospital di Parlimen Kapar; dan

- (b) apakah perkembangan dan status terkini mengenai proses penambahbaikan Klinik Kesihatan Kapar baru yang akan menggantikan klinik kesihatan lama di bawah RP3, RMK-10. Bila Kerajaan Pusat berhasrat untuk memulakan penambahbaikan ini dan anggaran tarikh penyelesaian projek ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk ucapkan Selamat Hari Deepavali kepada kawan-kawan kita yang menyambut Deepavali pada hujung minggu ini [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan melalui surat kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah pun memaklumkan bahawa KKM bersetuju untuk memilih tanah Bangunan *Sime Darby* di kawasan Kapar seluas 50 ekar bagi tujuan pembinaan Hospital Kapar dengan syarat pihak Kerajaan Negeri Selangor komited untuk menawarkan tanah tersebut kepada Kerajaan Persekutuan tanpa sebarang kos ataupun dikenakan premium pada kadar yang nominal. KKM akan memohon peruntukan untuk pembinaan Hospital Kapar apabila isu tanah dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, tentang projek Klinik Kesihatan Kapar, projek menaik taraf Klinik Kesihatan Kapar telah diluluskan oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di bawah *Rolling Plan* Ke-4, Rancangan Malaysia Kesepuluh dengan kos sebanyak RM20 juta.

JKR telah pun dilantik sebagai agensi pelaksanaan bagi projek ini. Projek ini dalam peringkat akhir reka bentuk oleh pihak JKR dan dijangka dapat di tender pada penghujung tahun ini dan pelantikan kontraktor dijangka pada bulan April 2017, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi penjelasan. Akan tetapi saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Dewan yang mulia ini pada tarikh 24 Mei 2016, lima bulan yang lepas persoalan yang sama telah ditanya dan jawapan adalah bahawa kementerian akan balik ke EPU untuk mendapatkan dana RM45 juta untuk proses pengambilan tanah daripada *Sime Darby* dan kini jawapannya berbeza mengatakan telah menulis surat kepada Kerajaan Negeri Selangor dan ada syarat dan sebagainya.

Mengapakah dalam masa lima bulan jawapan yang berbeza? Dulu kata nak balik ke EPU dan hendak minta RM45 juta daripada EPU, sekarang tulis surat pula kepada Kerajaan Negeri Selangor. So, dalam masa lima bulan ini, pendekatan kerajaan dan jawapan yang diberi secara langsung, lima bulan yang lepas pun siar

secara langsung, soalan nombor enam, kali ini soalan nombor empat. Soalan yang sama tak ada apa-apa perubahan tetapi jawapan yang berbeza. Itu bahagian yang pertama.

Bahagian yang kedua mengenai dengan Klinik Kesihatan Kapar, alasan yang diberikan ialah JKR sedang membuat rawatan tapak atau *land treatment* dan ia memerlukan masa sedikit. Lagi sekali sudah lima bulan berlalu, apakah status terkini masih membuat *land treatment*?

Yang Berhormat Timbalan Menteri meminta sedikit masa, lima bulan untuk *land treatment*. Sekarang kemajuan sepatutnya telah berlaku dan sebarang alasan saya rasa tidak munasabah. So saya memerlukan penjelasan yang munasabah, yang jujur sebab ini saya sudah tekankan ini berkaitan dengan hospital di Kapar.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini dan Tuan Yang di-Pertua, ini Penggal Keempat. Setiap kali penggal sesi persidangan, saya punya soalan soalan nombor 1 adalah mengenai Hospital Kapar. Bermaksud, saya telah tanya 12 kali tetapi jawapan berbeza-beza. Tidak ada satu inisiatif yang betul-betul menonjol daripada pihak Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Kesihatan untuk menyelesaikan masalah ini. So, saya menuntut penjelasan lagi sekali daripada kementerian untuk menyelesaikan masalah hospital di Parlimen Kapar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah itu yang pada peringkat awal kita mohon daripada EPU untuk dapatkan harga tanah ini RM45 juta. Akan tetapi harga tanah sudah meningkat hampir RM100 juta. Memang kita minta tetapi tak dapatlah Tuan Yang di-Pertua, masalah kekangan kewangan tak dapat. Sebab itu kita minta kerjasama daripada kerajaan negeri memberi *contribution* dalam bentuk tanah kerana kerajaan negeri dapat tanah daripada *Sime Darby* dan terus boleh *transfer* kepada KKM, kepada Kerajaan Pusat. Kos hospital RM300 katil ini dia RM450 juta hingga RM500 juta. Jadi ini adalah *contribution* daripada Kerajaan Pusat. Jadi kita minta sedikit *contribution* daripada kerajaan negeri, tanah ini. Jadi kalau ini dapat dipersetujui, maka kita boleh segerakan projek ini.

Sementara itu Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kapar dia tak jauh lebih daripada 20 kilometer dari Hospital Klang, 30 kilometer dari Shah Alam. Ia lebih dekat, ia ada *highway* dekat dan sekarang ini Tanjung Karang, so tak ada masalah tanah. Hospital Tanjung Karang yang baru, 150 buah katil, dia tak ada masalah tapak, maka telah pun kita lantik kontraktor untuk pembinaan. Jadi sementara itu penduduk Kapar bolehlah menggunakan kemudahan yang ada.

Selain daripada itu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi tentang menaik taraf Klinik Kapar. Memang saya sudah melawat Tuan Yang di-Pertua, projek ini. Peringkat awal memang cadangan ialah kita ada buat *decantation, decanting*. Hendak sewa kedai, buat *renovation*, kos dia berjuta, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu kita buat cadangan, kemudian supaya kita kekalkan klinik sekarang ini di situ dan kawasan belakang itu yang ada dua buah kuarters lama itu, kita bina kompleks yang baru.

#### ■1100

Setakat ini seperti yang saya sebut tadi, JKR telah pun di peringkat akhir mereka reka bentuk. Reka bentuk ini Tuan Yang di-Pertua, KK Kapar ini akan menjadi satu standard untuk seluruh Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Ini sebagai *pilot project* untuk kita reka bentuk khas, jadi makna ada *standard plan* untuk seluruh Malaysia bermula dengan Klinik Kapar, Tuan Yang di-Pertua. Tak lama lagi Tuan Yang di-Pertua, dijangka dipanggil tender pada hujung tahun ini dan lepas itu pada awal tahun depan boleh diaward *contract* itu Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**5. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, bilangan Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar mengikut kumpulan umur kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas dan nyatakan sejauh manakah komitmen kementerian bagi memastikan kesaksamaan hak dan peluang kepada OKU bagi penyertaan OKU dalam masyarakat.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU), jumlah OKU yang berdaftar dengan JKM mulai tahun 2011 hingga Jun 2016 adalah seramai 389,417 orang. Bilangan kanak-kanak OKU di bawah umur 18 tahun adalah seramai 103,671 orang. Dewasa seramai 285,746 orang yang merangkumi golongan warga emas seramai 53,336 orang.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat berperanan dalam memastikan kesaksamaan hak dan peluang kepada OKU bagi penyertaan penuh dalam masyarakat. Penubuhan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MBOKU) dilaksanakan di bawah seksyen 31, Akta Orang Kurang Upaya 2008 merupakan perkara penting untuk pembangunan OKU di negara kita.

Majlis pembangunan bagi Orang Kurang Upaya dengan kerjasama beberapa buah agensi telah membuat pelbagai dasar perundangan, piawaian dan garis panduan mengenai keperluan penyediaan kemudahan dan persekitaran mesra OKU. Salah satu perkara penting kepada OKU mengesan dan mendaftarkan OKU. Usaha ini dibantu oleh pelbagai kementerian atau agensi seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan badan-badan NGO.

Terdapat pelbagai strategi yang dilakukan oleh kementerian bagi memastikan OKU dapat dikesan untuk tujuan pendaftaran. Setiap OKU yang telah berdaftar layak untuk diberikan pertimbangan bagi kemudahan yang sewajarnya sekiranya mereka memenuhi syarat dan kelayakan yang ditetapkan. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui JKM turut menyalurkan bantuan kewangan kepada golongan OKU yang berkelayakan dan memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup golongan OKU dan membantu mereka menjalani kehidupan yang lebih berkualiti. Bantuan kewangan yang disediakan oleh JKM adalah seperti berikut:

- (i) Elaun Pekerja Cacat (EPC) dengan kadar RM350 sebulan;
- (ii) Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja dengan kadar RM200 sebulan;
- (iii) Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar dengan kadar RM300 sebulan;
- (iv) Elaun Pelatih OKU di bawah Program Pemulihan Dalam Komuniti dengan kadar RM150 sebulan;
- (v) Bantuan Geran Pelancaran sebanyak RM2,700 sekali gus; dan
- (vi) Bantuan Alat Tiruan dan Alatan Sokongan mengikut kadar yang sebenar.

Antara program yang dilaksanakan oleh JKM bagi membantu golongan OKU ialah;

- (i) Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK);
- (ii) *job coach*;
- (iii) *Disability Equality Training* (DET);
- (iv) program *Independent Living* (IL); dan
- (v) perkhidmatan kaunseling dan nasihat.

Sementara itu pada 25 Mac 2016, Yang Berhormat Menteri telah meluluskan Pelan Tindakan OKU 2016-2022 bagi menterjemahkan dasar OKU ke dalam program dan aktiviti untuk memudahkan pemegang taruh ataupun *stakeholders*, dengan izin, yang berkaitan melaksanakannya dengan berkesan. Terdapat 10 teras strategik di

dalam PTOKU yang membantu kerajaan dalam merancang program pemulihan, latihan, pendidikan, kesihatan, menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang sesuai untuk OKU.

Pelan tindakan ini telah dirangka selaras dengan komitmen terbaharu negara di peringkat antarabangsa melalui penerimaan terhadap *Incheon Strategy To "Make The Right Real" for Persons with Disability in Asia and the Pacific* pada tahun 2016. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri pada 9 Ogos yang lalu. Bagi memastikan objektif pelan tindakan ini tercapai dan difahami oleh pihak yang berkaitan, program *road show* kini sedang berlangsung yang telah bermula di Melaka. Kesimpulannya, pihak kementerian sentiasa komited dalam memastikan kesaksamaan hak dan peluang kepada OKU bagi penyertaan mereka di dalam masyarakat. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan sebentar tadi. Saya menyambut baik langkah kerajaan memperkenalkan Pelan Tindakan OKU 2016-2022. Sebanyak 10 teras strategik dalam memastikan golongan OKU turut bergiat aktif di alam arus pembangunan negara.

Akan tetapi saya hendak tanya, sejauh manakah aspek *accessibility* OKU dalam memperkasakan ekonomi, pendidikan dan kesihatan dan juga untuk memperkukuhkan perkhidmatan sosial? Saya hendak tanya lagi, berhubung dengan *accessibility* ini berkaitan bangunan dan kemudahan awam, adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan pelantikan OKU sebagai ahli majlis pihak berkuasa tempatan. Apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan penyertaan OKU dalam proses perancangan dan pembuat keputusan menambah baik akses OKU dalam aspek pengurusan risiko bencana? Sekian, terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya daripada Sabak Bernam. Ya, *alhamdulillah* saya bersyukur kerana Ahli-ahli Yang Berhormat telah ada banyak kesedaran berkaitan dengan OKU ini. Saya pegang ini buku yang berkaitan dengan Pelan Tindakan OKU... *[Menunjukkan sebuah buku]* Kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain belum dapat, nanti *insya-Allah* kita cuba dapat bagikan. Sebagai menjawab soalan yang pertama daripada Yang Berhormat tadi, teras strategik yang pertama di dalam pelan tindakan ini ialah meningkatkan *accessibility* golongan OKU di mana dalam usaha ini tentunya kita memerlukan kerjasama daripada pihak berkuasa tempatan di seluruh negara kita kerana kita tidak boleh berjalan sendiri.

Memang sudah ada peraturan-peraturan tertentu dalam undang-undang yang berkaitan dengan pembangunan, berkaitan dengan pelan-pelan pembangunan di negara kita ini tetapi sekarang ini terpulang kepada kita bagi memastikan pelan itu betul-betul diikuti oleh mereka yang terlibat untuk membina bangunan-bangunan terutamanya bangunan-bangunan baru. Kita sebenarnya tidak berapa ada masalah dengan bangunan yang baru dibina kerana dia mesti melalui undang-undang yang telah ditetapkan, *by laws* yang telah ditetapkan ini. Akan tetapi bagi bangunan-bangunan yang lama itu kita memerlukan ada kekuatan untuk pihak-pihak yang tertentu yang punyai bangunan dan lain-lain lagi supaya dapat mengubahsuai bangunan mereka supaya ia menjadi *accessible* kepada semua orang bukan sahaja kepada OKU tetapi kepada semua orang.

Saya ingin mengingatkan di sini kepada mereka yang mempunyai bangunan dan pihak-pihak yang terlibat bahawa setiap seorang daripada kita ini mahu tidak mahu akan menjadi OKU. Apabila kita menjadi tua, kita juga akan menjadi OKU kerana ada tempat yang tidak boleh kita akses yang kebiasaan boleh kita akses. Begitu juga bagi orang yang muda, wanita semasa mereka mengandung juga ada masa mereka tidak boleh akses tempat-tempat yang tertentu.

Oleh sebab itu ini melibatkan semua pihak dan saya memerlukan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini supaya berjuang bersama-sama dengan kita bagi memastikan pihak PBT memastikan *accessibility* ini dapat dinikmati oleh semua pihak di setiap kawasan pihak berkuasa tempatan.

Berkaitan dengan perkara yang kedua, saya ingin memuji Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana mereka sudah mempunyai *blue print* ataupun perancangan untuk memastikan mereka dapat capai *accessibility* ini. Saya berharap ini dapat dikongsi oleh pihak berkuasa tempatan yang lain.

Kedua, berkaitan dengan adakah kita akan mewajibkan OKU dilantik menjadi ahli majlis dalam pihak berkuasa tempatan.

#### ■1110

Ini suatu perjuangan kita juga dan *alhamdulillah*, setakat ini kita dapati ada negeri-negeri yang telah pun mengambil tindakan. Ada wakil OKU di pihak berkuasa tempatan sebagai ahli Majlis, sebagai contohnya di Melaka, keempat-empat pihak PBT nya mempunyai seorang wakil OKU PBT. Saya berharap juga ini akan...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Jangan lupa Pulau Pinang.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Pulau Pinang pun ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jangan menyampuk ya.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Saya berharap ini akan lebih ramai lagilah yang lain juga akan turut sama. Tahniahlah kepada mereka yang sudah melakukannya. Kita tidak kira, *this is not political. Let's not politicise it, but let us do it for the good of the OKU dan for everybody.* Berkaitan dengan untuk memastikan mereka ini mendapat pekerjaan yang ketiga tadi Yang Berhormat, kita memang sekarang ini dalam usaha yang bersungguh-sungguh dengan gigih sekali bagi memastikan orang kurang upaya kita dapat hidup berdikari dengan mereka diberikan pendidikan yang mencukupi dari bawah sampai ke atas dan selepas itu mereka bekerja.

Kerajaan pun sudah ada dasarnya dan dasar ini sekarang ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengatakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas ini kita akan cuba capai memastikan 1% dalam kerajaan itu pekerja daripada orang kurang upaya. Sekarang ini kita memang berkempen habis-habisan untuk memastikan ini dapat dicapai. Terima kasih.

*[Beberapa Ahli Yang Berhormat berdiri]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Semua yang bangun ini sudah bercakap. Yang Berhormat Kuala Langat akan bercakap nanti soalan nombor 8.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tidak menyalahi undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak, tidak. Oleh sebab tidak ada pilihan, saya panggil semula Yang Berhormat Kulai.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat setuju dengan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi yang menyatakan bahawa kita perlulah memberi pendidikan yang mencukupi kepada golongan OKU. Jadi, soalan saya ialah tentang taska OKU. Sekarang kita hanya ada 6 taska OKU di seluruh Malaysia.

Saya rasa ini adalah amat tidak mencukupi memandangkan bukan semua ibu bapa mempunyai ilmu dan pengetahuan yang mencukupi untuk mendidik anak-anak OKU tersebut. Jadi, saya di sini hendak tanya sama ada kementerian ini ada rancangan untuk mendirikan lagi banyak taska. Sekurang-kurangnya sebuah taska OKU di setiap negeri, saya rasa itu tahap minimum. Enam untuk seluruh Malaysia saya rasa itu memang tidak mencukupi. Sekali lagi ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua.



**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua sayang pada dia... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kadang-kadang dia marah juga dengan Speaker.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tadi. Memang taska yang enam untuk OKU itu projek perintis kita di kementerian dan kerajaan. Kita lihat bahawa ada tempat ia maju, ada tempat ia masih kurang maju lagi. Ertinya, maksud saya maju itu ada yang tidak berapa ramailah yang dihantar ke situ. Akan tetapi walau macam mana pun untuk makluman Yang Berhormat, ia bukan setakat taska ini bukan setakat yang disediakan oleh pihak kerajaan sahaja.

Pihak NGO's juga sudah pun ada menyediakan taska-taska mereka dan kita amat mengalu-alukan ini dan kita membantu mereka daripada segi latihan dan sebagainya. Dalam masa yang sama juga kita berhasrat untuk menambah banyak lagi taska-taska ini di seluruh negara *insya-Allah*, kerana tujuan kita seperti saya sebut tadi, pendidikan daripada peringkat awal lagi, daripada prasekolah lagi.

Kita juga ada cadangan supaya kita dapat bekerjasama dengan pihak-pihak yang lain seperti KEMAS, seperti Jabatan Pendidikan supaya kita dapat bekerjasama secara NBOS untuk mewujudkan taska-taska ini ataupun prasekolah bersama-sama dengan mereka supaya kanak-kanak ini tidak kita asingkan daripada kanak-kanak yang lain. Terima kasih.

**6. Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, bila kerja-kerja pembinaan jalan baru dari KLIA ke Ulu Chuchoh di Sepang akan dimulakan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepang atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya atau JKR negeri Selangor dalam proses melantik juru perunding untuk menjalankan kerja-kerja reka bentuk bagi membina jalan baru menghubungkan Jalan Persekutuan FT5 dengan Jalan Persekutuan FT32.

Cadangan jalan baru ini akan menghubungkan Kampung Ulu Chuchoh, Sepang dengan KLIA melalui jalan negeri B119. Pelantikan juru perunding itu dijangka akan dimuktamadkan selewat-lewatnya pada akhir tahun ini. Manakala, kerja-kerja pembinaan akan dilaksanakan setelah kajian juru perunding disiapkan selama 12

bulan, tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Kerajaan Negeri Selangor. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Soalan tambahan saya, boleh tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri namakan perunding yang telah pun dipilih, itu yang pertama.

Keduanya, saya difahamkan tender dijangka akan dipanggil di dalam tahun 2018 dan anggaran kosnya adalah sebanyak RM100 juta untuk jalan R5 dua buah lorong sepanjang 10 kilometer sahaja. Jadi, soalan saya, adakah maklumat yang saya dapat ini satu maklumat yang sahih dan kalau sahih soalnya ialah kenapakah kos yang begitu tinggi sampai RM100 juta untuk 10 kilometer sahaja? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang atas soalan tambahan. Maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat Sepang itu memang tepat, panjang jalan sebanyak 10 kilometer dengan anggaran kos RM100 juta dengan piawaian R5 dua buah lorong, dua hala.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan tadi pelantikan juru perunding adalah di bawah kerajaan negeri melalui Jabatan Kerja Raya. Saya dimaklumkan mereka ini dalam proses dan dijangka akan dimuktamadkan hingga akhir tahun ini, Yang Berhormat. Oleh daripada itu, soalan mengenai siapa perunding dipilih itu sebenarnya tidak timbul Yang Berhormat sebab mereka dalam proses, saya difahamkan oleh JKR negeri.

Mengenai perkara-perkara ini mungkin Yang Berhormat boleh angkat projek ini untuk diperincikan di peringkat kerajaan negeri sama ada daripada segi bila pelaksanaannya kerana sebenarnya Kerajaan Negeri Selangor yang akan membuat keputusan mengenai perkara tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**7. Tuan Anyi Ngau [Baram]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, rancangan penyediaan kemudahan bekalan air bersih di Kawasan Puyut Marudi Baram dan kawasan Beluru Bakong sejak tahun 2013.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Kerajaan sememangnya sentiasa komited untuk memberikan kemudahan infrastruktur asas kepada rakyat dan masyarakat. Bukan sahaja melibatkan elektrik dan juga air di kawasan luar bandar. Usaha untuk menyediakan semua kemudahan ini merupakan usaha berterusan daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini mengambil maklum tentang keperluan pelaksanaan di kawasan Puyut Marudi, Baram dan kawasan Beluru Bakong dan telah menyelaraskan dengan senarai cadangan pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dalam Rancangan Malaysia yang Kesebelas. Projek di kawasan Beluru Bakong iaitu projek BALB kawasan Marudi bahagian Miri, Sarawak sedang dalam proses memuktamadkan tender. Selain daripada itu, buat masa ini kerja-kerja awalan projek di kawasan tersebut sedang dilaksanakan oleh perunding dan juga juru ukur dan projek ini dijangka akan di tender pada bulan Jun 2017, nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1120

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan kepada soalan. Kita tahu bahawa bekalan air bersih ini adalah yang menyeluruh di kawasan kita ini dan khususnya di daerah kawasan Parlimen Baram. Kita juga tahu bahawa Projek Bekalan Air Luar Bandar ini memang menjadi dasar KKLW Barisan Nasional.

Namun, saya hendak mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya projek bekalan air Marudi-Puyut dan saya rasa ia dinamakan Lubok Nibong di kawasan Baram dan juga di Beluru ini dipercepatkan sebab masalah air untuk kedua-dua kawasan ini kritikal. Sudah menjadi kebiasaan kita untuk kita mendapatkan bekalan air bersih dengan secepat yang mungkin. Saya mohon supaya pihak kementerian dapat mempercepatkan pelaksanaan kedua-dua projek ini. Kalau dapat, kita hendak dalam tahun depan.

Saya juga hendak tanya soalan tambahan ini, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan sama ada perancangan yang telah dibuat untuk kedua-dua kawasan ini juga melibatkan kapasiti loji air yang sedia ada? Ini kerana kawasan-kawasan ini memang ada bekalan air di pekan yang kecil sahaja, tetapi sedikit masa dahulu, pihak kerajaan negeri telah menaikkan taraf kawasan Beluru ini kepada taraf daerah. Saya hendak bertanya sama ada pihak kementerian mempunyai perancangan untuk menentukan supaya bekalan air kepada kawasan-kawasan di kawasan Beluru ini dan juga kawasan Puyut Lubok Nibong ini melibatkan juga loji rawatan air? Sekian, terima kasih.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih atas soalan tambahan dan keprihatinan Yang Berhormat yang melibatkan kawasan Yang Berhormat sendiri.

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang saya sebutkan pada awal tadi dalam soalan asal tadi, projek ini akan ditender pada tahun 2017, *insya-Allah*. Juruukur dan juga perunding sudah pun dilantik dan sedang menjalankan kerja-kerja awalan buat masa ini.

Dalam projek ini, ia menelan belanja sebanyak RM69 juta lebih kurang. Sudah tentulah kita mengambil kira, Yang Berhormat, tentang keperluan-keperluan yang merangkumi kesemua asas penting yang perlu kita laksanakan untuk menyelesaikan masalah di kawasan tersebut.

Contoh, Yang Berhormat, masalah loji tangki air ini satu masalah. Ia mestilah bersesuaian dengan jumlah bilangan penduduk. Begitulah juga dengan sistem retikulasi di kawasan tersebut. Mungkin sistem paip, *piping system* yang ada itu telah terlalu lama- 20 tahun, 30 tahun dan ada yang 40 tahun- dan kita terpaksa melakukan penambahbaikan menggantikan saliran-saliran paip tersebut dengan saluran paip yang baru yang lebih besar.

Maka dengan sendirinya, sistem yang akan kita laksanakan dan juga projek yang akan kita laksanakan ini, ia akan memberi satu kemudahan yang akan kita pastikan dengan lojinya kita perbesarkan, dengan sistem retikulasinya, akan dapat memenuhi keperluan penduduk yang bermasalah di sekitar. Ini kerana kita yakin bukan sahaja dalam tempoh hari ini tetapi dua tiga tahun akan datang penduduk akan bertambah, rumah juga akan bertambah, maka persediaan sekurang-kurangnya untuk beberapa tahun yang akan datang telah kita ambil kira untuk pelaksanaan projek ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Soalan spesifik, Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan tambahan untuk setiap soalan. Kenapakah saya dinafikan hak untuk membuat satu soalan tambahan kedua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, soalan nombor 4 satu soalan tambahan kerana spesifik dan soalan nombor 6 juga soalan spesifik. Tak salah daripada segi peraturan Yang Berhormat. Ya, sila.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya tetapi kalau ada orang hendak tanya soalan nombor dua, apakah sebab Tuan Yang di-Pertua menafikan hak saya untuk membuat satu soalan tambahan? Ini hal Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**8. Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan kepada syarikat yang ingkar membayar gaji minimum kepada pekerja.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat atas persoalan nombor 8.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan dan merealisasikan apa-apa kandungan akta dan undang-undang, aspek penguatkuasaan amatlah penting. Begitu juga dalam kita melaksanakan dasar gaji minimum.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia, berdasarkan aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia setakat 31 Ogos 2016 adalah seperti berikut.

Jumlah aduan berhubung kegagalan majikan membayar gaji minimum sejak dikuatkuasakan sebanyak 2,046 aduan dan daripada jumlah ini, sebanyak 1,997 ataupun 98 peratus telah diselesaikan.

Jumlah pemeriksaan berkanun yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja sebanyak 113,514 dan daripada jumlah tersebut, didapati 112,057 ataupun 99 peratus majikan didapati telah melaksanakan gaji minimum.

Manakala jumlah tuntutan kes buruh berkaitan gaji minimum yang telah difailkan bagi tempoh yang sama sebanyak 1,895 kes dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 549 kes atau 30 peratus telah selesai dibicarakan di Mahkamah Buruh dan selebihnya masih dalam tindakan Jabatan Tenaga Kerja.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan Yang Berhormat Kuala Langat, setakat 31 Ogos 2016, sebanyak 328 Kertas Pendakwaan telah diberikan izin untuk pendakwaan oleh Timbalan Pendakwa Raya atau PUU. Daripada jumlah ini, sebanyak 219 orang majikan telah disabitkan kesalahan di mana sejumlah 362,000 denda telah dikenakan dan bakinya sebanyak 109 kes masih dalam perbicaraan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, melihat daripada perkembangan setelah diimplementasikan Gaji Minimum 2012 ini merujuk kepada kes yang telah pun dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, menampakkan bahawa penguatkuasaan itu tidak menjurus kepada pencapaian yang efisien, kerana sudah berlalu tiga tahun implementasi tarikh berkuat kuasanya gaji minimum.

Dalam laporan yang kita terima daripada PERKESO yang memaklumkan-adakah benar atau tidak tetapi maklumat itu telah pun dimaklumkan kepada umum bahawa hampir satu juta orang pekerja yang masih lagi belum dibayar gaji minimum mengikut potongan SOCSO yang telah pun dimaklumkan kepada umum waktu ini.

Saya ketika berbicara dengan CEO, Yang Berbahagia Datuk Azman, mengesahkan bahawa tidak ada satu klausa atau undang-undang yang boleh memberikan kuasa kepada SOCSO untuk mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat yang membayar gaji minimum.

Jadi soalan saya, apakah langkah yang boleh lagi memantapkan tindakan penguatkuasaan itu dilakukan oleh Kementerian Sumber Manusia untuk memastikan bahawa syarikat yang tidak membayar gaji minimum ini tidak terlepas daripada hukuman? Ini akan membolehkan ia lebih efisien dan lebih bersikap agresif untuk memastikan pekerja itu dapat dibela. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1130

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Saya cukup bangga dengan Yang Berhormat Kuala Langat, Tuan Yang di-Pertua atas kesungguhan beliau. Sebab itu beliau adalah salah seorang daripada Ahli Majlis Perunding Gaji Negara. Bermakna, kalau kegagalan pelaksanaan tindakan ini, bermakna gambarannya adalah kepada Majlis Perunding Gaji Negara. Akan tetapi sebenarnya tidak begitu sebab dalam kita menangani isu gaji minimum ini, kita terpaksa memikirkan dua pihak. Pertama ialah pekerja dan kedua majikan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya memikirkan tentang pekerja, memanglah bukan RM1,000 bayaran gaji bulanan, RM920 di Sabah dan Sarawak bahkan lebih mahal dan lebih besar daripada itu hendak saya berikan kepada pekerja. Akan tetapi dalam masa yang sama kita terpaksa memikirkan majikan. Apakah majikan mampu untuk membayar gaji ini? Sebab itulah letakkan tanggungjawab ini kepada Majlis Perunding Gaji Negara di mana Yang Berhormat Kuala Langat adalah salah seorang daripada ahlinya yang dalam majlis ini dan kita mempunyai jawatankuasa teknikal yang mengkaji seluruh aspek tentang penentuan gaji minimum.

Satu lagi ialah kita mempunyai Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Gaji Minimum yang menentukan baik buruk, positif dan negatif dalam pelaksanaan gaji minimum ini. Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua bahawa penguatkuasaan kita akan teruskan dan kita tidak bertolak ansur kepada majikan-majikan. Sebab itulah kita gunakan Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Gaji Minimum ini untuk kita

selesaikan bagaimana supaya masalah gaji minimum yang harus dan wajib diterima oleh pekerja ini dapat mereka menerima dan majikan mampu untuk membayarnya.

Tentang SOCSO itu Tuan Yang di-Pertua, saya akan semak balik sebab dia berbeza sedikit urusannya dalam gaji minimum dan juga bayaran pampasan yang dilaksanakan oleh SOCSO dan PERKESO. Terima kasih.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kementerian atas pengiktirafan yang diberikan kepada Yang Berhormat Kuala Langat. Banyak jawatan Yang Berhormat Kuala Langat. Nampaknya saya pun hendak kena bersuara macam Yang Berhormat Kuala Langat kot baru dapat pengiktirafan daripada kementerian.

Beginilah, kita berterima kasih kepada pihak kerajaan atas gaji minimum ini. Prihatinnya kerajaan kita, Tuan Yang di-Pertua, gaji minimum dilaksanakan. Penguatkuasaan tidak ada siapa boleh menafikan sedang berjalan tetapi apakah tindakan pihak kementerian kepada saudara-saudara kita yang bekerja di kedai-kedai kecil, yang bekerja sebagai *cleaner*, yang bekerja sebagai *security guard*. Di mana mereka ini sebilangan besar masih tidak lagi dibayar dengan gaji minimum. Mereka takut hendak buat aduan kerana bila dibuat aduan, mereka akan kehilangan kerja. Sudahlah mereka orang miskin.

Jadi di mana peranan kementerian untuk memastikan perkara ini berlaku. Macam mana, Yang Berhormat Kuala Langat, okey? *[Ketawa]* Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Calon Presiden wanita MTUC...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat, sekarang ada saingan sebelah sini, Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Dahsyat tu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Pasir Gudang boleh bertanding dengan Yang Berhormat Kuala Langatlah.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang atas keluhan. Sebenarnya, dalam kita menentukan jawatankuasa ataupun Ahli Majlis Perunding Gaji Negara ini, ia dipilih daripada berbagai-bagai pihak. Yang Berhormat Kuala Langat wakil daripada MTUC kalau tidak silap saya. Kita daripada pihak kerajaan dan yang lain-lain juga ada. Jadi saya ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Pasir Gudang atas suara yang disampaikan itu.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya sambung sedikit lagi. Sebenarnya kita tidak bertolak ansur. Walaupun kita ada perundingan yang dibuat tetapi kita tidak bertolak ansur dan tidak menafikan hak yang wajib diterima oleh pekerja-pekerja ini. Sebab itulah suka saya maklumkan Tuan Yang di-Pertua kes pertikaian perusahaan melibatkan gaji minimum sebanyak 62 kes. Kes pertikaian perusahaan ini bermakna apabila pekerja membuat aduan dan mereka diambil tindakan oleh majikan. Akan dibuang kerja dan sebagainya. Kita akan bawa ke mahkamah perusahaan yang melibatkan 9,000 orang pekerja, daripada jumlah ini sebanyak 18 kes, 29 peratus telah diselesaikan melalui rundingan damai di Jabatan Perhubungan Pusat. Sebanyak 39 kes ataupun 63 peratus telah dirujuk ke mahkamah perusahaan untuk dibicarakan dan sebanyak lima kes atau lapan peratus masih dalam tindakan akhir Jabatan Perhubungan Perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pekerja-pekerja bawahan yang disebutkan tadi termasuklah *security* dan sebagainya, untuk makluman- saya ingat mungkin umum tahu bahawa mungkin ada beberapa sektor seperti sektor pengawal keselamatan dan pekerja-pekerja bawahan ini yang ada sebahagian daripada mereka masih belum mendapat bayaran gaji minimum. Sebenarnya, pihak kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah berunding kerana ada sedikit perbezaan daripada segi mula bayaran gaji diberikan kepada pegawai *security* dan yang lain-lain dan saya kira Menteri Kewangan telah pun berunding dengan pihak majikan dan sebagainya. *Insyah-Allah* saya kira masalah ini akan dapat kita selesaikan kemudian. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak.

**9. Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, pencapaian program bekalan air luar bandar dan bekalan elektrik luar bandar di Sabah dan Sarawak, dan adakah mencapai sasaran yang ditetapkan.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sipitang. Untuk makluman Yang Berhormat, memang setakat hari ini kita belum lagi mencapai sasaran. Walau bagaimanapun, saya mulakan dengan projek elektrik luar bandar dahulu untuk tahun 2016.

Projek yang sedang dan akan dilaksanakan, pencapaian rumah yang kita bagi bantuan sehingga September 2016, untuk negeri Sabah sebanyak 2,400 buah rumah dan Sarawak sebanyak 2,245 buah. Sasaran kita 5,000 buah di Sabah pada tahun ini



dan 4,500 di Sarawak. 95.06 peratus untuk Sabah dan 94.41 peratus bagi negeri Sarawak. Separuh daripada pelaksanaan untuk di negeri Sabah dan Sarawak masih lagi di dalam *ongoing*.

Bagi perancangan tahun 2017, saya sebutkan juga di sini Tuan Yang di-Pertua, untuk Sabah, sasaran kita sebanyak 5,500 buah rumah dan juga untuk Sarawak sebanyak 4,000 buah rumah. Daripada segi sasaran pencapaian peratusannya, 97.89 peratus untuk Sabah dan 97.03 peratus untuk Sarawak.

Manakala untuk bekalan air luar bandar, Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2016 yang sedang dan akan dilaksanakan, sasaran ialah sebanyak 1,000 buah rumah di Sabah dan 1,000 buah rumah di Sarawak dan pencapaian sehingga September 2016 sebanyak 525 buah di Sabah dan 1,106 buah di Sarawak.

Saya juga hendak maklumkan, untuk bekalan air luar bandar bagi tahun 2017, untuk Sabah, peruntukan yang kita peruntukan ialah RM230 juta dan Sarawak sebanyak RM215 juta. Sasaran 1,000 di Sarawak dan juga 1,000 unit untuk di Sabah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum saya menanyakan soalan, Parlimen mengalu-alukan kehadiran Ketua-ketua Kampung Parlimen Jerantut ke Dewan yang mulia ini [*Tepuk*]

■1140

Mengikut apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah peruntukan yang diperlukan bagi pelaksanaan air dan elektrik luar bandar untuk memastikan masyarakat di luar bandar khususnya dapat menerima kedua-dua kemudahan ini? Adakah termasuk peruntukan untuk membina solar, set generator, *solar hybrid* dan sebagainya untuk memastikan masyarakat luar bandar bukan sekadar isi rumah tetapi juga keperluan dalam bidang pendidikan? Yang mana hari ini kerajaan menggalakkan dan menggunakan digital sistem iaitu penggunaan komputer di luar-luar bandar sedangkan bagaimana tenaga elektrik ini suatu tenaga yang amat diperlukan bagi masyarakat di luar bandar.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat Sipitang. Saya tengok dari tadi lagi mantan Menteri KKLW tersenyum memandang saya. Maknanya dia bersetuju lah itu dengan apa yang saya sebutkan di sini.

Untuk makluman Yang Berhormat, untuk Rancangan Malaysia Kesebelas sebagaimana pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri

Kewangan dan ia apa pun akan bersandarkan kepada kedudukan kewangan semasa. Mungkin ada pertambahan dan kita harap akan ada pertambahan bagi tujuan ini.

Projek elektrik luar bandar bagi Sabah RM1.767 bilion yang diperuntukkan dan Sabah RM1.353 bilion yang berjumlah kedua-dua negeri ini RM3.121 bilion, Sabah dan Sarawak. Bagi air luar bandar RM2.852 bilion di Sabah dan Sarawak RM6.159 bilion yang jumlah keseluruhannya ialah RM9.011 bilion dan sudah tentulah apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sumber-sumber tambahan sememangnya kita ambil kira untuk memastikan kawasan-kawasan pedalaman. Mungkin sistem solar cara yang terbaik untuk kita memberi bekalan elektrik kepada masyarakat luar bandar dan *insya-Allah* kita akan cuba untuk menyelesaikan sebanyak mungkin permasalahan-permasalahan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat termasuk di Semenanjung. Terima kasih

**11.43 pg.**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan spesifik untuk Sabah. Pihak sana tak perlu tanyalah. Terima kasih Timbalan Menteri, ini soal Sabah ini sudah menjadi popular jika disentuh soal bekalan air Tuan Yang di-Pertua dan tidak tertinggalah kawasan saya Yang Berhormat Menteri. Projek bekalan air di Pulau Gaya dan bekalan elektrik. Bekalan elektrik sudah dilaksanakan siap tetapi bekalan air tiba-tiba dihentikan. Asas daripada ini saya telah minta daripada bekas Menteri KKLW dahulu Tan Sri Muhammad bin Muhammad Taib dan saya telah membawa sepuluh orang Ahli Parlimen melawat pulau itu dengan pada masa itu hanya minum air perigi. Apabila kemarau, air perigi pun kering. Jadi, Kerajaan Pusat bersetuju untuk memberi air dengan *submarine pipe* tetapi apa masalahnya sekarang? Dihentikan projek itu, orang kampung di Pulau Gaya tidak dapat bekalan air.

Saya minta Kerajaan Pusat supaya melihat perkara ini dengan serius supaya penduduk-penduduk sana ada beribu-ribu penduduk sana Yang Berhormat Timbalan Menteri. Orang marah dengan wakil rakyat orang marah dengan kerajaan sebab paip itu dihentikan dan paip yang besar itu dipindahkan kepada kawasan di Tuaran. Jadi saya mintalah jangan buat tangki biru sahaja dan disalurkan dan orang kampung pakai *gallon* untuk angkat. Saya minta, saya *repeat* minta supaya bekalan air dapat diteruskan kepada rumah-rumah penduduk di Pulau Gaya. Sekian.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Putatan. Memang apabila mendengar suara wakil rakyat yang begitu prihatin seperti Yang Berhormat ini saya pun sedih dan turut bersimpati. Oleh hal yang demikian saya akan cuba untuk meminta laporan secepat mungkin. Hari ini juga saya

akan kemukakan kepada Yang Berhormat apakah status kedudukan rancangan projek tersebut, terhenti, tergendala atau apa masalah punca yang sebenarnya? Saya akan bagi petang ini kalau Yang Berhormat jumpa saya. *Insyallah* saya akan bagi petang ini juga.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Rakyat di Putatan mendengar.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih, Yang Berhormat. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita telah mendengar betapa banyaknya peruntukan yang telah diperuntukkan kepada negeri Sarawak dan Sabah. Akan tetapi kita harus mengingatkan kita sendiri bahawa negeri-negeri tersebut bukanlah sebegitu kecil dan masalahnya masih jauh dari apa yang telah diselesaikan. Oleh yang demikian saya menyarankan di sini bahawa bukan hanya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tetapi juga semua kementerian lain termasuk Jabatan Perdana Menteri untuk mengingatkan kita sendiri bahawa oleh sebab Sabah dan Sarawak begitu jauh ketinggalan maka kita memerlukan peruntukkan yang lebih lagi daripada apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Kita mesti juga mengingatkan bahawa kos pengendalian projek-projek tersebut adalah lebih tinggi di Sarawak dan Sabah oleh sebab jarak daripada satu kampung ke satu kampung begitu jauh. Sumber-sumber yang adapun begitu terhad dan oleh yang demikian Yang Berhormat Timbalan Menteri sekiranya tidak ada jawapannya saya hanya menyarankan bahawa jangan kita teringat bahawa peruntukan-peruntukan yang begitu besar telah disebut itu mencukupi iaitu jauh tidak mencukupi. Tuan Yang di-Pertua sendiri tahu bahawa kampung beliau pun lama ketinggalan. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang bersetujulah dan saya akan mengambil perhatian terhadap perkara tersebut. *Insyallah* kita akan bawa dalam perbincangan untuk kita kemukakan pandangan Yang Berhormat ini kepada pihak Kementerian Kewangan. Terima kasih.

**10. Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan bersedia menambah baik sistem pemerintahan negara dengan mereformasikan institusi-institusi kerajaan sejajar dengan amalan demokrasi yang sihat dan matang di samping memperjelaskan pemisahan kuasa antara pihak legislatif, eksekutif dan kehakiman.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep pemisahan atau pengasingan kuasa satu doktrin yang mengesyorkan pengasingan antara tiga badan iaitu badan perundangan (legislatif), badan pentadbiran (eksekutif) dan badan kehakiman (*judiciary*). Ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya ketidakadilan yang dijangka akan wujud jika kuasa itu dipegang oleh satu badan tertentu sahaja.

Sungguhpun konsep pengasingan kuasa antara perundangan eksekutif dan kehakiman ini tidak disebut secara nyata dalam Perlembagaan Persekutuan, namun ia boleh dilihat secara tersirat khususnya melalui Bahagian IV, Bab 4 bagi Badan Eksekutif, Bab 4 bagi Badan Perundangan Persekutuan, dan Bab 9 bagi Badan Kehakiman. Kuasa perundangan terletak pada Parlimen yang mempunyai tugas untuk menggubal undang-undang, kuasa eksekutif diletakkan kepada Jemaah Menteri manakala kuasa kehakiman pula terletak kepada mahkamah bagi mentafsirkan undang-undang serta mendengar dan mengendali sesuatu pertikaian atau tuntutan dan kesemuanya diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong selaku ketua bagi negara ini.

Setiap badan ini mempunyai kuasa masing-masing yang berbeza antara satu sama lain dan setiap daripadanya dilindungi daripada pencerobohan, dengan izin, *encroachment*- kuasa oleh yang lain. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

■1150

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya merasakan bahawasanya ada kejanggalan di antara melaksanakan *separation of powers*, dengan izin di antara ketiga-tiga itu. Saya hendak tanyalah sama ada kerajaan bersedia atau tidak, sebab mungkin kerajaan akan berkata tidak ada percanggahan atau tidak ada percampuran tetapi pada hemat sebahagian besar daripada kami saya rasa prinsip kebebasan itu telah pun dinodai. Adakah kerajaan bersedia untuk menubuhkan satu Jawatankuasa sama ada peringkat Parlimen atau peringkat kementerian di mana tiap-tiap parti diwakili untuk kita berbicara mengemaskan lagi keadaan yang ada pada hari ini.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Kerajaan sentiasa bersedia untuk menambahbaikkan apa juga perkara demi kebaikan masa depan negara. Terima kasih.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tak soalan saya sama ada bersedia Tuan Yang di-Pertua, untuk mengadakan satu Jawatankuasa Khas, dipanggil semua wakil parti untuk membicarakan isu yang cukup penting ini. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Kerajaan sentiasa bersedia untuk melakukan apa sahaja demi kebaikan masa depan negara.

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas jawapan yang tidak berjawab. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberikan jawapan tadi. Cuma saya ingin membangkitkan satu perkara apabila kita membicarakan tentang, dengan izin, *separation of power* ataupun pemisahan kuasa antara tiga badan eksekutif, legislatif dan *judiciary* ini. Saya ingin mendapat penjelasan mengenai *judiciary*, apabila kita melihat dalam Perlembagaan, perkara 122B iaitu berhubung dengan pelantikan seseorang hakim sama ada Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi. Perkara 122B ini menyatakan bahawa hakim-hakim dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong yang bertindak atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-raja.

Jadi di sini kita tahu bahawa Perdana Menteri ketua kepada Badan Eksekutif. Jadi seolah-olahnya pandangan umum bahawa hakim-hakim yang mengendalikan badan *judiciary* atau kehakiman ini dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong tetapi dengan nasihat daripada Perdana Menteri yang mana kita tahu Perlembagaan kita menyatakan bahawa nasihat Perdana Menteri adalah wajib dilaksanakan oleh Yang di-Pertuan Agong. Jadi saya hendak minta penjelasan bagaimana kerajaan boleh menyelaraskan atau meyakinkan rakyat bahawa *judiciary* kita di Malaysia ini benar-benar sebuah badan bebas, pelantikan hakim tidak ada campur tangan daripada badan-badan lain terutamanya eksekutif yang terdiri daripada orang-orang politik. Mohon penjelasan.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya perlu saya nyatakan bahawa memang di dalam negara kita ini seperti Yang Berhormat semua tahu berikutan daripada persoalan yang dibangkitkan pun menjelaskan bahawa kita tidak mempunyai pengasingan yang mutlak. Malahan dalam pelaksanaan selama ini pun seperti yang pernah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes Kok

Wah Kuan yang menyatakan perkara yang sama. Namun begitu seperti yang dibangkitkan ada banyak keputusan daripada segi pemisahan ini kita hormati sebagai contoh di Dewan ini kita tidak boleh mudah-mudah untuk bercerita tentang kuasa seorang hakim, sikap seorang hakim kecuali dengan membawa usul. Itu dalam bentuk pelaksanaan kita dan semua hormati.

Begitu juga ada keputusan-keputusan yang dibawa sehingga ke peringkat mahkamah, sama ada semakan kehakiman atas keputusan-keputusan yang dibuat oleh mana-mana Menteri atau Perdana Menteri sekali pun pernah berlaku di dalam negara kita. Jadi yang pertama, memang tidak ada kuasa mutlak ataupun pengasingan mutlak terhadap *separation of powers* yang dinyatakan tadi tetapi selama ini kita menjalankan secara praktiknya kuasa itu dihormati antara satu badan dengan badan yang lain. Oleh sebab itu apabila Yang Berhormat Indera Mahkota bukan saya tidak mahu menjawab, itu jawapan. Ada banyak cadangan yang dikemukakan oleh para Yang Berhormat selama ini telah kita bincang dan kita laksanakan bergantung pada kesediaan dan juga kepada keperluan pada satu-satu masa.

*Insyah-Allah* perkara ini juga kita akan pertimbangkan kerana kita juga berhasrat bidang kehakiman, pelantikan seorang hakim ini dibuat secara yang terbaik mungkin kerana ia mustahak dalam meneruskan keamanan dan penghormatan kepada institusi dalam negara. Terima kasih Yang Berhormat.

**11. Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apa kesan yang diperoleh melalui program "*KL Car Free Morning*" yang dijalankan pada hari Ahad minggu pertama dan ketiga setiap bulan dan adakah pihak kementerian bercadang memperluaskan lagi kawasan itu pada masa akan datang.

**Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor]:**  
*Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, cahaya Tuan Yang di-Pertua itu berbeza sedikit. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan telah dapat masuk Kaabah, syukur *alhamdulillah*.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Setiawangsa, *KL Car Free Morning*, dengan izin, yang diadakan pada hari Ahad pertama dan ketiga setiap bulan sudah memasuki tahun ketiga penganjurannya dan telah memberikan pelbagai impak positif bukan sahaja di peringkat Kuala Lumpur malahan juga kepada negara serta peringkat antarabangsa dan negeri-negeri yang lain.

Antara impak positif yang didapati melalui program ini adalah menggalakkan masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat. Mengukuhkan hubungan kekeluargaan serta institusi komuniti di mana kelazimannya, aktiviti-aktiviti *KL Car Free*

*Morning* dengan izin dilaksanakan bersama keluarga. Program yang berkonsepkan 1Malaysia iaitu melibatkan penyertaan serta semua kaum. KLCFM ini menjadi penggerak kepada pembudayaan *Car Free Morning*, dengan izin, di negeri-negeri lain. KLCFM juga turut mendapat sambutan di peringkat antarabangsa daripada segi jumlah penyertaan, bilangan minimum penyertaan bagi setiap siri pada masa ini lazimnya adalah sekitar 2,000 orang dan pada satu-satu ketika pernah mencatat penyertaan melebihi 10,000 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak bercadang untuk memperluaskan lagi laluan KLCFM dalam tempoh terdekat ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah sekarang *KL Car Free Morning* ini hanya melibatkan dua jam, 7 hingga 9, adakah ada cadangan untuk menambah masa 1 jam lagi? Boleh tak ia dipanjangkan di seluruh kawasan Parlimen bagi maksud *free carbon emission* ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan. Itu boleh kita pertimbangkan untuk meningkatkan satu jam lagi ataupun dua jam lagi. Akan tetapi untuk memperluaskan kepada kawasan lain, ini memberikan sedikit masalah oleh sebab kekangan yang sedang dihadapi di Kuala Lumpur khususnya dalam kesesakan lalu lintas, jadi kalau semua jaringan lalu lintas ini terurus dan diselesaikan, pengkhususannya dengan *public transport* dengan izin, barangkali kita akan fikirkan boleh mengembangkan jaringan-jaringan ini. Sekian, terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Ini *KL Car Free Morning*, wakil rakyat di sebelah sini semua tidak dijemput. Sekarang kalau Tuan Yang di-Pertua hendak tanya saya mana ada tempat *KL Car Free Morning*? Sebenarnya saya pun tak tahu. Saya tanya Yang Berhormat- tidak tahu, Yang Berhormat Batu tidak tahu, Yang Berhormat Lembah Pantai tidak tahu. Jadi adakah ini menunjukkan yang DBKL atau kementerian telah menjayakan Program *KL Car Free Morning* kerana Wakil Rakyat pun tidak tahu, kami tidak dijemput, tidak ada publisiti? Sebenarnya saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sekarang saya pernah sesak dalam *traffic jam* pada hari Sabtu yang lepas. Hari Sabtu sepatutnya yang orang *free*, boleh pergi *shopping* dan lain. Saya *stuck* ini *roundabout* dekat Jalan Parlimen sini satu jam. Tak tau apa yang dilakukan dekat sana, tidak ada papan tanda, tak ada orang tahu kenapa kita sesak dalam *traffic*.

Saya hendak tanya memandangkan DBKL ingin menjual tanah bagi lebih rumah mampu milik dibina di sana sini dengan *density* yang tinggi sangat, adakah kementerian dan juga DBKL mengadakan lebih mesyuarat dengan pihak SPAD untuk membincangkan macam mana memperluaskan lagi pengangkutan awam khususnya bas untuk orang ramai supaya kita boleh naik dengan pengangkutan awam.

■1200

Jangan tiba-tiba adakan cadangan seperti *congestion charges* dan sebagainya. Bila dibebel DBKL hendak tambahkan lagi penduduk di pusat bandar Kuala Lumpur tanpa melihat pada kesesakan trafik dan juga ke tahap pengangkutan awam yang paling tidak memuaskan yang berlaku di Kuala Lumpur sekarang. Minta penjelasan.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Seputeh. Minta maaf Yang Berhormat Seputeh, kalau Yang Berhormat Seputeh kata Yang Berhormat Seputeh tidak tahu *Car-Free Morning*, saya ingat Yang Berhormat Seputeh suka tengok komputer dengan cerita yang bukan-bukan. Tiap-tiap papan tanda yang kita ada ITIS, tiap-tiap seminggu sebelum ada *Car-Free Morning*, itu dipaparkan. Tiap-tiap jalan yang akan ditutup, dipaparkan. Tolong buka mata, tengok. Jangan salahkan DBKL.

Yang Berhormat Seputeh senang, kalau Yang Berhormat Seputeh tidak mahu menyediakan rumah-rumah untuk orang-orang Seputeh untuk duduk dengan rumah mampu dimiliki, boleh. Saya tidak payah bangunkan. Semua apa yang kita lakukan Yang Berhormat kata salah. Apa yang sebenarnya kita lakukan adalah untuk kebaikan rakyat di Kuala Lumpur. Apa yang telah dibangunkan oleh kerajaan, jaringan *public transport* untuk makluman Yang Berhormat, kita ada GO-KL *bus* yang diberikan secara percuma. Tiap-tiap tahun kita berbelanja lebih daripada RM70 juta, kerajaan bayar untuk menyediakan bas percuma digunakan oleh warga Kuala Lumpur.

Jadi inilah masalah Yang Berhormat tidak tengok. Yang Berhormat hanya buka *hand phone* cerita yang bukan-bukan, fitnah, fitnah, fitnah, cakap yang bukan-bukan. Tolong sikitlah. Buka minda, lihat kebaikan yang dilakukan oleh kerajaan yang ada hari ini. Kerajaan hari ini merupakan kerajaan yang prihatin kepada rakyat. Saya sebagai Menteri Wilayah Persekutuan berjanji di dalam Dewan ini, saya akan pastikan bahawa rakyat saya senang. Itu Yang Berhormat, tolong jaga Yang Berhormat Seputeh. Sekian, terima kasih.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**



**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2016**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2017 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2017, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 2016, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[26 Oktober, 2016]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, giliran yang berhujah sekarang ini iaitu Yang Berhormat Jerantut dan Yang Berhormat Jerantut ada 30 minit. Jadi Ahli Yang Berhormat, seperti yang kita sedia maklum di hadapan ini ada dua monitor yang menandakan masa. Jadi masa itu kalau berakhir maka berakhirilah. Jadi tidak ada *injury*, kalau ada pencelahan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Jadi terpulang kepada Yang Berhormat yang berhujah itu sama ada bagi laluan atau tidak. Jadi kalau Yang Berhormat berhujah tidak bagi laluan, saya harap janganlah paksa Ahli Yang Berhormat itu dengan berdiri dan mengganggu oleh sebab masa itu emas, tidak ada *injury time*. *So, it will be your fault* kalau ada perkara sebegini. Sila Yang Berhormat Jerantut.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, peraturan mesyuarat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 36(12), Perkara 36(12) di mana saya telah juga menulis sepucuk surat kepada Tuan Yang di-Pertua semalam untuk merujuk Ahli Yang Berhormat Pekan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana ucapan beliau Bajet 2017 itu saya ada sebab untuk percaya bahawa ia telah mengelirukan Dewan. Jadi saya masih belum dapat lagi keputusan daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Parlimen sekarang luar biasa. Pemikiran-pemikiran kita pun sekarang luar biasa. Kadang-kadang yang tidak dijangka oleh pemikiran saya, otak kampung ini membingungkan. Ahli Yang Berhormat, sedia maklum bahawa apabila sesuatu usul dibawa di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12), ia mesti mematuhi syarat-syarat yang tertentu. Antara lain ialah mesti ada *prima facie* kes.

Sekarang saya menimbang Ahli Yang Berhormat kerana pernah di suatu ketika dahulu saya ingat seorang Ahli Yang Berhormat daripada Indera Mahkota, bukan yang sekarang yang bernama Yang Berhormat Azan kalau tidak silap saya. Dia seorang akauntan dan juruaudit. Dia menimbulkan satu persoalan yang kononnya dalam buku yang dibentangkan ada duit *missing RM1 billion over*. Selepas itu pada ketika itu Yang Berhormat Permatang Pauh membuat *press statement* di luar, bermakna menghentam kepada kerajaan bahawa duit itu hilang.

Jadi saya dihubungi telefon oleh Timbalan Menteri Kewangan pada ketika itu, dia mohon izin kepada saya, bolehkah dia juga membuat kenyataan akhbar di luar memandangkan Permatang Pauh membuat kenyataan di luar. Ini kerana *ruling* saya pada ketika itu ialah beri saya masa untuk tengok dan panggil pihak-pihak yang tertentu sebelum saya membuat keputusan. Apabila Timbalan Menteri Kewangan membalas kenyataan akhbar, selepas itu tidak ada lagi tindakan balas daripada orang yang menuduh kerana penjelasan itu adalah tepat dan *precise*.

Pengalaman saya pada ketika itu saya panggil pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan sendiri. Datang seorang senior pegawai kewangan. Dia menyatakan kepada saya, dia kata Tan Sri Speaker, saya terlibat untuk membuat belanjawan pada hampir setiap tahun sejak Dato Seri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan, beginilah cara kami buat, tidak adapun *inquiry*.

Jadi, dalam hal ini saya cuma mengingatkan kadang-kadang ada perkara yang tidak tertulis yang kita tidak nampak yang mempunyai penjelasan di belakang. Jadi bagi saya peluang untuk siasat, selepas itu saya akan buat *ruling* kerana itulah

kehendak Peraturan Mesyuarat 36(12), mesti ada *prima facie* kes. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, jadi saya anggap bahawa keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah supaya hal ini akan disiasat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ada...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** ...Dan akan diberikan satu penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sebab saya belum buat keputusan Yang Berhormat kerana baru saya nampak Yang Berhormat punya usul kelmarin. Usul ini pun pembentangan bajet belum pernah berlaku dalam mana-mana Parlimen. Setahu saya bahawa bajet itu ada dia punya *discrepancy* sehingga dituduh yang membentangkan bajet adalah mengelirukan Dewan. Jadi bagi saya masa.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ada menyertakan beberapa *evidence* ataupun buktinya. Jadi saya serahkan kepada kebijaksanaan dan keadilan Tuan Yang di-Pertua dalam hal ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Jerantut.

**12.08 tgh**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam sehati sejiwa. *Bismillahir Rahmanir Rahim...* [Membaca selawat] Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan ruang kepada saya untuk turut bersama dalam membahaskan Bajet 2017 yang lalu. Izinkan saya untuk menghadihkan sebuah pantun kepada Tuan Yang di-Pertua,

*Nasi lemak anak dara dijual hari-hari,*

*Untuk dibeli buat sarapan,*

*Tuan Yang di-Pertua pintar lagi bestari,*

*Terima kasih mengizinkan saya memberikan ucapan.*

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada kerajaan Barisan Nasional yang tidak pernah gagal membentangkan bajet untuk kesejahteraan rakyat dari dulu, kini dan *insya-Allah* berterusan. Khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Kewangan. Walaupun dalam keadaan ekonomi dunia yang

bergerak perlahan tetapi kita mampu merangka sebuah bajet yang membawa kesejahteraan kepada rakyat.

Juga terima kasih kepada rakan-rakan di Kementerian Kewangan yang turut menyediakan bajet ini sejak dulu sehingga sekarang walaupun pada tahun ini kalau kita dengar pelbagai ucapan dalam Dewan yang mulia ini, meremehkan bajet yang telah disediakan oleh kumpulan yang sama sejak sebelum ini. Tahniah, mudah-mudahan usaha tuan-tuan yang menyediakan bajet ini mendapat keredaan Allah SWT juga.

#### ■1210

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini saya ingin membetulkan terlebih dahulu pemesanan fakta yang dibawa oleh rakan saya daripada Raub pada hari semalam iaitu dia menyatakan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Pekan menyatakan kos membina 616 kilometer jalan kampung. Bagi saya, saya hendak betulkan persepsi ini, kerana persepsi akan membawa pelbagai natijah yang lain. Sedangkan fakta sebenar yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan ialah- ini fakta ya- membina dan menaik taraf 616 kilometer, ia tidak berhenti di situ, ia sambung lagi- 616 kilometer jalan kampung dan jambatan bagi meningkatkan jaringan perhubungan kampung, pekan dan bandar dengan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion. Ini fakta.

Sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bagi pantun kepada rakan saya di Raub ini,

*Berburu ke padang datar,*

*Dapat rusa berbelang kaki,*

*Berguru kepalang ajar,*

*Menyebabkan rakyat dengki-mendengki.*

Oleh sebab fakta yang salah, kerana persepsi yang kita pertambahkan menyebabkan maklumat yang sebenar tidak dapat disampaikan kepada rakyat. Apabila ini berlaku, maka pelbagai tanggapan yang ada pada masyarakat yang memungkinkan natijahnya nanti ialah rakyat sesama sendiri akan mengalami perbalahan ekoran daripada fakta yang telah kita selewengkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekadar berkongsi maklumat yang saya dapat mengenai dengan kedudukan harga minyak yang terkini, antara sumber pendapatan utama tahun-tahun sebelum ini daripada Petronas. Saya mendapat maklumat- kerana apa? Saya hendak kongsi di Dewan ini kerana ada tohmahan mengatakan Petronas sebuah syarikat yang zalim, tidak berhati perut, membuang pekerja sesuka hati.

Sedangkan, keadaan yang sebenarnya yang sepatutnya kita kongsi dengan orang ramai kita berikan fakta supaya masyarakat boleh menganalisis fakta itu dan membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita membuat perbandingan antara Petronas dengan sebuah syarikat minyak di Abu Dhabi, hasil minyak yang dikeluarkan oleh negara kita sekitar 500,000 tong sehari. Di Abu Dhabi, 3.5 juta tong sehari. Beza. Kos pengeluaran di Malaysia ini dalam lingkungan USD4.2 satu tong. Sedangkan di Arab Saudi, kalau di daratan, kos pengeluarannya cuma USD2 setong, dan kalau di lautan, ia dalam lingkungan USD12 setong.

Isunya ialah, dalam hal ini, Petronas mempunyai lebih kurang 51,000 orang kakitangan dengan pengeluaran 500,000 tong sehari, berbanding dengan syarikat Petroleum Abu Dhabi yang hanya mempunyai 25,000 orang kakitangan sahaja. Hampir separuh lebihnya yang ada di Petronas sedangkan pengeluaran kita sedikit sahaja. Yang dibuang oleh Petronas setakat ini baru 1,000 orang daripada 51,000 orang. Berbanding dengan syarikat minyak yang lebih besar, lebih gagah daripada Petronas, telah pun membuang kakitangannya seramai 3,000 daripada 25,000 orang. Jadi, ini fakta. Janganlah kita meletakkan Petronas begitu teruk sedangkan Petronas lah memberikan tanggungjawab sosial bagi membantu kerajaan membangunkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan bajet yang lalu. Kegusaran, kerisauan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap keadaan alam sekitar di negara kita. Saya hendak baca semula, Tuan Yang di-Pertua... *[Membaca petikan] "Sehubungan dengan hal alam sekitar, kita perlu terus memelihara alam semula jadi terutamanya kawasan tadahan air dan memastikan bahawa kawasan-kawasan yang telah diisytiharkan sebagai hutan simpanan dan taman-taman nasional dijaga serta sentiasa dipertahankan agar tidak dicerobohi. Ini hanya akan menjadi kenyataan seandainya semua kerajaan negeri, tidak kira diperintah oleh Barisan Nasional ataupun pembangkang, memberikan kerjasama yang sepenuhnya dengan gandingan sektor swasta dan rakyat jelata".*

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya, apabila alam sekitar kita dinoda dan diperkosa tanpa ada rasa tanggungjawab yang penuh, maka malapetaka akan melanda rakyat dan negara. Kita sering mendengar dan malam semalam pun Yang Berhormat rakan kita di sebelah sana diberi berpeluang mengatakan salah satu empangan di Johor ini mengalami kekeringan- kerana apa? Ia kerana di puncaknya di

hulu empangan ini sudah tidak ada hutan, yang ada hanya ladang kelapa sawit. Jadi bagaimana empangan ini boleh memberikan air yang mencukupi?

Kita sering membaca atau kita sering mendapat maklumat di media bagaimana krisis bekalan air tidak mengira negeri mana, yang paling hebat di Lembah Klang, di Selangor, dan tidak terkecuali juga di negeri saya di Pahang.

Selain daripada krisis bekalan air ini juga, pengolahan alam sekitar terutamanya kawasan-kawasan hutan yang tidak terkawal dengan rapi boleh menjadi antara punca kepada berlakunya banjir di seluruh negara seperti pengalaman yang telah kita lalui pada tahun 2014 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila keadaan alam semula jadi khususnya hutan ini diteroka tanpa ada halangan seperti mana saya katakan tadi, bukan sahaja membawa kepada masalah kekurangan bekalan air, bukan sahaja membawa masalah kepada ancaman banjir tetapi yang turut parahnyalah ialah berlakunya konflik antara haiwan atau binatang-binatang yang berada dalam hutan-hutan kita dengan manusia. Kita sering mendengar bagaimana tanaman-tanaman penduduk, tanaman-tanaman masyarakat yang berhampiran dengan kawasan hutan telah dirosakkan, telah diserang oleh binatang-binatang liar khususnya gajah. Tidak kurang juga peristiwa...

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Jerantut.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Ya, sila. Jangan lama sangat.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pendapat sikit, adakah Yang Berhormat Jerantut bersetuju dengan saya bahawa dalam mengawal alam sekitar di negara kita ini, perlu ada kajian dan semakan semula peruntukan undang-undang yang diselaraskan di antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan? Ini kerana sekarang ini kita tengok banyak yang menjadi masalah kita ialah apabila Kerajaan Persekutuan hendak membuat sesuatu tindakan, semua tertakluk kepada undang-undang yang dipakai oleh kerajaan negeri dan ia lebih berkuasa. Jadi, halangan undang-undang ini menjadi salah satu sebab kenapa pemeliharaan alam sekitar di Malaysia termasuklah kawasan tadahan air dan sebagainya menjadi satu masalah. Setujukah Yang Berhormat Jerantut? Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tasek Gelugor. Memang itu fakta dan, *insya-Allah*, saya akan sampai kepada tajuk seperti mana yang diutarakan oleh sahabat saya.

Tuan Yang di-Pertua, kemusnahan hutan tanpa kawalan berlaku di banyak tempat. Tidak terkecuali di kawasan saya, di Parlimen Jerantut, kawasan Parlimen sahabat saya Yang Berhormat Lipis yang mana kita bersempadanan dengan Taman Negara. Kawasan rayau binatang yang sepatutnya membekalkan sumber makanan

telah menjadi semakin berkurangan. Habitat mereka telah terancam menyebabkan mereka menghampiri kawasan-kawasan penempatan penduduk.

■1220

Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan sekalian, mengapakah keadaan ini terjadi? Apakah undang-undang yang sedia ada tidak cukup kuat atau sikap rakus pengusaha-pengusaha atau salah urus pentadbiran kita? Mengimbuai isu kemusnahan hutan ini seperti mana yang berlaku pada awal tahun ini, kita lihat di dada-dada akhbar bagaimana Sungai Pahang, antara sungai yang terbesar di Semenanjung ini mengalami kekeringan, hampir kering, hampir tidak mengalir air sungainya.

Apabila ini berlaku, ancaman, bukan sahaja kemusnahan hutan itu tadi, gangguan bintang liar, bukan sahaja bekalan air kita terancam, ia menambah seksa kepada penduduk-penduduk atau pun rakyat yang menjadikan sungai sebagai sumber pendapatan mereka. Berapa ramai rakan penternak ikan kita rugi jutaan ringgit yang mana mereka mengusahakan ternakan ini di sepanjang Sungai Pahang?

Terima kasih saya hendak rakamkan kepada beberapa NGO yang turut membantu mengawal agar kemusnahan hutan ini dapat kita kawal demi kesejahteraan rakyat dan demi kita hadiahkan kepada generasi yang akan datang, seperti Persatuan Perlindungan Alam Sekitar, seperti Persatuan Perlindungan Khazanah Alam yang begitu aktif. Sebenarnya mereka ini merupakan rakan kepada kerajaan, bukan musuh kepada kerajaan kerana mereka ini hanya mengharapkannya agar kita mampu menguruskan alam ini dengan sebaiknya, agar alam ini tidak mengajar kita bagaimana menguruskannya.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Jerantut, boleh?

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat, saya ada tinggal 15 minit sahaja. Sedikit. Sila.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Jerantut, berkaitan dengan proses pemberian balak yang menyebabkan pencemaran air dan air tersebut jadi tidak ada. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Jerantut, kawasan-kawasan tadahan air ini diberi juga pengeluaran balak oleh pihak jabatan hutan. Sejauh mana jabatan hutan menyedari perkara tersebut walaupun diperkatakan beberapa kali tetapi perkara tersebut terus berjalan? Minta pandangan Yang Berhormat Jerantut.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih sahabat saya dari Gerik. Itu merupakan satu fakta dan *insya-Allah*, saya akan sampai, jika ada masa, kepada tajuk Yang Berhormat bangkitkan tadi. Keadaan ini membuktikan apa yang saya katakan tadi, kemusnahan hutan itu kerana mungkin Tuan Yang di-Pertua, salah

urus hutan. Menebang hutan tanpa mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan, tanpa mengambil kira peraturan-peraturan yang sedia ada. Mungkin juga wujud pembalakan haram di celah-celah kawasan pembalakan yang dihalalkan.

Jadi, di sini letaknya peranan penguatkuasaan. Ada desas-desus Tuan Yang di-Pertua, yang lebih membimbangkan saya sebagai Ahli Parlimen kawasan Jerantut yang mana kawasan tadahannya, tadahan utama Sungai Pahang ini ialah di Ulu Tembeling. Ada ura-ura, desas-desus menyatakan kerajaan akan mengecilkan saiz Taman Negara ini yang berkeluasan 4,343 kilometer persegi ini. Jika ini benar, hendak dikecilkan kepada saiz taman negeri, ini merupakan satu malapetaka kepada Sungai Pahang sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, kerajaan perlu lebih komited dalam menjalankan pemuliharaan dan penjagaan alam sekitar, terutamanya dalam memastikan kawasan tadahan air negara kita selamat dan mampu membekalkan bekalan air bersih kepada negara. Oleh itu pada saya, kerajaan perlu mengetatkan undang-undang yang sedia ada. Kalau Akta Perhutanan Negara 1984 itu tidak mencukupi, maka kita yang ada dalam Dewan ini, bukan sahaja barisan kerajaan dan juga pembangkang, perlu bersatu untuk kita sama-sama memastikan agar hutan negara kita ini diurus dengan lebih baik, agar undang-undang baru yang lebih mencengkam pengusaha-pengusaha ini dapat kita kawal.

Di samping itu, mungkin tambahan kempen-kempen kesedaran perlu diperluaskan secara agresif, terutama di kawasan-kawasan pedalaman yang berhampiran kawasan hutan ini supaya kesedaran masyarakat dapat kita pertingkatkan. Selain itu, kaedah-kaedah penyelidikan seperti yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan dengan penubuhan Pusat Penyelidikan Tasik Chini yang mengurus, meneliti keadaan kandungan air. Suhu air tasik itu boleh dijadikan model contoh untuk memulih semula kawasan-kawasan yang telah diterokai ini bagi pemuliharaan sungai dan juga alam sekitar. Penggunaan konsep *public trust* mungkin perlu diperluaskan ke seluruh negara agar tanggungjawab penjagaan alam sekitar bukan hanya tertakluk kepada kerajaan semata-mata tetapi rakyat juga ada rasa kepunyaan menjaga alam sekitar kita. Mungkin kita boleh contoh bagaimana—

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Boleh mencelah sedikit?

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Sabar sedikit, sahabat. Saya ada sedikit sahaja. Okey, okey.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Saya berminat mengenai kawasan tadahan air dan hutan. Ada kemungkinan kawasan tadahan air di seluruh negara, termasuk di Pahang ini tidak diwartakan sebagai kawasan tadahan air. Oleh sebab



sampai sekarang saya tidak tahu berapa *area*, berapa kilometer persegi yang dijadikan kawasan tadahan atau pun hutan untuk disimpan, jangan diganggu? Oleh sebab saya tengok Yang Berhormat Kluang sebut tadi ditanam kelapa sawit. Di Kedah hari itu pun, ditanam kelapa sawit. Jadi, ini yang menjadi persoalan kita. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih sahabat saya dari Hulu Langat. Saya bersetuju dengan pandangan itu. Itulah yang saya katakan tadi, kalau undang-undang kita tidak cukup kuat, maka kita kena perkasakan. Yang Berhormat sendiri perlu menyokong, jangan bangkang sahaja esok apabila kalau ada undang-undang yang berkaitan dengan pengurusan alam sekitar ini dibentangkan oleh kerajaan. Oleh sebab kita tidak ada pilihan. Bukan hendak jadikan politik dalam setiap perkara, yang akhirnya rakyat menjadi derita, tidak mengira kawasan mana, sama ada di kawasan Kuala Lumpur kah, sama ada negeri yang diperintah oleh PKR di Selangor kah atau hatta di negeri Kelantan, tidak kira. Maka, kita bertanggungjawab kalau kemusnahan alam ini tidak dapat dikawal.

Saya hendak sambung Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita boleh, kerajaan boleh memperbanyakkan konsep *public trust*, dengan izin, di mana orang ramai berasa tanggungjawab dia untuk menjaga hutan-hutan yang sedia ada ini. Mengambil contoh bagaimana kalau sekiranya kawasan tugu ini pada peringkat akhirnya hendak diserahkan kepada sebuah badan amanah yang diuruskan oleh badan bukan kerajaan, bukan oleh individu tetapi oleh sekumpulan masyarakat yang boleh menguruskannya. Ini merupakan satu cara yang baik.

Selain daripada itu, supaya agar rakyat mempunyai tanggungjawab bersama bagaimana hendak menguruskan alam ini. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kerjasama antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat perlu diperkasakan dan toleransi, saya hendak tekankan di sini, antara kedua-dua kerajaan ini, Pusat dan negeri, wajar dipertingkatkan melintasi sempadan politik, melintasi perbezaan sempadan politik, tidak perlu mempolitikkan isu-isu seperti penjagaan alam sekitar ini demi masa depan rakyat.

Selain daripada itu, kerajaan boleh memberikan contoh...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Sahabat, *sorry*lah saya ada lapan minit sahaja lagi.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Soalan kecil.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Okey.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:**Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang tertarik hati dengan

pandangan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat dan saya ingin bertanya soalan yang berkaitan dengan dasar kerajaan. Kalau saya tidak salah, '*Love Your Rivers Project*' yang telah dikemukakan dua, tiga tahun yang lalu. '*Love Your Rivers Project*', '*Sayangi Sungai*', itu dalam bahasa Malaysia.

■1230

Saya bangkitkan isu ini sebab projek ini telah dikemukakan oleh pihak kerajaan tetapi saya nampak sekarang tidak ada *enforcement* ataupun tidak nampak apa telah jadi kepada program ini. Ini sebab pada pandangan saya sungai sekarang telah dicemari dan sungai sekarang menjadi tong sampah kepada pihak isi rumah, keluarga-keluarga kita gunakan sungai sebagai isi rumah dan juga pengilang-pengilang yang hendak kurangkan dia punya kos. Masuk sisa-sisa terus kepada sungai-sungai. Saya minta pandangan Yang Berhormat adakah kerajaan harus *introduce* balik *Sayangi Sungai* ini dengan pandangan yang baru dan juga dengan *enforcement* yang baru. Minta pandangan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua seminit sebab ini penting. Oleh sebab Yang Berhormat menyebut bahawa kawasan tadahan diceroboh, kawasan *buffer zone* tidak ada, oleh sebab ada Menteri Besar di sini dan saya melihat Selangor juga adalah di antara negeri yang diceroboh terutamanya oleh pendatang-pendatang asing. Adakah Yang Berhormat hendak cadang kepada kerajaan negeri meminta Kerajaan Persekutuan sama-sama memberi pasukan, untuk membantu daripada segi penguatkuasaan kawasan tadahan dan juga kawasan *buffer zone*.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Arau, masukkan jadikan sebahagian daripada ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *Love your* sungai.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Tuan Yang di-Pertua kita juga kena berlaku adil. *Sorry sorry*. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Klang, kerajaan minta jangan benda ini buat macam *Chipsmore*. Kadang-kadang ada, kadang-kadang tidak ada. Masa kita bersemangat kita jaga semua sungai, kita curahkan peruntukan untuk mengurus sungai kemudian senyap begitu sahaja. Jadi proses ini biarlah ada kesinambungan. Tuan Yang di-Pertua, pada saya Kerajaan Pusat juga kena berlaku adil kepada kerajaan negeri yang menyediakan kawasan tadahan hujan ini. Agar kawasan-kawasan yang tidak dibangunkan itu Kerajaan Pusat perlu menyediakan peruntukan bagi membayar ganti rugi. Ataupun membantu pengurusan negeri yang tidak boleh mengeluarkan hasil dari hutan supaya mereka

ada pendapatan. Kalau tidak kerajaan negeri ini kalau istilah orang Pahang Tuan Yang di-Pertua dia akan balun kerana dia perlukan duit untuk menguruskan negeri. Jadi kalau ada persefahaman seperti mana yang saya katakan tadi, melampaui batasan politik maka kita boleh menguruskan alam ini dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bergerak kepada tajuk seterusnya iaitu sebelum itu saya terlupa. Mungkin daripada segi pengurusan hutan ini kita boleh melihat bagaimana Kerajaan Sabah negeri Tuan Yang di-Pertua berjaya membangunkan hutan yang telah diusahakan menjadi kawasan baru yang seolah-olah seperti hutan asal.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bergerak kepada satu tajuk lain iaitu isu berkenaan dengan Kementerian Pertanian. Menteri Pertanian baru-baru ini ada dalam ucapannya menyatakan bahawa kita akan menyemarakkan lagi tanaman jagung untuk ternakan. Saya berharap agar kerajaan menjalankan kajian dan ujian yang benar-benar terjamin bagi memastikan projek tanaman jagung untuk makanan ternakan ini benar-benar memberi manfaat kepada negara. Kita sedar negara hanya baru mengeluarkan 32.7% daging lembu dan hanya 3.9% daging kambing. Menjelang tahun 2020 kita memerlukan 230,000 tan sedangkan pengeluaran kita dijangka hanya 83,000 tan.

Jadi projek jagung ini, projek jagung untuk makanan ternakan ini merupakan satu projek yang baik. Akan tetapi saya bimbang ia berulang seperti projek menjaga sungai tadi. Masa kita ghairah kita keluarkan peruntukan, syarikat-syarikat mendapat manfaat daripadanya. Orang yang tidak dapat sebaiknya ialah orang kampung jadi pelaksana. Jadi kita harap hendak ingatkan kepada Kementerian Pertanian agar perkara ini perlu kita teliti supaya manfaatnya benar-benar didapati, dinikmati oleh rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, waktu yang hujung ini saya ingin mengajak Dewan ini untuk mengucapkan merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah pada Tabung Haji yang telah berjaya menguruskan lebih daripada 20,000 orang jemaah haji kita mengerjakan haji tahun ini. Cuma pengalaman saya terutama kepada syarikat-syarikat yang melaksanakan pakej bagi mengendalikan jemaah haji ini. Kerajaan melalui Tabung Hajikah, melalui Kementerian Pelancongan perlu meneliti setiap syarikat ini kerana ada unsur-unsur tidak telus ataupun boleh dikatakan penipuan dalam mereka mengiklankan perkhidmatan. Masa iklan bukan main cantik, janji letak 400 meter ataupun 200 meter daripada Masjidil Haram. Bila dilaksanakan hampir satu kilometer. Jadi jemaah terperangkap kemudian mereka didendangkan pula, kita kena

bersyukur, kita kena bersyukur, kita kena redha. Redha macam mana dalam keadaan nyata jemaah ini ditipu.

Saya hendak merakamkan setinggi penghargaan juga kepada pegawai-pegawai Tabung Haji kita di Mekah yang begitu cepat mengambil tindakan apabila respons diberi kepada mereka. Jadi kita harap ada badan khusus jangan bertolak ansur dengan mana-mana syarikat yang melanggar perjanjian mereka. Kalau perlu tidak payah bagi tahun depan dia mengendalikan jemaah haji, tutup, supaya jemaah terbela. Saya tidak sempat hendak baca Tuan Yang di-Pertua daripada jumlah kes-kes yang melibatkan penipuan jemaah haji, penipuan jemaah-jemaah umrah ini. Cuma saya mengharapkan agar kerajaan bertegas dengan kumpulan mereka ini kita tidak kira siapa mereka. Tidak kira siapa mereka janji mereka kalau bersalah kita ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum akhirnya kerajaan juga telah memperuntukkan RM25 bilion untuk Kementerian Kesihatan dan saya harap dalam peruntukan ini dapatlah dilebarkan, pastikan semua hospital kerajaan ini mempunyai van jenazah. Ini kerana ada di antara hospital-hospital besar ini contohnya macam di Temerloh tidak ada van jenazah. Jadi bagi rakyat khususnya kawasan saya yang memerlukan mungkin meninggal di Temerloh mereka terpaksa menyewa dengan pihak swasta yang mana kosnya begitu tinggi tidak mampu hendak dibiayai oleh mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Kementerian Kesihatan walaupun perkara ini kecil tetapi besar bagi rakyat kita di bawah. Hargailah kepayahan mereka dengan menyediakan van-van jenazah di semua hospital khususnya hospital-hospital besar. Tuan Yang di-Pertua *insya-Allah* saya tidak curi masa. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Tuan Yang di-Pertua saya lupa hendak menyokong... [*Dewan Ketawa*]

**12.38 tgh.**

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberikan ruang kepada saya pada pagi ini untuk menyertai perbahasan. Saya juga mengucapkan penghargaan kepada sahabat-sahabat saya Yang Berhormat Taiping yang memberikan laluan kepada saya untuk memulakan perbahasan pada pagi ini. Saya mendapati perbahasan Bajet Persekutuan 2017 kali ini ada kecenderungan di kalangan pembahas khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang menunjukkan minat tentang perkembangan di negeri

Selangor. Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua saya akan cuba menjawab semua isu yang dibangkitkan dalam sesi pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan ataupun istilah bajet yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada kali ini telah gagal untuk menyelesaikan beberapa isu struktural ataupun *structural issue* seperti *public debt* atau juga yang disebut sebagai hutang awam. Keduanya soal keyakinan di kalangan pelabur-pelabur sama ada pelabur domestik ataupun pelabur asing. Ketiga sudah tentulah isu daya saing ekonomi negara. Ini adalah *fundamental issues* yang tidak diletakkan keutamaan dalam Belanjawan 2017.

#### ■1240

Perdana Menteri juga ada menyebut bahawa ini komitmen bajet. Akan tetapi saya tidak melihat ada satu usaha yang serius untuk mengurangkan *public debt* yang kini sudah mencecah 54.5% daripada GDP. Kita juga jangan lupa bahawa *hidden debt* yang semakin membengkak yang juga tidak dibincangkan dalam jadual termasuk jaminan kerajaan dalam hutang 1MDB.

Kita juga jangan lupa bahawa negara Malaysia hari ini amat ketara dalam isu *capital flow* yang juga tidak dibincangkan dalam belanjawan pada tahun depan dan fenomena *capital flows* ini sekarang berada dalam tahap yang lebih parah daripada negara Filipina dan Indonesia. Kita juga harus meneliti Belanjawan 2017 secara terperinci kerana komitmen yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang kononnya akan mengurangkan *fiscal deficit* kepada 3% daripada 3.1%. Sebenarnya ini bukanlah satu kebanggaan yang harus kita angkat. Ini kerana negara kita telah pun mengalami defisit selama 19 tahun berturut-turut setelah Dato' Seri Anwar Ibrahim dipecat selaku Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan pelaksanaan GST. Sebenarnya usaha ini bukanlah satu usaha yang bertujuan untuk *empower* ataupun mengupayakan rakyat yang berpendapatan rendah ataupun sederhana khususnya di kalangan kumpulan B40. Ini merupakan satu sogokan politik yang menelan satu jumlah yang besar yang tidak mampu untuk menyelesaikan masalah kos sara hidup yang semakin membebankan rakyat pada hari ini. Oleh sebab dengan pelaksanaan GST ini ia menguncupkan pendapatan isi rumah bagi setiap keluarga. Keupayaan untuk berbelanja itu semakin mengecil. Ini sebenarnya menghisap darah rakyat bukan mengupayakan rakyat.

Apa yang berlaku dan dilakukan oleh UMNO pada hari ini menekan rakyat dan memerah mereka dengan pengenaan cukai GST. Pada masa yang sama menunjukkan seolah-olah Putrajaya ini mengambil berat soal kebajikan rakyat. Akan

tetapi jangan kita lupa apa yang dilakukan oleh Perdana Menteri hari ini menyogok rakyat dengan RM6.8 bilion dalam skim BR1M, tetapi cukai yang dikutip berjumlah RM40 bilion. Ini satu pembohongan yang luar biasa, yang tidak boleh diterima kerana tekanan terhadap cukai GST ini menyebabkan rakyat amat menderita dan tidak mampu keluar daripada kelompok kemiskinan ataupun B40 tadi.

Tuan Yang di-Pertua, maka jalan yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menutup semua kelemahan dan kecurangan pengurusan ekonomi ialah dengan menuduh ada pihak yang cuba sabotaj ekonomi negara, yang cuba *undermine* Putrajaya dan kerajaan yang kononnya dipilih secara demokratik.

Akan tetapi dunia mengetahui, siapa sebenarnya yang telah mencemarkan kedaulatan negara. Dunia mengetahui siapa yang mengamalkan kleptokrasi dalam dunia pada hari ini dan siapa yang terlibat dengan 1MDB dan pastinya kita boleh menjawab persoalan tersebut. Jadi apa yang kita lihat sekarang ini ialah seolah-olah musang disuruh menjaga reban ayam [*Tepuk*] Ada seekor musang yang disuruh jaga reban ayam. Apa hendak jadi pada ayam ini, Tuan Yang di-Pertua? Apakah ayam ini dapat selamat? Ayam ini diberikan dedak? Inilah persoalan yang kita harus tanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengajak rakan-rakan daripada Barisan Nasional untuk bersama-sama melahirkan kebimbangan dengan Bajet 2017. Ini kerana daripada jumlah yang dibentangkan sebanyak RM261 bilion, hanya 17% diperuntukkan untuk pembangunan, iaitu RM46 bilion. Bagaimana sebuah negara yang sedang bergelut dalam kegawatan ekonomi mampu keluar daripada kegawatan ini kalau tidak ada satu jumlah peruntukkan pembangunan yang munasabah untuk menjana pertumbuhan dan sebagai rangsangan pertumbuhan ekonomi. Hanya 17%. Ini amat membimbangkan dan belanja mengurus meningkat kepada 83%. Ini bukan satu pengurusan kewangan yang baik, yang bertanggung jawab dan berhemah. Saya ingin mengajak rakan-rakan untuk melihat bagaimana kami di negeri Selangor menguruskan ekonomi kita. Di negeri Selangor sudah tiga tahun berturut-turut kita berjaya Tuan Yang di-Pertua, mengurangkan belanja mengurus dan meningkatkan belanja pembangunan.

Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri Selangor telah berusaha kepada meningkatkan belanja pembangunan kepada 47% dan belanja mengurus turun kepada 53% dan kita berjaya. Bukan sekadar kita berjaya, tetapi baru-baru ini Jabatan Perangkaan Negara mengeluarkan laporan yang terkini mengesahkan negeri Selangor bukan sahaja kekal sebagai penyumbang utama kepada KDNK negara, tetapi sumbangan negeri Selangor telah meningkat kepada 22.6% [*Tepuk*]

Dalam keadaan kita mengurangkan belanja mengurus dan meningkatkan belanja pembangunan, kita berjaya meningkatkan sumbangan kepada Persekutuan. Setiap satu Ringgit yang kita ada ini 22.6 sen itu datangnye dari negeri Selangor. Jauh lebih besar dari Sarawak, jauh lebih daripada besar dari Johor dan jauh lebih besar daripada negeri Sabah. Mengapakah perkara ini tidak diambil kira?

Pada tahun 2016 Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil langkah yang lebih berani di mana negeri Selangor telah mengambil satu langkah yang proaktif meningkat belanja pembangunan kepada 50% dan mengurangkan belanja mengurus kepada 50%. Pada tahun ini belanja pembangunan kita 50% kerana kita mahu mewujudkan kegiatan dan aktiviti ekonomi sebagai rangsangan pertumbuhan ekonomi dalam negeri Selangor. Oleh sebab itulah daripada segi statistik Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2016 walaupun kita mengunjurkan belanjawan defisit sebanyak RM630 juta bagi tahun 2016 sehingga 14 Oktober tahun ini. Kita ada lebih sebanyak RM360 juta [*Tepuk*]

Semua kejayaan ini Tuan Yang di-Pertua adalah diasaskan kepada ketelusan, kebertanggungjawaban dalam urusan kewangan dan ekonomi negeri. *Insya-Allah* kejayaan di Selangor ini sebagai asas kepada kita untuk menawan Putrajaya dalam pilihan raya yang akan datang [*Tepuk*] Ini kerana kita melihat belanjawan yang dibentangkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2017 langsung tidak *address* isu-isu asas yang mampu mengembalikan keyakinan pelabur dan yang mampu merangsang pertumbuhan ekonomi. Akan tetapi apa yang dilakukan adalah belanjawan menyogok rakyat dan melemahkan keupayaan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kita harus melihat secara terperinci sebagai contoh bajet Kementerian Kesihatan dipotong lebih daripada RM1 bilion. Sedangkan isu kesihatan dan sektor kesihatan ini sektor yang penting setelah sektor pendidikan. Penjagaan kesihatan ini merupakan komponen terpenting dalam usaha kita untuk mengupayakan sumber daya manusia dan meningkatkan produktiviti dalam negara kita.

#### ■1250

Bagaimana mungkin negara boleh meningkatkan produktiviti kalau rakyat kita tidak sihat. Kalau kita melihat laporan yang disediakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan dalam tahun 2014, Malaysia hanya berbelanja 4.2 peratus daripada KDNK untuk tujuan kesihatan. Ini satu peratusan yang amat rendah jika dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain termasuk negara-negara dalam ASEAN yang menggunakan sejumlah lebih 10 peratus daripada KDNK untuk tujuan kesihatan.

Malaysia, oleh itu tidak mampu untuk masuk dalam kumpulan negara berpendapatan tinggi selagi kita tidak menyelesaikan masalah dan persoalan penjagaan kesihatan asas ataupun *primary health care*. Sementara jumlah hospital perlu ditambah termasuk naik taraf, jangan berulang seperti Hospital Sultanah Aminah kerana tidak ada penambahbaikan dan kerja-kerja bagi menjaga keselamatan pesakit. Kita juga mahu hospital Malaysia ini masuk ke era baru iaitu penjagaan kesihatan asas yang menyeluruh. Di mana penjagaan kesihatan asas yang menyeluruh akan memberikan kesan yang amat positif dalam menaikkan kesihatan golongan B40 dan masa depan generasi yang lahir dari keluarga B40.

Penjagaan kesihatan asas adalah bersifat *prevention is better than cure* dan banyak penyakit lazim seperti kencing manis, *hypertension*, jantung boleh dielakkan sekiranya pesakit melakukan *health screening* secara berkala dan di peringkat awal melalui *primary health care* yang saya cadangkan ini. Penjagaan kesihatan asas ini tempat di mana rakyat mendapat pemeriksaan kesihatan secara berkala dan ini sebagai langkah pencegahan awal untuk mengelakkan daripada penyakit itu terus melarat.

Perkara yang kedua ialah isu perumahan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ada kecenderungan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang mendakwa seolah-olah PKNS ini tidak pernah membina rumah mampu milik ataupun rumah kos rendah bagi kepentingan rakyat di negeri Selangor. Ini juga satu pembohongan yang harus diberikan jawapan yang sewajarnya. PKNS merupakan sebuah agensi pembangunan kerajaan negeri yang menggalakkan pertumbuhan sosioekonomi dan kita telah pun membina 159,902 unit rumah dalam tempoh 52 tahun semenjak PKNS dibentuk pada tahun 1964 [*Tepuk*]

Daripada 160,000 unit rumah ini, 84 peratus adalah dari jenis kos rendah dan mampu milik [*Tepuk*] Hanya 16 peratus kos tinggi. Jadi sebab itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, isu perumahan merupakan satu agenda penting di dalam teras pembangunan di negeri Selangor. Saya melihat ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam membentangkan belanjawan pada hari Jumaat yang lalu di mana Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ada menyebut, "*Kita akan menyediakan tanah kerajaan yang tidak diguna pakai di lokasi strategik kepada PR1MA*". Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, di manakah tanah yang strategik ini? Kerajaan Persekutuan perlu menyenaraikan tapak-tapak yang dimaksudkan untuk diserahkan kepada PR1MA kerana jangan lupa tanah ini hak kerajaan negeri. Kita harus ada rundingan dengan kerajaan negeri.



Saya membangkitkan perkara ini kepada Dewan ini kerana apa yang berlaku sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, banyak tanah kerajaan negeri yang diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan bukan sahaja tidak dibangunkan dan tidak dimajukan untuk tujuan tertentu tetapi tanah-tanah ini telah berpindah milik dan dijual kepada pihak swasta. Ada sekeping tanah yang cukup strategik lokasinya di Shah Alam yang dianugerahkan oleh kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan untuk pembinaan IPK. Akhirnya tanah ini yang diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan dengan nominal premium telah dijual kepada syarikat swasta sebanyak RM40 juta.

Ada tanah-tanah yang telah diserahkan oleh kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pembinaan hospital tetapi sekali lagi telah berpindah milik kepada syarikat swasta. Saya ingin memberikan statistik di negeri Selangor sahaja setelah kita menyediakan inventori tanah tapak sekolah yang telah kita berikan kepada Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak 4,250 ekar di sembilan buah daerah di negeri Selangor. Setakat ini ada lebih 300 ekar yang belum dibangunkan.

Jadi sebab itu semenjak saya diberikan tanggungjawab ini, kita telah mengeluarkan dasar baru mana-mana tanah kerajaan negeri yang dipohon oleh Kerajaan Persekutuan, mesti diletakkan syarat kepentingan terlebih dahulu dalam hak milik tanah tersebut. Kalau untuk tujuan sekolah, mesti bina sekolah. Kalau tidak, kita akan rampas semula tanah tersebut [*Tepuk*]

Jadi sebab itu bila Perdana Menteri menyebut tanah-tanah ini akan diberikan kepada syarikat-syarikat GLC, ini juga telah melanggar syarat-syarat guna tanah kerana ada tanah-tanah bagi kepentingan dan kemudahan awam ini kita terpaksa membuat, kita terpaksa *acquire* tanah tersebut. Ada tanah hak milik yang perlu kita bayar premium dan pampasan tetapi bagi tujuan kemudahan awam, memang diperuntukkan dalam Akta Kanun Tanah Negara. Maka kalau tanah itu untuk sekolah, untuk hospital, untuk balai polis, ia harus dikekalkan bagi tujuan tersebut. Akan tetapi kalau ada kecenderungan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menukar syarat guna tanah itu daripada kemudahan awam kepada komersial, kerajaan negeri tidak dapat mendukung usaha itu kerana ini telah mengkhianati pemberian tanah bagi kepentingan rakyat dan kemudahan awam.

Pembinaan rumah-rumah mampu milik ini boleh diserahkan kepada kerajaan negeri kerana kita mampu untuk membina rumah. Malahan rumah mampu milik di Selangor ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, jauh lebih murah daripada apa yang dibina oleh PR1MA. Pada asalnya PR1MA mencadangkan membina 80,000 unit rumah mampu milik tetapi harganya RM400,000. Mana mungkin anak-anak muda yang baru lepasan universiti, baru mendapat pekerjaan, baru mendirikan rumah tangga

mampu memiliki rumah RM400,000. Ini bukan rumah mampu milik Tuan Yang di-Pertua, ini rumah mampu tengok... [*Dewan ketawa*] Akan tetapi kita di Selangor oleh sebab *land cost* nya itu amat minimum, rumah mampu milik kita kategori 'B', 'C' dan 'D' bernilai hanya RM100,000 dan maksimum RM250,000 [*Tepuk*]

Persoalan yang harus kita bahaskan hari ini bukan soal pembinaan rumah kerana pembinaan rumah mampu milik di negeri Selangor, *Alhamdulillah* mendapat sambutan yang cukup positif daripada pemaju swasta dan juga anak syarikat kerajaan negeri termasuk PKNS. Walaupun kita sasaran untuk membina 15,000 unit rumah dalam tempoh dua tahun ini tetapi sehingga hari ini kita sedang dalam pembinaan lebih 21,000 unit rumah sudah lebih daripada sasaran [*Tepuk*] Sambutan yang diberikan oleh pemaju swasta cukup positif kerana prosedur kita meluluskan itu mengambil masa yang cukup pendek, telus dan terbuka dan ini menarik minat banyak pihak. Persoalan yang harus dibincangkan ialah soal *end financing* iaitu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Amat Berhormat, boleh sambung sebelah tengah hari nanti, ada lebih kurang lapan minit lagi.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Boleh saya tangguh hari Isnin Tuan Yang di-Pertua sebab petang saya ada program.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lapan minit?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Lapan minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Boleh, okey lapan minit saja, lima minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau lima minit, ya silakan.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Di manakah saya Tuan Yang di-Pertua? Ya, *end financing* maknanya pembiayaan terakhir. Sekarang ini banyak bank tempatan enggan memberikan kelulusan pinjaman sehingga 90 peratus. Walaupun Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan baru-baru ini ada empat buah bank yang diberi jaminan akan memberikan pinjaman sehingga 90 peratus tetapi kadar penolakan permohonan sekarang sudah meningkat sebanyak 60 peratus. Ini amat membimbangkan industri hartanah dalam negara dan juga dalam negeri sementara kita boleh membina rumah tetapi kita tidak dapat membiayai pinjaman perumahan tersebut.

Kerajaan negeri ingin mencadangkan kepada Kementerian Kewangan dan juga Bank Negara supaya melihat semula kerana apa yang dilakukan sekarang dasar untuk mengurangkan *household debt* yang semakin tinggi, saya faham. Akan tetapi Bank Negara perlu melihat apakah komponen *household debt* itu. Ia bukan sekadar

pinjaman perumahan sahaja, yang paling besar peratusannya ialah jumlah pinjaman akibat kad kredit. Yang ini harus kita kawal dan kekang supaya rakyat tidak berbelanja dengan begitu mewah di luar kemampuan mereka.

Keduanya ialah soal pinjaman kenderaan. Ini juga harus dikawal kerana kita lihat sekarang ini setiap rumah ada tiga, empat unit kenderaan. Sepatutnya kita menggalakkan mereka untuk menggunakan sistem pengangkutan awam yang lebih efisien dan murah. Namun kita tidak boleh kompromi soal pinjaman perumahan khususnya kepada *first time home buyer* dan juga kepada golongan muda yang memulakan pekerjaan. Mereka memerlukan sebuah rumah yang mampu dimiliki tetapi pembiayaan bagi pinjaman perumahan tersebut mestilah dipermudahkan oleh Bank Negara dan diberikan arahan kepada bank-bank tempatan.

Perkara yang terakhir Tuan Yang di-Pertua yang ingin saya bangkitkan ialah soal pencemaran sungai yang banyak diperkatakan. Pendirian kerajaan negeri ialah isu ini mesti diselesaikan secara kolektif, secara bersama, bukan sahaja oleh jabatan dan agensi kerajaan negeri tetapi juga melibatkan Kerajaan Persekutuan seperti Jabatan Alam Sekitar dan Kementerian Alam Sekitar. Banyak perkara yang telah dibincangkan tetapi terbukti pencemaran ini bukan sekadar berlaku di dalam sungai Selangor.

Senario yang kita hadapi pada hari ini tanpa bertujuan dan berniat untuk menyalahkan mana-mana pihak, ia juga berpunca dari negeri Pahang. Tiga minggu yang lalu di Sungai Semantan dan sekarang ini pencemarannya berlaku di Negeri Sembilan iaitu di Sungai Buah dalam Daerah Nilai, Negeri Sembilan. Namun oleh sebab ia aliran air dan air masuk ke dalam Sungai Semenyih menyebabkan sungai di Selangor juga tercemar. Kita telah mengambil langkah-langkah yang proaktif untuk menjaga keselamatan pengguna sama ada pengguna domestik atau pengguna industri.

Hari ini kita diserang seolah-olah tidak ada tindakan daripada kerajaan negeri khususnya daripada Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya berharap Yang Berhormat Tanjong Karang fokus kementerian dia, jangan masuk campur portfolio yang lain... *[Dewan riuh][Tepuk]* Ini saya telah sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar semalam. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar ada inisiatif untuk turun dan bincang dengan kerajaan negeri. Saya amat menghargai dan saya telah memberi jaminan kerajaan negeri bersedia bekerjasama dengan Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar bagi menyelesaikan masalah ini secara bersama. Akan tetapi saya tidak bekerjasama dengan Yang Berhormat Tanjong Karang, saya akan lawan beliau habis-habisan kerana mempolitikkan isu ini *[Tepuk]*

**Beberapa Ahli:** Lawan! Lawan!

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Nak jaga udang pun gagal [*Tepuk*] Macam mana nak jaga sungai? Udang yang hidup dalam sungai pun mati Tuan Yang di-Pertua kerana pencemaran yang dilakukan... [*Dewan ketawa*] Saya menghargai Yang Berhormat Alam Sekitar datang ke negeri Selangor, turun bincang dan banyak penyelesaian yang kita buat semalam di mana Kementerian Alam Sekitar bersetuju supaya ada satu *task force* bersama. Kita wujudkan dan kita turun bersama bukan sahaja semasa insiden itu berlaku tetapi Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar bersetuju supaya *task force* ini bergerak memantau secara bersama dan berkala.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tanjong Karang berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dia tidak tahu prosedur, ini bukan masa penggulungan, ini masa perbahasan [*Tepuk*] Ini masalahnya Tuan Yang di-Pertua.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]:** Tidak, sebab disebut Tanjong Karang.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Portfolio tidak tahu, perbahasan tidak tahu, cara kerja tidak tahu, jaga udang tidak tahu.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Samalah. Sana urus sungai tidak pandai, urus rumah tak pandai, urus sampah tak pandai. Apakah lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, 1.05 sudah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu...

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Letak jawatanlah kalau semua tidak reti urus.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Dan semalam Kementerian Alam Sekitar juga...

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Menteri Besar letak jawatan, malulah air bukan sekali, bukan dua kali, tiga kali, dah tujuh kali. Apa punya Menteri Besar ni!

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Kementerian Alam Sekitar, duduklah. Kementerian Alam Sekitar juga telah bersetuju supaya Kerajaan Negeri Selangor dan juga kementerian menjalankan satu *task force* penyiasatan bersama.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Sebut Tanjong Karang, bagilah jalan. Nak urus tandas pun tak pandai, masuk tandas pandai, urus tandas tak pandai.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *Order*, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Kerana banyak bukti yang kita perolehi sebab kerajaan negeri juga menjalankan siasatan.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Siasatan apa?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kita juga mengambil sampel air, sampel tanah, semalam kita beri beberapa buah sampel kepada Yang Berhormat Menteri...

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** ...Apa punya pemikiran MB punya cetek macam ini?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Dan Yang Berhormat Menteri bersetuju supaya hasil siasatan yang dibuat oleh kerajaan negeri ini diserahkan ke Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Alam Sekitar akan bersama dengan kerajaan negeri mengheret pelaku pencemaran ini ke mahkamah untuk diadili.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Sokong! Sokong!

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini cara kita bekerja.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Sokong! Saya sokong sangat bawa yang mana sabotaj itu.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bukan menjerit siang dan malam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, sudah 1.06 minit Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jaga portfolio masing-masing.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Kilang haram tukar kerajaan negeri, kerajaan negeri tak faham.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, bagi peluang kerajaan negeri, saya memberikan komitmen dan jaminan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** ...Rasuah, berapa banyak kilang haram yang beri rasuah kepada Menteri Besar...

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Bahawa kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar... *[Dewan riuh]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Air percuma rasuah, rasuah. Air percuma rasuah. Sogokan politik...

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Berapa banyakkah rasuah dapat Menteri Besar?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Yang mesti dikawal secara bersama di antara Jabatan Alam Sekitar, di antara Lembaga Urus Air Selangor, di antara Air Selangor...

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** ...Jaga Selangor ambil rasuah sahaja kerjanya, kerajaan rasuah Selangor. Biarkan kilang haram bermaharajalela... *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Inilah antara yang...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Menteri rasuah dengan air saja.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, kenapakah tak keluarkan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Supaya kerja ini dapat dilakukan dengan segera.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Habis dah Menteri Besar rasuah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat, masa.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Masa habis? Ingat Menteri Besar rasuah, dah habis dah? Saya tanya Menteri Besar rasuah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini tuduhan, ini tuduhan, tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat Gombak duduk, Yang Berhormat Menteri duduk, sila duduk.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Bagi saya cakap.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini satu tuduhan yang melampau yang perlu ditarik balik Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh dua Ahli Yang Berhormat...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Dari dalam juga yang tuduh *[Mengetuk tukul]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh duduk dua-dua Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini satu tuduhan yang kejam.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Satu tuduhan tapi yang tuduh saya itu bukan satu tuduhan?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang buka kem itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Saya mahu tanya...

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, tolong buat *ruling* terhadap Yang Berhormat Tanjong Karang.

*[Mengetuk tukul]*

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** *Ruling* apa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat, dua-dua duduk.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini penyangak, penyamun...

*[Dewan ketawa]*

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Tidak apalah. Tidak apa.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Inilah penyangak, inilah kategori Menteri yang penyangak... *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah dua-dua Ahli Yang Berhormat duduk, Ahli Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Penyangak, penyamun, kita tak- ini sebab rasuahkan.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Duduklah Menteri Kabinet.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat, Yang Berhormat Tanjong Karang duduk, dua-dua Ahli Yang Berhormat duduk.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Eh! Salah? Kalau tidak ada rasuah, takkan kilang haram bermaharajalela.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk, duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

***[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.09 tengah hari]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

***[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Baling.

**2.32 ptg.**

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

*Laksamana Bentan hebat memanjat,  
Sayang tersadung di pohon kapas,  
Dari Baling membawa hajat,  
Memohon izin mulakan bahas.*

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak ucapkan setinggi-tinggi tahniah atas penganugerahan Dato' Sri baru-baru ini daripada Ke Bawah Duli Tuanku Sultan Pahang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Lafaz *alhamdulillah* saya rafakkan ke hadrat *Rabbul Jalil*, Tuhan semesta alam, serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, juga saya bersyukur ke atas kesempatan ini serta kesihatan yang dipinjamkan oleh Allah SWT, saya dapat berdiri dalam Dewan yang mulia ini dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2017 yang bertemakan '*Menjamin perpaduan dan pertumbuhan ekonomi, menghemah perbelanjaan insklusif, mensejahterakan kehidupan rakyat seluruh*'.

Setiap kali bajet dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Dewan yang mulia ini, ia mengingatkan saya kepada sepotong hadis... *[Membaca sepotong hadis]* Maksudnya, "*Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu adalah bertanggungjawab apa yang kamu dipimpinya*". Ini hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Dalam hadis ini menjelaskan bahawa setiap seorang daripada kita pemimpin dan setiap pemimpin itu bertanggungjawab ke atas orang yang dipimpin. Pemimpin adalah seorang yang menggalas amanah, bertanggungjawab ke atas jawatan serta tugas yang dipikulnya dan apa sahaja yang terletak di bawah naungannya. Maka, apa yang berlaku di bawah perlindungannya dan penjagaannya dituntut agar berlaku adil dan membangunkan secara bijaksana dan berhemah dengan menjaga kepentingan dan kemaslahatan rakyat dalam memelihara *survival* agama, bangsa, kestabilan politik dan kesaksamaan mengagih kekayaan negara.

Saya ingin mengucapkan selamat pulang khususnya kepada semua jemaah haji ke tanah air pada tahun ini selaku Pengerusi Tabung Haji. Seramai 23 ribu orang yang telah pulang. *Insyallah*, semoga mereka memperoleh haji yang mabrur.



Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kos yang ditanggung oleh seorang jemaah haji hanyalah sebanyak RM9,980 yang mana bakinya ditanggung oleh Lembaga Tabung Haji melalui subsidi kerajaan iaitu sebanyak RM8,910. Secara keseluruhannya, tahun ini, kerajaan melalui Tabung Haji telah menampung subsidi sebanyak RM160 juta untuk menghantar jemaah haji ke tanah suci untuk melaksanakan tanggungjawab kita iaitu Rukun Islam yang kelima.

Saya juga di kesempatan ini ingin mengalu-alukan kehadiran delegasi dari Institut Asia-Eropah Universiti Malaya, *Atma Jaya University*, Indonesia. Selamat datang ke Dewan yang mulia ini... [*Tepuk*]

*Alhamdulillah*, melalui butiran dalam bajet kali ini, saya yakin...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Baling, mohon penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Dan percaya kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasa serta mendengar setiap denyutan nadi rakyat dan sentiasa komited untuk melaksanakan bajet yang terbaik melalui perbelanjaan yang berhemah kendatipun kita turut merasakan bahang krisis ekonomi dunia yang mengheret negara. Kita turut sedikit sebanyak terkesan dengan ketidaktentuan ekonomi dunia, dengan izin, kalau kita turut menjadi mangsa kepada *global crisis in economy* ini.

Saya juga ingin menyampaikan segulung penghargaan dan terima kasih kepada...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Baling, saya mohon penjelasan tentang Tabung Haji tadi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tak apa, sekejap lagi. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pembentangan perbelanjaan yang holistik, yang bersifat kudus dan komprehensif serta merangkumi segenap aspek yang terbit dalam membentuk ekonomi negara yang lebih positif dan berkembang di samping tidak melupakan soal kebajikan dan pembangunan rakyat secara khusus dan tuntas. Saya amat tertarik dengan lima prinsip dan falsafah Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, lima falsafah yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini waktu menggubal Bajet 2017 iaitu mengutamakan kesepaduan nasional dalam pembinaan negara bangsa, mementingkan dan memelihara kedaulatan keluhuran Perlembagaan dan undang-undang serta keselamatan negara, kerajaan yang konklusif dan stabil serta bekerja

sebagai satu pasukan yang jitu, gigih berusaha dengan arah tuju yang jelas, perancangan yang sistematik dan pelan pelaksanaan yang tersusun, efisien dan lagi holistik. Saya juga tertarik yang dengan terakhir ini iaitu berpandukan pendekatan *wasatiyyah* merangkumi kesederhanaan, keseimbangan, keadilan sosial, kesaksamaan dan kecemerlangan dalam segenap perkara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili penduduk dan rakyat Baling yang saya kasihi sekalian, saya ingin menyentuh perkara-perkara yang rakyat kami di luar bandar yang mendapat manfaat. *Alhamdulillah*, kami rakyat Baling bersyukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga pemimpin ulung Barisan Nasional, kerajaan yang prihatin yang mana hari ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, mungkin tempat Tuan Yang di-Pertua belum lagi tetapi tempat saya dah- Baling setelah kajian dibuat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah membuat kajian yang amat teliti dan telah membuat statistiknya bahawa sesungguhnya Baling daerah yang paling bahagia dalam negara tercinta Malaysia ini.

#### ■1440

Nombor satu Baling, nombor dua Pekan, nombor tiga Raub, nombor empat Masjid Tanah dan nombor lima saya tidak ingat. Ada lima paling bahagia daerah yang paling bahagia. Jadi saya *alhamdulillah*, saya harap tidak ada siapa-siapa datang mengganggu kami di Baling.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Saya harap Yang Berhormat Baling boleh ajarlah Kuala Krau macam mana nak jadi...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Insyallah*, kita bincang nanti. Kerajaan Barisan Nasional percaya bahawa sebuah negara maju bukan sahaja diukur melalui beberapa banyak bangunan fizikal malah aspek *public happiness* juga menjadi salah satu sesi yang perlu diukur. Disebabkan itulah bajet pada tahun 2017 ini bukan sahaja menjadi jaguh untuk meningkatkan pendapatan rakyat di bandar malah manfaat bajet ini juga bakal dirasai oleh masyarakat di luar bandar termasuk rakyat yang saya kasihi di daerah Parlimen Baling saya.

Melalui perancangan pelaksanaan projek ini, program rakyat *centric* pelbagai faedah yang telah disalurkan khususnya untuk penduduk di kawasan luar bandar. Faedah-faedah tersebut termasuklah kelengkapan tiang-tiang lampu jalan di persimpangan jalan iaitu sebanyak 97,000 batang lampu dan 3,000 buah lampu LED akan dipasang. Melalui pemasangan lampu-lampu ini selain daripada dapat menerangkan kawasan sekitar, saya pasti usaha ini juga mampu mengurangkan kes-

kes jenayah seperti kes ragut, penagihan dadah, pecah rumah, rompakan dan sebagainya. Selain itu...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tadi Yang Berhormat Baling kata hendak bagi ruang.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya tidak habis lagi, tunggulah. Saya pun tak nak. Saya tidak mahu ganggu siapa, biarlah saya habiskan. Nanti kalau ada ruang saya bagi. Selain itu melalui program..

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Isu Tabung Haji ini Baling takut nak jawab kah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Eh, saya tak pernah takut. Tidak apa, *you* jangan nak *provoke* sayalah.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tak apa, bagi ruang kalau begitu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kerja *provoke* ini makanan saya, awak duduklah. Selain itu, melalui program ini juga kerajaan akan membina dan menaik taraf sebanyak 616 kilometer jalan kampung serta jambatan untuk meningkat jaringan perhubungan kampung, pekan dan bandar dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion. Oleh itu adalah lebih baik jika projek-projek membina dan menaik taraf jalan ini diberikan kepada kontraktor yang berasal dari kawasan yang berkenaan. Contohnya, sekiranya jalan itu hendak dinaiktarafkan, kita boleh *stimulate*, dengan izin, kontraktor-kontraktor kecil di kawasan-kawasan masing-masing untuk mereka juga mencari makan.

Seterusnya kerajaan juga akan membina dan membaik pulih sebanyak 17,000 unit rumah usang dan daif di kampung-kampung serta penempatan Orang-orang Asli dengan peruntukan sebanyak RM350 juta. Setiap unit rumah usang ini akan dibaik pulih dengan kos di antara sehingga RM15,000 bergantung pada ketahanan kedaifan rumah-rumah tersebut.

Demi menjalin keselesaan dan kesejahteraan rakyat, kerajaan juga akan melaksanakan projek mesra rakyat iaitu memberi peruntukan sebanyak RM800 juta bagi menaik taraf dan membina surau-surau, titi-titi parit, balai raya, pasar dan gerai-gerai perniagaan kecil dengan memberi keutamaan kepada projek kelas-kelas kontraktor kelas G1 dan G2 tempatan. *Alhamdulillah*, terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Tidak habis di situ, kerajaan juga komited untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu memperkukuhkan infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dengan tidak hanya fokus terhadap

peningkatan penyediaan jalan, malah turut memberi perhatian terhadap isu air dan bekalan elektrik.

Kerajaan juga telah menyasarkan hampir 10,000 buah rumah dengan memberi peruntukan sebanyak RM460 juta khusus bagi menyediakan bekalan elektrik di kampung-kampung dan kawasan luar bandar seluruh Malaysia. Maka selepas ini akan bersinar dan terang dan bergelimanglah kampung-kampung dan pedalaman seperti kawasan saya di Baling yang sebelum ini gelap-gelita.

*Insyah-Allah*, saya yakin dan percaya meringankan kos sara hidup yang telah termaktub dalam pembentangan baru-baru ini dengan ketidakmenentuan ekonomi dunia ini, rakyat Malaysia juga merasakan tempiasnya. Pelbagai inisiatif telah disediakan oleh kerajaan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat. Melalui pelbagai inisiatif itu, kerajaan juga cakna dengan kejerihan hidup pekebun getah. Ini terbukti apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mendengar denyutan nadi Ahli Parlimen Baling, Ahli Parlimen Sik, Ahli Parlimen Padang Terap dan lain-lain yang selalu membawa perjuangan untuk pekebun-pekebun kecil getah, akhirnya terbukti apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan sebanyak RM250 juta untuk pelaksanaan pembelian harga getah lantai sebagai inisiatif kepada pekebun kecil dan yang berdaftar pada rakyat Baling khasnya akan mendapat manfaat daripada inisiatif ini memandangkan Baling merupakan kawasan pekebun kecil getah yang terbesar di Malaysia.

Kita di sini sudah pun berada di penghujung bulan Oktober. Bermakna tinggal beberapa hari sahaja lagi kita masuk bulan November. Maka pekebun-pekebun kecil dan penoreh-penoreh pasti sudah mula resah dan gelisah memandangkan musim tengkujuh bakal tiba. Masa itu Yang Berhormat Lenggong kena kejar sebab beliau Pengerusi Biro Kebajikan UMNO akan ambil tanggungjawab untuk pergi ke seluruh negara membantu rakyat tanpa mengira fahaman ideologi politik. [*Tepuk*] Syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Shamsul Anuar iaitu Yang Berhormat Lenggong.

Sehubungan dengan itu saya amat senang dengan perkara yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui ucapan bajet beliau iaitu kerajaan akan memperkenalkan bantuan musim tengkujuh khususnya bagi pekebun-pekebun kecil dan penoreh-penoreh getah. Bantuan sebanyak RM200 sebulan akan diberikan selama tiga bulan iaitu bermula pada bulan November, Disember dan Januari yang mana sebanyak 440,000 orang akan mendapat manfaat tersebut. Mereka ialah pekebun dan penoreh getah. Selain daripada itu..

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Boleh sikit Yang Berhormat Baling?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Satu lagi. Sekejap, sekejap. Satu lagi, selain daripada itu satu lagi berita gembira yang kita terima ialah apabila kerajaan berbesar hati untuk meneruskan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia. Bukan sekadar diteruskan, malah dinaikkan jumlah bantuan.

Saya percaya ramai yang tersenyum dan gembira kerana pengumuman berkaitan dengan BR1M kepada isi rumah dalam senarai eKasih serta pendapatan bulanan di bawah RM3,000 akan dinaikkan ke RM1,050 dan RM1,000 kepada RM1,200. Manakala isi rumah berpendapatan bulan sebanyak RM3,000 hingga RM4,000 akan dinaikkan daripada RM800 ke RM900. Untuk individu bujang pula yang mana pendapatan bulanan di bawah RM2,000, BR1M akan dinaikkan daripada RM400 kepada RM450.

Walaupun kita mendengar ramai rakan dari sebelah sana terakhir tadi Yang Berhormat Gombak. Sebelum Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Pagoh. Sebelum itu ramai yang menyatakan BR1M adalah satu umpan, satu dedak dan sebagainya. Sebenarnya ini adalah yang sebenarnya pemikiran luar kotak yang dilakukan satu-satunya Perdana Menteri tidak lain tidak bukan Ahli Parlimen Pekan yang mana untuk membantu rakyat dari sudut *social safety net [Tepuk]* Ini daripada pemotongan subsidi pukal dahulu yang telah diagihkan wang tersebut penjimatan itu diagihkan, bukan dedak, bukannya umpan, saya hendak maklum. Silakan Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** GST, Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Kuantan tidak bagi juga?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya bagi orang yang baik-baik. Silakan Yang Berhormat Kuala Nerus *[Ketawa]*

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Eh, Yang Berhormat Kuantan baik apa Yang Berhormat Baling? Yang Berhormat Baling tak nak jawab, Yang Berhormat Baling takut kah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Saya takut orang perempuan.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Baling tadi tentang

indeks kebahagiaan Baling yang jatuh nombor satu. Saya pun turut berbangga dengan keadaan Baling itu. Cuma persoalan saya yang mungkin Yang Berhormat boleh sebut sedikit, adakah ukuran itu dibuat berdasarkan pembangunan *material* semata-mata ataupun pembangunan material dan spiritual yang berlaku di Baling?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih. Jawapan dia senang, semua aspek. Merangkumi keseluruhannya daripada kerohanian, keagamaan, daripada segi pemasyarakatan, daripada kesatuan, daripada pemimpin, pendekatan pemimpin dengan rakyat yang bersandarkan Azeez Rahim, rakyat Baling berpisah tiada. Ini semua merangkumi segala-galanya sehinggakan boleh membahagiakan rakyat Baling, *insya-Allah* akan berterusan. Tidak cukup dengan itu jadi dalam konteks BR1M..

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Dia tidak mahu soalan GST pula. Soalan GST...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya tertarik. Tak, saya tidak boleh jawab Tabung Haji. Saya bukan Menteri. *You* hendak tanya, Yang Berhormat hendak tanya, tanya Menteri. Saya Pengerusi, *I cannot answer you. You can ask that question to* Yang Berhormat Menteri berkaitan Tabung Haji.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Boleh, Yang Berhormat Baling boleh masukkan dalam ucapan Yang Berhormat Baling. Jadi maksudnya Yang Berhormat Baling tanya Yang Berhormat Menteri juga.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tak apa, tak apa, *you ask* Yang Berhormat Menteri, duduk, duduk.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Jadi saya hendak tanya pasal GST. Yang Berhormat Baling asyik puji-puji Yang Berhormat Pekan pasal GST ini, saya hendak tanya Yang Berhormat Baling. Saya hendak mencelah Yang Berhormat Baling berkenaan dengan GST pula.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Oleh sebab itu selepas itu tadi Yang Berhormat buruk saya. Yang Berhormat kata saya takut dan sebagainya. Saya bukan takut. Saya tahu undang-undang. *I know the law.*

■1450

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Berkenaan dengan GST Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Undang-undang, saya tidak boleh menjawab bagi pihak Tabung Haji.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Okey.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya belum jadi Yang Berhormat Menteri lagi. Sudah jadi esok, saya jawab. Duduk dulu.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kita tanya fasal GST pula Yang Berhormat Baling. Boleh saya tanya fasal GST?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya juga amat tertarik dengan...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Baling, boleh saya tanya fasal GST pula?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Apabila kerajaan menggalakkan golongan B40...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Oh, tidak pernah pun tengok Yang Berhormat Baling macam ini.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Khususnya penerima yang menjana pendapatan tambahan...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tidak akan tidak boleh tanya fasal GST, dok puji-puji tadi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Dengan menyertai pemanduan *ride sharing* seperti *Uber* yang terbukti mampu...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Mesti boleh *defend* apa yang *Uber* pun saya hendak tanya juga.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...menambah pendapatan, terutamanya bagi memiliki kenderaan sendiri. Kerajaan juga berbesar hati, sudi membantu rakyat yang tidak mempunyai kenderaan namun mahu berusaha lebih untuk menjana pendapatan tambahan. Inilah dia *out of the box thinking* oleh Yang Berhormat Pekan. Tahniah lagi sekali dengan menawarkan rebat RM4 ribu bagi pembelian kereta IRIZ yang mana wang pendahuluan boleh dibayar menggunakan BR1M.

Sekiranya ada rakyat Baling yang ingin menyertai pemanduan *ride sharing* ini, maka ini akan memudahkan urusan mereka untuk sama ada ke Alor Setar, ke Pulau Pinang, ke Sungai Petani, hendak pergi ke hospital dan sebagainya. Mereka boleh membawa rakyat yang lain untuk tumpang dan sekadar membayar minimum kepada mereka. Inilah dia cara, kaedah kita hendak bantu rakyat. Bukan tuduh, bukan fitnah, bukan dok bergaduh. Kita ini hari-hari, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memikirkan bagaimana untuk membantu rakyat. Saya amat sedih apabila saya mendengar satu demi satu tohmahan serta tuduhan tidak berasas sama sekali oleh pembangkang

terhadap Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi.

Hari ini kita sudah lihat, dulu duduk belah sini, menjadi jawatan Timbalan Perdana Menteri, Timbalan Presiden, menjadi Menteri Kanan, akhirnya duduk di situ. Dulu musuh azali. Tidak boleh langsung panggil orang kafir harbi, menjadi *ultra Malay* dan sebagainya. Tiba-tiba datang ke mari mempersoalkan sebelah sana pula dan mereka tidak tahu. Saya hendak mengingatkan kepada pemimpin-pemimpin ini, contohnya Yang Berhormat Pagoh semalam.

Saya hendak mengingatkan beliau supaya mereka kena tahu adat apabila kita menjadi seorang Yang Berhormat Menteri, kita ada sumpah dan janji, ada akur janjinya. Bila kita sudah tidak ada dalam kerajaan, kita sudah keluar, jangan kita aibkan, jangan kita soalkan. Mungkin dalam Dewan yang mulia ini, ada imuniti, betul, tidak ada OSA. Akan tetapi ingat ia boleh bersandarkan, boleh disifatkan kita di sini menghasut rakyat sebab dalam Dewan ini terkeluar, apa yang saya sebut ini *live*, rakyat mendengar. Ia boleh menjadi di bawah Akta Hasutan. Sama juga saya tegur Yang Berhormat Tambun. Dulu Yang Berhormat Tambun duduk situ, mempertahankan 1MDB. Bila saya hendak bangun tanya soalan, bila menjawab, semua kawan belah sana tanya soalan. Hari ini beliau menanyakan kenapa 1MDB diwujudkan, hendak jawapan.

Patut beliau yang menjawab, bukan kita hendak tanya dia. Dia tidak tanya kita, dia patutnya yang menjawab. Yang Berhormat Tambun kena menjawab. Jadi, saya fikir sudah masa, waktu sudah tiba, sudah tiba waktu dan masanya untuk kita walaupun pembangkang, kita tidak boleh datang ke Dewan untuk mengelirukan rakyat. Apatah lagi kita tambah fitnah dan kita juga hasut rakyat. Saya juga dengar apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, beliau kata pertama mana TV berskrin besar, satu.

Yang keduanya, beliau tanya kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada dalam Dewan bila saya berbahas. Saya kata ini bukan kerja Perdana Menteri untuk mendengar. Pembangkang sendiri pun tidak ada datang Dewan. Bila hendak bersyarah baru datang. Tengoklah, memang setiap hari. Saya datang hari-hari, saya tahulah pembangkang datang, tidak datang. Kebanyakan lebih ramai yang tidak datang dan itu sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kena jaga kerajaan, kena jaga rakyat keseluruhan. Akan tetapi kena ingat untuk Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada TV skrin dalam bilik beliau. Sambil buat kerja, beliau boleh meneliti, beliau boleh melihat pembangkang



cakap apa, minta apa. Semua beliau tahu. Tidak semestinya datang Dewan yang mulia ini untuk mendengar apa jua yang dinyatakan oleh pihak pembangkang.

Akan tetapi lebih yang menyedihkan, bukan setakat mengeluarkan kenyataan-kenyataan memutar belit dalam konteks fitnah kerajaan. Pada masa saya, hari bajet, hari bajet tidak pernah berlaku dalam sejarah, saya orang baru, saya kali ketiga duduk dalam ini, sebelum-sebelum ini saya datang sebagai pemerhati. Tidak pernah berlaku bila Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan Perdana Menteri sedang membenteng bajet, bangun keluar, mengganggu dan sebenarnya.

Sehinggakan saya hormat, saya bagi tabik *spring* kepada rakan-rakan dalam PAS. Mereka duduk, mereka menghormati dan saya ingin meminjamkan 2 orang. Saya ingin meminjamkan apa yang dikeluarkan kenyataan oleh Ahli Parlimen PAS dari Pasir Mas, beliau menyatakan biadap, sikap biadap mereka yang meninggalkan Dewan. Itu Ahli PAS, Ahli Parlimen dari Pasir Mas. Saya ucapkan tahniah sebab beliau berani bercakap bersandarkan... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Walaupun pahit, beliau cakap yang benar.

Satu lagi saya hendak pinjam daripada saudara baru Yang Berhormat Tuan Budiman, Ahli Parlimen yang baru daripada Sungai Besar. Apakah beliau menyatakan? Saya sejarah kali pertama dalam Dewan yang mulia ini, saya duduk sebagai Ahli Parlimen, mereka keluar. Akan tetapi saya hendak bagi tahu pada Dewan yang mulia ini, bila Yang Berhormat Gombak bahas bajet dalam konteks negeri Selangor, telinga, hati semuanya terhiris, terluka, menangis tapi atas semangat, roh perjuangan sebagai seorang pemimpin, tanggungjawab kepada rakyat yang bersandarkan... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Saya tunggu dalam Dewan sampai habis, kami tunggu.

Inilah dia Kerajaan Barisan Nasional. Pemimpin Barisan Nasional yang *gentleman*, tidak lari. Hendak bahas, sekarang bahas. Bila sudah waktu tiba, kita bahas. Kita cakap apa yang terbuku dalam hati kita. Jadi, saya hendak menyatakan, setakat ini kalau hendak bandingkan dengan bajet yang dikeluarkan, yang dibahaskan, yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, memang dalam sejarahnya, tidak ada bajet yang terbaik. Ini adalah betul-betul untuk rakyat. Berikan kepada rakyat. Pembangkang ini kerja dia untuk bangkang. Saya hendak bagi tahu kepada rakyat keseluruhannya dalam negara kita ini, rakyat yang saya kasihan, kerja dia memang untuk menjatuhkan kerajaan walaupun kerajaan buat apa saja. Kerja dia pembangkang. Rakyat mesti boleh nilai yang mana kaca, yang mana permata.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Minta laluan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Walaupun permata itu hitam seperti saya, permata itu tetap berharga. Kaca tidak ada harga. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Ketereh.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat Baling, semangat dia hari ini. Yang Berhormat Baling ada menyebutkan tentang soal sikap tidak menghargai, soal sikap tidak mahu menerima kebenaran.

Saya ingin mendapat komen daripada Yang Berhormat Baling, adakah Yang Berhormat Baling bersetuju kalau saya katakan itu bukan satu perkara yang luar biasa, malah dalam Al-Quran Nur Karim ada menyebut... *[Membaca beberapa potong ayat Al-Quran]* Hingga ke akhir hayat, di mana Allah SWT berfirman bahawa, *“Tidaklah aku jadikan neraka jahanam itu melainkan untuk manusia.”* Manusia yang macam mana?... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Yakni manusia yang memang hati dia keras, tidak boleh buat apa sudah... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Yakni yang ada mata tapi macam tidak nampak dan juga yang ada telinga tapi macam tidak mendengar. Jadi, benda itu sudah digambarkan dalam Al-Quran tadi. Jadi, adakah ini Yang Berhormat Baling berasakan satu perkara luar biasa kalau ada manusia yang bersikap demikian.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tepat sekali Yang Berhormat Ketereh. Bukan setakat itu, mereka malah sombong dan tidak cerdik. Mereka tidak boleh dibantu dan diajar kerana pegangan mereka adalah, yang mereka percaya ideologi mereka melebihi segala-galanya. Jadi, pembangkang kalau ikut saya sudah makin hilang fokus. Mereka sudah tidak rasional lagi. Cara mereka melakukan, cara mereka menjawab, cara mereka datang ke Dewan ini, cara menyoal, mereka sudah tidak sama sekali rasional. Nampak sangat taburan fitnah yang melebihi daripada mereka datang untuk membahaskan kepentingan-kepentingan rakyat jelata.

Jadi, kalau setakat sikap, sifat kebiadaban pembangkang ini dan jelas hari ini kalau kita tengok bukan setakat dalam bajet sahaja, dalam apa juga mereka buat, mereka memang begitu. Kalau tidak, tidak akan lah dulu Yang Berhormat Gelang Patah tidak boleh tengok muka Yang Berhormat Pagoh langsung, musuh azali. Hari ini boleh berkepit ke sana ke mari. *To them*, atas kepentingan walaupun tidur di atas satu bantal, sudah semestinya mimpi dan prinsip yang berlainan. Mereka guna mengguna di antara satu sama lain.

**■1500**

Jadi saya ingin memaklumkan pada mereka inilah yang pernah duduk dalam kerajaan, wahai pada pemimpin-pemimpin ini sedarlah walau apa pun kita duduk dalam Kerajaan Barisan Nasional di bawah naungan parti keramat UMNO yang kita, anak, isteri [*Tepuk*] Kita bahkan gemuk dalam UMNO, hari ini keluar baru dua hari selepas itu hentam, fitnah malah mengelirukan rakyat dan jangan ingat kita boleh terlepas. Mungkin di dunia boleh terlepas di akhirat tidak sama sekali kita boleh terlepas.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Baling, sedikit, sedikit.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya ada dua minit sahaja okey cepat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bukan itu sahaja, Yang Berhormat Baling, mereka pun juga membentangkan bajet alternatif.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itu auta..

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kalau teruk bajet alternatif langsung tidak logik, tidak masuk akal bukan sahaja tak mampu buat di negeri yang mereka memerintah pun tidak buat. Macam mana hendak tawar kepada rakyat sebab itu retorik..

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itu memang...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tak ada langsung sebesar zarah yang Kerajaan Barisan Nasional buat tidak dihargai langsung sedangkan nikmat mereka ambil. Oleh sebab itu kalau ini keadaannya, saya harap rakyat di luar sana nilailah kalau mereka diberikan tanggungjawab hancur negara.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih. Bagi mereka manifesto bukan janji. Manifesto adalah suka-suka mereka taburkan begini tetapi tidak bukan janji. Kita, Kerajaan Barisan Nasional manifesto janji, janji mesti ditepati. Itulah pegangan kita yang mana kita akan laksanakan. Saya percaya apa yang, Yang Berhormat Lenggong sebut tadi *insya-Allah* rakyat akan menilai macam yang saya sebutkan tadi rakyat akan menjadi hakim dalam erti kata sebenarnya melihat bagaimana keupayaan yang ada kepada Kerajaan Barisan Nasional dalam membawa masa depan rakyat generasi yang mendatang.

Jadi *insya-Allah* TN atau Transformation National 50 akan digerakkan, akan dipastikan generasi muda wacana nasional akan dapat dilaksanakan dengan harapan masa depan yang kita baharui. Jadi terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua saya ada banyak lagi tetapi tak sempat ada gangguan-gangguan. Walau

bagaimanapun, saya ingin ucapkan terima kasih bajet yang dibawa ini kita akan sokong, kita akan pastikan *insya-Allah* apa yang dijanjikan oleh Kerajaan Barisan Nasional, apa yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dapat direalisasikan demi rakyat yang tercinta.

Akhir kata saya ingin mengingatkan lagi sekali kepada mereka yang pernah duduk dalam kerajaan, yang pernah duduk di depan sana, yang mengajar, mendidik kita hari ini jangan menjadi tali barut. *Nauczubillahminzalik*, saya berdoa pada Allah SWT agar mereka tidak menjadi orang-orang yang munafik. Dengan kata-kata itu,

*Barisan Nasional kerajaan terbilang,  
Barisan Pembangkang duduk melopong,  
Bajet 2017 bajet gemilang,  
Saya, Baling memohon.*

Terima kasih. *Wabillahi taufik walhidayah, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Baling. Sila, Yang Berhormat Taiping.

### **3.03 ptg.**

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana izinkan saya bangun mewakili negeri Perak membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2017. Terlebih dahulu kepada rakan-rakan kaum India yang beragama Hindu izinkan saya mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali... *[Berucap dalam bahasa Tamil]* dan saya berharap pada tahun yang akan datang semasa Sekretariat Parlimen merancang takwim pada mesyuarat kita, pada Hari Deepavali diberikan cuti khas kepada Ahli-ahli Parlimen yang beragama Hindu.

Tuan Yang di-Pertua, Perak dahulunya antara negeri yang paling kaya. Lembah Kinta merupakan pengeluar bijih timah terbesar di dunia malahan pokok getah pertama yang ditanamkan di Malaysia juga berada masih lagi hidup segar di Bandar Diraja Kuala Kangsar. Akan tetapi selepas enam dekad, negeri Perak diperintah oleh Barisan Nasional kini mengikut Khazanah Research Institute yang milik penuhnya oleh Kementerian Kewangan telah pun mendedahkan fakta di depan mata kita Perak kini menjadi negeri kedua yang paling miskin dan kadar bunuh diri pula di kedua yang paling tinggi di seluruh Malaysia.

Saya berasa sedih dan kecewa. Mengikut laporan Khazanah Institute, 21% rakyat di negeri Perak pendapatan seisi keluarganya kurang daripada RM2,000 satu bulan malahan kerajaan telah pun menetapkan paras kemiskinan yang tidak berpijak di atas bumi yang nyata. Mengikut takrifan dan definisi kerajaan, rakyat yang miskin tegar pendapatannya kurang daripada RM520. Untuk mereka golongan yang miskin takrifannya pendapatan seisi keluarga tidak melebihi RM800. Akan tetapi kita sedia maklum, sekarang gaji minimum pun sudah RM1,200 ini mencerminkan sebenarnya apabila kerajaan menguar-uarkan tidak ada lagi orang miskin. Ini mengamalkan sikap, "*angkat bakul masuk sendiri*" ataupun "syok sendiri" tipu rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja negeri Perak ini kini yang menjadi negeri kedua paling miskin apabila saya mengupas secara teliti bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Walaupun negeri Perak mempunyai 6 orang Menteri termasuk Timbalan Perdana Menteri tetapi negeri kesayangan saya kini telah pun terpinggir daripada arus pembangunan perdana.

Apabila Yang Amat Berhormat Pekan telah pun mengumumkan 24 projek pembangunan perdana termasuk *Vision City Valley, Cyber City, Aerospace Industry Hub* dan lain-lain lagi yang menelan kos belanja RM13.7 bilion. Amat sedih sekali tidak ada satu pun projek mega terletak di negeri kesayangan saya ini walaupun negeri Perak merupakan negeri kedua terbesar di Semenanjung Malaysia. Maka saya rasa adalah penting apabila Barisan Nasional turun padang, beritahu rakyat undi mereka supaya membawa pembangunan, inilah dia janji kosong yang dimungkirkan dan rakyat berasa amat kecewa sekali. Keadaan pada bajet tahun hadapan tidak nampak juga kemajuan.

Saya telah mengupas secara teliti bajet beribu-ribu *pages* ini tetapi lapangan terbang antarabangsa baru yang seketika dahulu diumumkan oleh kerajaan negeri sehingga kini masih tidak ada, bayang pun tidak nampak. Impian tidak menjadi kenyataan. Janji tinggal janji kosong sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita meneliti bajet ini secara teliti, Bajet 2017 bajet defisit sepanjang 20 tahun berturut-turut sejak tahun 1998 iaitu tahun di mana Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat. Ini rekod yang membimbangkan. Persoalan pertama saya kepada kerajaan adalah dengan defisit berturut-turut selama 20 tahun adakah kita sanggup tipu diri sendiri lagi di mana dengan konsep, "*Everything is still okay*". Betul kah?

Persoalan saya adalah bila baru akan ada bajet seimbang seperti di Pulau Pinang dan juga di negeri Selangor. Kedua, Tuan Yang di-Pertua jumlah defisit tahun 2017 adalah sebanyak RM40.3 bilion jika dibanding dengan defisit tahun ini sebanyak

RM38.9 bilion satu peningkatan yang membimbangkan. Sekiranya ditambah dengan bajet tambahan yang bajet iaitu *supplementary budget* yang kini telah pun berlaku tiap-tiap tahun sejak apabila Yang Amat Berhormat Pekan mengambil alih portfolio Menteri Kewangan.

Adakah kerajaan akan bentang lagi bajet tambahan? Jika ada maka apa gunanya kita bazir masa bahas bajet yang tidak tepat ini kerana akan ada *over spending* yang bakal berlaku. Saya sokong kan bahas saya dengan fakta. Tahun 2013 selepas bentang bajet, Kerajaan Barisan Nasional bentang lagi belanjawan tambahan RM15 bilion pada tahun 2013. Tahun 2014 dua kali belanjawan tambahan telah pun dikemukakan. Pertama kali RM4.1 bilion, kedua RM2.2 bilion dan jumlahnya RM6.3 bilion. Tahun 2015 belanjawan tambahan lagi RM2.2 bilion, tahun ini 2016, belanjawan tambahan lagi RM3.3 bilion.

Sebenarnya mengikut Maybank Investment Bank, kerajaan telah pun *over spending* sejak tahun 2000 bermaksud sudah 17 tahun berturut-turut Kerajaan Barisan Nasional gagal menepati disiplin perbelanjaan berhemah. Sebenarnya mereka telah melakukan pembohongan besar tiap-tiap tahun buat belanjawan tambahan untuk mereka *cover up whatever is not provided in the budget*, dengan izin.

#### ■1510

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, hutang negara kini telah mencecah paras baru sehingga RM844.7 bilion. Hutang negara sektor awam ini termasuk *contingent liability* dan hutang yang dijamin oleh kerajaan yang bakal dibayar oleh rakyat. Jumlah ini dapat dilihat daripada kos membayar hutang negara yang semakin hari semakin meningkat. Ledakan hutang yang menggunung ini, kos membayar hutang negara naik daripada RM26.4 bilion tahun ini sehingga RM28.8 bilion pada tahun depan.

Dengan kata lain, negara kita terpaksa membayar RM2.4 bilion kos dan faedah tiap-tiap bulan iaitu satu hari lebih RM80 juta faedah dan kos untuk membayar hutang negara. Rakyat terpaksa menanggung hutang lebih daripada RM28,000 tiap-tiap orang.

Lebih mengkhawatirkan adalah Malaysia kini telah mengalami kenaikan hutang setiap tahun yang tidak pernah surut tetapi kerajaan tidak mampu untuk mengurangkan hutang yang semakin menggunung.

Maka persoalan ketiga saya kepada kerajaan adalah, apakah langkah kerajaan untuk ikat perut dan rancangan kerajaan untuk mengurangkan hutang negara? Ini adalah persoalan yang perlu dijawab oleh Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah hutang yang saya sebut tadi masih lagi tidak termasuk RM50.4 bilion yang kini ditanggung oleh 29 buah syarikat GLC dan hutang 1MDB sebanyak RM30 bilion. Dengan kata lain, rakyat kini terpaksa berhadapan dengan risiko yang amat tinggi kerana beban hutang yang semakin berat.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat terpaksa ikat perut kerana subsidi barang keperluan asas seperti minyak, diesel, gula, gandum, beras mahupun bulan depan minyak masak, kini telah atau akan dihapuskan. Penghapusan subsidi-subsidi ini menunjukkan kekangan kewangan kerajaan dan ini bakal menyaksikan kenaikan harga barang.

Persoalan keempat, saya adalah di manakah rasionalisasi subsidi yang dijanjikan? Apabila kerajaan kata nak pakai secara rasional tetapi di depan mata kita penghapusan subsidi untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2017 juga memotong peruntukan 19 kementerian daripada jumlah 25 kementerian. Yang kena potong termasuk siapa? Termasuk SPRM yang menyaksikan pemotongan RM78 juta dalam tahun ini dan tahun depan peruntukan SPRM jatuh dari RM295 juta kepada RM216 juta. Pemotongan lebih kurang satu pertiga bajet SPRM membuktikan janji Barisan Nasional untuk banteras janji kosong.

Selain SPRM, Jabatan Audit Negara yang memainkan peranan penting untuk mencegah ketirisan, pembaziran, penyelewengan juga mengalami pemotongan bajet yang secara ketara. Jabatan Audit Negara peruntukannya akan jatuh dari RM163 juta kepada RM135 juta. Satu pemotongan RM28 juta ini akan menjejaskan usaha Jabatan Audit Negara untuk mencegah ketirisan, pembaziran mahupun penyelewengan. Akhirnya yang akan menanggung rugi adalah rakyat dan negara.

Maka persoalan kelima saya, *transparency index* negara kita telah mengalami kejatuhan secara ketara. Dahulu kita menduduki tangga ke-36. Kini di bawah Yang Amat Berhormat Pekan, kedudukan negara merosot di tangga 54. Dengan pemotongan bajet kepada SPRM dan juga Jabatan Audit Negara, di mana tekad politik, *where is your political will to combat corruption*, dengan izin?

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ekonomi kini kian lembap, walaupun mungkin Yang Berhormat Baling dan rakan-rakan di sebelah sana masih lagi boleh angkat bakul masuk sendiri tetapi di pihak sini kita berasa cukup bimbang sekali. Saya baru dapat jawapan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Apabila sektor awam membuka untuk permohonan kerja, jumlah kekosongannya 14,000 jawatan kosong tetapi yang dapat memohon untuk temu janji cari kerja ialah seramai 1.46 juta orang. Cuma minta 14,000 jawatan kosong. Seramai

1.46 juta orang rakyat Malaysia memohon untuk kerja. Ini mencerminkan betapa seriusnya masalah peluang pekerjaan ini yang semakin menguncup.

Malahan, semalam Dewan yang mulia ini digemparkan dengan jawapan oleh Menteri. Jika ekonomi betul-betul baik, mengapakah GLC dan juga perbadanan di bawah Menteri tahun ini sahaja memberhentikan 6,170 orang pekerja ataupun kontrak mereka ditamatkan dan tidak diperbaharui? Seramai 6,170 orang.

Dan jika kita lihat sektor swasta, keadaannya semakin terhimpit. Maybank, bank utama negara kita telah mengumumkan mereka akan tutup 27 buah cawangan pada tahun depan. CIMB Bank, bank kedua terbesar negara ini akan tutup 23 buah cawangan. Shell, syarikat minyak terunggul akan VSS atau pecat 1,700 orang pekerja mereka. RHB Bank akan juga memberhentikan 1,200 orang pekerja mereka. Dell, syarikat komputer, akan memecat 3,000 orang pekerja mereka dan lain-lain lagi. Adakah kita masih percaya kepada Yang Amat Berhormat Pekan bahawa *everything is due okay?* Saya tidak bersetuju.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ekonomi kian lembap, kerajaan masih bercadang untuk kutip RM40 bilion cukai GST pada tahun depan. Ini bererti setiap warganegara akan menanggung RM1,333. Jika satu keluarga mempunyai lima orang, jumlah GST yang akan dibayar adalah RM6,500, satu jumlah yang jauh lebih tinggi daripada BR1M.

Dengan kata lain, sebenarnya saya ucap tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana pandai membina persepsi yang serong. Sini ambil hisap darah rakyat RM6. Tangan kanan ambil RM6, tangan kiri bagi RM1. Ambil RM6, bagi RM1. Siapa bijak, siapakah bodoh? Jawapan dalam hati masing-masing.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bangun]*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya juga selain daripada subsidi, bajet ini menyaksikan banyak nikmat kepada rakyat sebanyak RM259 juta...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Taiping, minta pencelahan Yang Berhormat Taiping.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tidak ada masa.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak ada? Kita sama Perak, kan?

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ini Yang Berhormat Bagan Serai cakap kosong, duduk. Semalam sudah cakap kosong setengah jam bazir masa Dewan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dia cakap merepek. Pasal dia cakap merepeklah kita bangun.



**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua, ini semua adalah berpaksikan kepada fakta yang diperuntukkan dalam buku bajet.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Cakap merepek Yang Berhormat Taiping ini.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Bagan Serai semalam sudah buat omong-omong kosong, angan-angan mat jenin setengah jam, kita tidak dilayan.

Tuan Yang di-Pertua, bajet ini menyaksikan banyak nikmat kepada rakyat sebanyak lebih RM259 juta akan dihapuskan. Dengar dahulu. Ini termasuk Biasiswa Bursary sebanyak RM30 juta akan dimansuhkan. Biasiswa Bursary adalah satu-satunya biasiswa yang memberikan pelajar cemerlang *full 'A'* SPM baru boleh layak dapat. Saya tengok Yang Berhormat Bagan Serai pergi pun tidak dapat *Bursary Scholarship*. Akan tetapi, *Bursary Scholarship* akan dihapuskan 100 peratus mulai tahun depan.

Selain daripada itu, Program Susu Percuma 1Malaysia yang dahulu menelan belanja RM1.6 juta dihapuskan. Ketiga, dana penyelenggaraan bangunan kerajaan sebanyak RM70 juta dihapuskan. Biasiswa sukan- apabila kita kata mengutamakan atlet sukan supaya negara kita dapat meraih pingat emas pertama di Tokyo Olimpik, biasiswa sukan dihapuskan.

Keempat, dana pembiayaan aktiviti kokurikulum sekolah-sekolah dihapuskan. Selain daripada itu, satu jumlah sebanyak RM593 juta untuk membiayai pampasan kepada lebuhraya swasta juga telah pun diangkat keluar. Maka, dijangka tahun depan kadar tol akan naik lagi. Rakyat terpaksa ikat perut tetapi pemimpin Barisan Nasional tetap boros.

Persoalan ketujuh saya, adakah kadar tol akan naik dan membebankan rakyat pada tahun depan? Saya rasa negara Malaysia adalah satu-satu negara yang amat pelik sekali. Kita sudah bayar cukai, bayar *income tax*, bayar GST, beli kereta bayar *road tax*. Pergi kerja bayar tol.

#### ■1520

Tol itu jika ikut kontrak Lebuhraya PLUS Highway tamat kontrak tahun 2018 tetapi Kerajaan Barisan Nasional dengan slogan '*Rakyat Didahulukan*', bukan sahaja dia tidak tamatkan kontrak untuk memudahkan rakyat, *PLUS Highway* dipanjangkan hayatnya sehingga tahun 2038. Siapakah yang mengkhianati rakyat ini? Jawablah Yang Amat Berhormat Pekan.

**Seorang Ahli:** Barisan Nasional.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ini projek siapa? Bukannya *PLUS Highway* tidak ada untung. Kos bina *PLUS Highway* sebanyak RM6.5 bilion. Jumlah kutipan

tolnya sebanyak RM52 bilion. Untungnya lebih satu ribu peratus. Mengapakah terus hisap darah rakyat? Apakah Yang Berhormat Menteri buat? Semua sepatutnya boleh letak jawatan. Ini amat menyayat hati dan menghampakan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, saya hendak tanya kepada wawasan kita. Di depan meja kita ada risalah. *Pledge* daripada Menteri Kementerian Pengajian Tinggi. *The Higher Education Ministry pledge, "We are to provide the best education system that Malaysia can offer to the world"*.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ini bukan saya cakap. Yang Berhormat Bagan Serai, ini daripada Yang Berhormat Menteri. Dia kata apa? Kita sudah buat 2007. Kita buat *initiation of research university project. Five universities were chosen to spur the nation research development and innovation* tetapi di depan mata kita, jangan tipu rakyat lagi. Kementerian, IPTA ini semua kena potong bajet secara serius. Lima buah *university research* mengalami pemotongan bajet lebih kurang satu per tiga. Apa yang dicakap "*Indah khabar daripada rupa*". "*Cakap tidak serupa bikin*". Sini kata memacu pembangunan sains R&D. Sana potong bajet. Profesor punya kontrak semua tidak dapat diperbaharui. Apakah itu?

Tuan Yang di-Pertua, ini diperuntukkan dalam bajet. Saya baca, Yang Berhormat Bagan Serai. Dengar baik-baik. Bajet IPTA tahun 2016 dipotong 19.23 peratus. Tahun 2017 dipotong lebih kurang 16.5 peratus. Peruntukan Kementerian Pendidikan Tinggi jatuh daripada RM13.37 bilion menjadi RM12.13 bilion. *Operating expenses of the- IPTA* jatuh daripada RM7.6 bilion menjadi RM6.2 bilion. Sebanyak RM1.4 bilion, *operating expenses university* telah pun dipotong secara ketara. Ini apa akibatnya? Tahun 2014, negara kita, IPTA demi memberikan ruang dan peluang kepada pelajar-pelajar miskin yang layak telah mengambil 93,522 orang pelajar tetapi selepas bajet kena potong, tahun 2015, jumlah *intake* telah jatuh sebanyak 7,819 orang. Universiti kita cuma mampu ambil dan serap 85,703 orang. Ini fakta di depan mata kita. Adakah kita terus hendak jadi burung unta?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin membawa perhatian kepada kementerian tentang janji-janji. Apabila saya mengupas bajet yang diperuntukkan, walaupun Kementerian Pendidikan diperuntukkan sebanyak RM43.9 bilion tetapi 97 peratus adalah untuk belanjawan mengurus. Hanya tiga peratus peruntukan untuk kementerian diguna pakai untuk pembangunan iaitu membina sekolah. Akan tetapi amat sedih sekali. Saya hendak beritahu. Sekolah menengah jenis kebangsaan (SMJK) di bawah kementerian, walaupun di negara ini ada 78 buah

seperti St. Peter's, Ave Maria dan lain-lain tetapi peruntukan saya baca dari bawah, atas, kiri dan kanan peruntukan yang diperuntukkan untuk SMJK adalah kosong.

Selain itu, jika kita bandingkan sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) yang diperuntukkan RM50 juta sebaliknya jumlah pelajarnya ialah 650,000 orang. Jumlah nisbahnya 21 peratus tetapi peruntukkan yang diterima oleh SJKC hanya 4.5 peratus. Adakah pelajar-pelajar ini tidak penting? Jangan UMNO ingat SJKC sekolah Cina. SJKC sekolah semua rakyat Malaysia kerana sekarang ada 18 peratus pelajar-pelajar di SJKC anak-anak Melayu dan anak-anak India.

Sebab itu SJKC khazanah negara yang patut diberikan layanan yang adil dan saksama kerana saya anggap tidak kira sekolah mubaligh, *missionary school*, *international school* ataupun sekolah kebangsaan, semua adalah warisan negara yang patut kita bela dan jaga secara adil dan saksama kerana mereka memainkan peranan penting mendidik anak kita menjadi modal insan dalam usaha kita membangunkan negara kita. Sudah sampai masanya kita tinggalkan budaya lama. *Zero-sum game is no longer available for this nation. We have to move forward. The world has changed*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengatakan, jika betul negara defisit, kita boleh buat cadangan. Pagi ini telah dimaklumkan oleh Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri sendiri mengaku skandal terbesar kewangan dunia, 1MDB yang telah pun melanda tanah air kita kini tidak dapat mencari *auditor*. Selepas Ernst & Young tidak mahu jadi, KPMG takut, Deloitte letak jawatan, sekarang 1MDB tidak dapat cari *auditor*. Tidak ada satu syarikat *auditor* yang berani audit akaunnya. Apakah sudah jadi? *The big firm in the world cannot audit 1MDB. Can you imagine?* Apakah lagi transformasi nasional yang dicakapkan? Dulu kata Wawasan 2020. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kubang Pasu semua baik, semua lawa, semua cantik.

Sekarang? Apa yang dibuat oleh Yang Berhormat Kubang Pasu semua tidak boleh pakai. Wawasan 2020, kita sudah katakan 30 tahun. Kini dibuang dalam tong sampah, diganti dengan Transformasi Nasional 50 (TN50). Dulu tipu kita 30 tahun, sekarang?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Mana ada buang. Kita sambung, Yang Berhormat Taiping.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Apakah sambung? Sudah tiga puluh tahun.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Taiping salah fakta.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Mana ada sambung, Yang Berhormat Baling. Minta *floor*.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Fakta jangan tipu. Ini memang penipu nombor satu.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua, kita hendak buat transformasi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini pembangkang penipu nombor satu... *[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Minta *floor* lah Yang Berhormat Baling... *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Penipu. Fitnah sahaja kerja. Mana ada buang dalam tong sampah. Ada fakta. Jangan tipu rakyatlah. Rakyat sudah tahu.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua, inilah dia sikapnya. Apabila pembangkang dedahkan kebenaran kepada rakyat, Barisan Nasional dia cakap fitnah... *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Sebab itu perintah negeri Perak sebelas bulan, masuk tong sampah... *[Dewan riuh]* Itu mesyuarat bawah pokok.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Duduklah.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** ...Di Dewan yang mulia ini dia akan teriak-teriak sahaja. Inilah sikap dia.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Perak masuk tong sampah sebab itulah. Mesyuarat bawah pokok. Cit!

**Seorang Ahli:** Sudah!

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Okey, duduk. Dia sekarang boleh berehat. Cukup. Tuan Yang di-Pertua, apakah Transformasi Nasional yang dimaksudkan? Adakah kita *transform* daripada demokrasi menjadi kleptokrasi? Adakah ini maksudnya? Ataupun kita lihat daripada persepsi undang-undang. Dulu kita ada tahanan tanpa bicara (ISA). Apabila ISA dimansuhkan pula digantikan dengan SOSMA ataupun POTA. Semuanya akta yang membenarkan tahanan tanpa bicara yang mencabul hak asasi manusia. Adakah ini transformasi yang dimaksudkan? Dulu ada SST. Setahun kutip RM16 bilion. Sekarang transformasi menjadi GST. Setahun kutip RM40 bilion. Tiap-tiap hari hisap darah rakyat tetapi cakap tidak apa. Semua cantik, semua lawa.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita negara yang bertuah tetapi malangnya kita tidak ada kerajaan...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bertuah sebab ada UMNO dan Barisan Nasional... *[Dewan riuh]*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Inilah dia sebab...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Malangnya kerana Yang Berhormat Baling.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Lagi mahu tipu lagi. Tuan Yang di-Pertua, betul sekiranya kita hendak mengurangkan defisit kita. Saya boleh buat satu cadangan. Yang Amat Berhormat Pekan sendiri mengaku dalam akaun peribadi ada RM4.2 bilion. RM4,200 juta. Saya memohon jasa baik Yang Amat Berhormat Pekan tolong derma duit itu kepada Kementerian Kewangan. Maka defisit kita dapat kurang sepuluh peratus *[Tepuk]* Ini untuk kebaikan anak cucu kita, untuk nusa, bangsa dan negara.

Adakah Yang Berhormat Baling setuju supaya duit itu jangan dikembalikan kepada Pak Arab tetapi kita derma balik kepada Perbendaharaan Negara. Defisit dengan serta-merta turun sepuluh peratus. RM4,200 juta. Saya tidak buat dakwaan. Ini pengakuan sendiri tetapi satu dunia tahu apa sebenarnya yang berlaku. Oleh sebab itu sebelum saya akhiri ucapan saya, saya sekali lagi menyeru rakan-rakan di sebelah sana...

#### ■1530

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Taiping. Yang Berhormat Taiping. Bagi Yang Berhormat Lenggong sikit.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tolong bertaubat. Insafilah. Kita ambilkan yang jernih tinggalkan yang keruh. Marilah kita bersama-sama selamatkan Malaysia supaya kita tidak lagi menjadi kleptokrasi...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Taiping. Kalau tidak lama lagi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Selamatkan Penang dahulu. Hei! Selamatkan Penang. Selamatkan Selangor. Selamatkan dua buah negeri ini dahulu. *"Cakap tidak serupa bikin"*! Yang Berhormat Taiping bohong!

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Penang tengok orang. Tengok Penanglah... *[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** ...Dia ini sengaja hendak kacau. Sengaja hendak kacau ini.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang memalukan seluruh dunia disebabkan negara kita akan menjadi negara teladan kleptokrasi terbanyak untuk orang tengok... Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dalam Dewan ini kelirukan rakyat! Bohong! Selama 25 minit bohong, rugi masa kami!

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Lu* tengok Penang macam mana? GDP paling rendahlah. Itu contoh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu. Ya, Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Setiu, sila.

**3.50 ptg.**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berpantun juga dahulu petang ini.

*Mekar sejambak bunga sebekas,*

*Tersusun cantik di atas peti,*

*Hari ini saya hendak berbahas,*

*Jadi pihak pembangkang duduk diam-diam ya di kerusi masing-masing.*

Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama menyertai perbahasan pada hari ini. Apa yang saya amati Bajet 2017 ini sebuah bajet yang terbaik. Sangat baik. Realistik lagi. Tidak macam bajet pembangkang tidak realistik. Menepati keadaan ekonomi semasa serta pada masa yang sama sekiranya ia dilaksanakan dengan penuh amanah dan juga tanggungjawab *insya-Allah*. *Insya-Allah* ia mampu memberikan kesan dan pulangan yang baik kepada seluruh rakyat kita.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan seluruh kementerian yang terlibat dalam memberikan kerjasama bagi merangka satu bajet yang cukup baik untuk memenuhi segala aspirasi rakyat. Memacu pembangunan dan juga memartabatkan ekonomi negara. Mungkin kerana tidak tahan barangkali dengan kehebatan bajet kita ini, itulah yang berlaku tempoh hari ramai yang panas punggung. Keluar dewan.

Jadi saya lihat benda ini macam cepat sangat melatah ni. Kadang-kadang sikap ini tidak profesional. Sikap yang tidak ada profesional langsung walaupun ramai profesional sebelah sana. Jadi mungkin mereka lupa selama ini mereka pun banyak yang asyik menyindir kita, yang asyik mengutuk sebelah kita. Banyak lagi yang mereka buat tapi bila berlaku kepada mereka, sindir sedikit sudah berduyun-duyun keluar Dewan. Hendak tunjukkan dia hebat.

Jadi saya rasa barangkali ini dilakukan barangkalilah kerana sikap ada perasaan iri hati. Ada sikap benci dalam diri mereka ini dan mahu menjatuhkan kerajaan yang sedia ada. Jadi saya hendak lihatlah perasaan dengki ini kalau kita sebut dalam ada satu seorang penulis sains fiksyen daripada Amerika nama dia Robert A. Heinlein...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Setiu. Sedikit Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Memang mereka dilahirkan untuk ...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Untuk begitu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Menjatuhkan orang.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi itulah kerja dia, cari salah orang, jatuhkan orang. Itulah kerja. Dia lahir begitu, kita lahir hendak bela rakyat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Betul.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Hendak tolong rakyat. Mereka lahir untuk menjatuhkan, cari salah orang. Inilah kerja dia. Jadi setuju tak?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling. Saya bersetuju sangat dengan apa Yang Berhormat Baling cakap kerana inilah KPI mereka. KPI mereka ialah mencari salah orang. Maksudnya setiap-macam adalah sesetengah jabatan dia kata kalau kena saman hendak berapa banyak kena saman satu hari. Jadi macam mereka jugalah, sehari berapa banyak kena cari kesalahan kerajaan walaupun kerajaan itu betul sekalipun. Ya. Dia kata ini dalam-penulis sains fiksyen ini dia kata, "*a competent and self-confident person is incapable of jealousy in anything.*" Yes. Jangan *jealous* okey. Kalau benda baik, baiklah.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Apakah nama penulis itu?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Nama dia Robert A. Heinlein. Okey. Jangan main-main ya. Saya ingin menyentuh terus kepada bajet yang akan dibentangkan ini. Ada beberapa perkara yang diumumkan telah menarik perhatian saya yang paling utama ialah BR1M. Jadi, amalan BR1M ini sering biasanya disalah ertikan oleh pihak-pihak biasanya pihak sebelah sanalah ya. Selalu saya lihat,

kononnya kerajaan cuba untuk menyogok rakyatlah, rasuahlah sebagainya. Bermacam-macam, dedak, tidak dedak.

Jadi saya hairan apabila kita hendak membantu rakyat sebab kita negara kebajikan. Kita negara membantu, kita bagi ya. Jadi dikatakan telah memberi rasuah dan sebagainya. Jadi satu persoalan dia, adakah pemberian mereka itu dalam memberi sumbangan? Mereka juga ada memberi sumbangan. Contohnya kalau kita tengok di Selangor ya. Akhir-akhir ini diberi air *free*. Itu bukankah juga satu pemberian? Pemberian kepada rakyat. Untuk apa? Untuk memancing undi juga? Bermacam-macam berlaku ya. Kadang-kadang bagi air dalam bilik air pun ada juga ni. Ada berlaku lah ya.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]* Yang Berhormat Setiu. Assalamualaikum Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidak sempatlah. Ada 25 minit lagi.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Negara kebajikan. Sikit sahaja.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *Last* sekali kalau sempat saya bagi.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Laluan sikit sahaja.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *Last, last.* Nanti nanti. *Last, last.*

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Malaysia.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya hendak habiskan kalau tidak sempat ini banyak ini. Berapa banyak ni. Banyak.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Saya ingin membetulkan sedikit. Negara Malaysia negara berkebajikan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidak, kita bukan negara berkebajikan.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Kita bukan negara *welfare*.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidak, tidak. Kita bukan kebajikan. Kita negara yang memberi bantuan. Membantu rakyat.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Itulah negara berkebajikan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kebajikan lain, dia beza dengan yang dibuat ya. Okey, itu saya habiskan. Tentang BR1M ini saya sedihlah ada



baru-baru ini kejadian berlaku daripada Yang Berhormat Kelana Jaya apa, dia macam menyokong dia menyokong BR1M ini. Akan tetapi apa yang berlaku selepas itu?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tanya saya terus. Tidak payah wayang. Bukan wayang.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Nanti dahulu. Tidak apa. Tidak apa. Nanti dahulu. Jadi keluarlah dalam apa, dia kata apa, maknanya kerana memuji pelaksanaan BR1M ini dia dituduh dibayar. Ha, itu yang hairannya. Pihak PKR akan jalankan siasatan ke atas Ahli Parlimen Kelana Jaya hanya kerana pelaksanaan BR1M sahaja.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Setiu terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sudah, sudah.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab dia nak buat *statement* fasal saya dia kena bagi kepada saya.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidak apa. Tidak apa. Saya cakap hasil daripada pembacaan saya. Hasil daripada pembacaan saya. Jadi, kalau betul tidak betul itu terpulang kepada- sedang disiasat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Manakah boleh macam ini? Tak boleh lah. Mana boleh buat *statement* terhadap seseorang lepas itu- apa?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya melihat benda ini dalam pembacaan saya. Setiap orang pun membaca.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu ini majistret duduk betuk tidak. Saya peguam. Saya akan saman *you* di luar nanti. *You* bawa *statement* di luar kalau boleh.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini dalam Dewan! Saya malaslah okey.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Bawa *statement* di luar. Kalau berani, kalau berani buat *statement* di luar. Yang Berhormat Setiu buat *statement* yang sama di luar. Buat di luar bukan di dalam. Buat dekat luar.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi dasar mereka sebenarnya mudah sahaja.

**Seorang Ahli:** ...Hei, Yang Berhormat Kapar, duduklah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Bila apa yang dilaksanakan oleh Barisan Nasional ini walau bagaimana baik sekalipun mesti ditentang. Dia takkan tentang...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Apa "*Hei Kapar*"? Bangunlah. Kalau berani bangunlah. Jangan "*Hei Kapar, hei Kapar*". Bangun. Bangun. Bangunlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Kalau tidak berani jangan "*Hei Kapar, hei Kapar*".

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *This is my floor okay. You know* peraturan mesyuarat... *[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Jangan biadab. Pasukan *you* lah Yang Berhormat Setiu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *You know* peraturan mesyuarat! Ini Peraturan Mesyuarat! *You just sit down! This is my floor!*

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Bukan *you* Yang Berhormat Setiu! *You* jangan hendak elak. *I* bukan cakap dengan *you*. *I* cakap dengan dia.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Kapar duduk. Relaks Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Siapa *get out!* Siapa *you?* Siapa *you?* Siapa *you?* Hei Yang Berhormat Bagan Serai duduk! Siapa *you?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *This is my floor!*

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tidak berani bangun lagi mahu cerita.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Yang Berhormat sekalian. Peraturan mesyuarat ini Yang Berhormat sendiri yang baca. Hari-hari Yang Berhormat bawa tidur. Yang bercakap, bangun, mencelah juga seorang. Yang membahaskan adalah bekas hakim. Yang mencelah tanpa izin pun seorang peguam. Apakah lagi yang kita hendak tunjuk teladan kepada masyarakat luar? Baca Peraturan Mesyuarat 37. Yang sedang membahaskan tidak duduk apabila yang ingin mencelah, bangun mencelah. Bila *[Disampuk]* – Yang Berhormat Seputeh. Takkan saya hendak sekolahkan, takkan Tuan Yang di-Pertua setiap jam, setiap minit, setiap saat hendak sekolahkan wakil rakyat?

#### ■1540

Tak payahlah Timbalan-timbalan Speaker turut menyekolahkan wakil rakyat, cukuplah dengan Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Peraturan mesyuarat cukup jelas,

yang sedang di bahas jika diganggu untuk pencelahan, duduk dan apabila Speaker menjemput untuk mencelah, barulah boleh mencelah. Ini berucap, membahar, tidak langsung memandang kepada Speaker. Sekali lagi saya dapati mana-mana wakil rakyat yang berbuat demikian, saya jemput dia keluar Dewan. Sila Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Setiu, boleh mencelah?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *No, no.* Nanti nak dekat-dekat habis baru saya bagi. Kemudian yang saya hairan ini, ada pula kenyataan ini daripada parti bunga ini, dia hendak hapuskan BR1M ini. Tak apalah, mereka memerintah esok mereka hendak hapuskan. Saya hairannya, dikatakan BR1M itu sebagai sogokan tetapi mengapa Menteri Besar Selangor tidak meminta rakyat-rakyatnya mengembalikan balik BR1M itu? Kalau benda yang salah, menerima benda yang salah, maknanya dengan Menteri Besar pun salah memerintah. Orang-orang yang menerima sikit kah, banyak kah menerima tetapi tetap menerima benda yang salah. Pulang balikkah, nasihatkan pulang balik, nasihatkan kepada dia orang. Kita lihat BR1M ini sebenarnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu, ada dua yang bangun. Manakah satu? Yang Berhormat Simpang Renggam dan juga Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Nanti saya bagi kemudian. Dekat-dekat nak habiskan baru saya bagi tapi tak sempat pun, 5 minit lagi, banyak lagi hendak bercakap ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Satu lagi kita kena ingat juga, BR1M ini kita bukan bagi berpusat satu tempat. Sebanyak RM6.8 bilion diagih-agihkan kepada 7 juta orang untuk dibelanjakan. Jadi, kita sudah belanja, akhirnya mereka belanja dan boleh merangsang ekonomi, cukup baik untuk negara kita dalam keadaan sekarang. Jadi, kena faham, ini masalahnya, BR1M tidak baik, itu tak baik, semua tak baik. Itu masalah yang berlaku di pihak sana. Apa yang berlaku pula ini, apa yang disebut, dia kata untuk mengurangkan kadar rasuah.

Akan tetapi mereka ini lupa sebenarnya, mereka sendiri ada mempraktikkan rasuah. Contohnya, jelaslah di Selangor macam mana setelah dibawa oleh Yang Berhormat Pandan tempoh hari, bawa pergi *report*, berlaku katanya negara yang

bersih tapi apa yang bersih saya tak tahu. Jadi, sekarang ini bila berlaku di Selangor bukan setakat rasuah biasa, rasuah biasa orang sebutlah. Ini rasuah wanita pula, habuan wanita disebut dan sebagainya. Jadi, kalau kita hendak sebut dalam bajet kita hendak hapuskan rasuah, jaga tempat kita dulu, negeri yang kita perintah dulu. Begitu juga berlaku di Penang, sama juga benda yang dituduh di mahkamah, kata apa kalau kita akan mengadakan pilihan raya negeri kerana apa? Oleh sebab saya akan dipenjarakan. Ini pun sebab apa? Oleh sebab telah melakukan rasuah, berapa banyak rasuah yang berlaku. Akan tetapi inilah yang dikatakan kata orang...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, minta dibetulkan. Tak ada rasuah terbukti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Masalahnya sekarang ini dituduh rasuah, dituduh rasuah, dituduh rasuah sekarang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Janganlah kata berlakunya rasuah, tak betul Tuan Yang di-Pertua. Dituduh okey, baik, dituduh boleh.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Akan tetapi masalahnya sekarang...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan isu ini masih lagi di mahkamah, memang untuk Yang Berhormat Setiu tidak...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Di mana-mana saya tak sebut fakta pun! Saya tak sebut fakta. Oh! Bila- Oh, bila tak cakap pasal fakta-

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Sekiranya keputusan Speaker *subjudice* kalau nak bercakap fasal DOJ, maka keputusan tersebut haruslah dikenakan ke atas apa Yang Berhormat Setiu kata juga.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *No*, sekarang masalah 1MDB ada kamu beritahu bahawa ini *subjudice*? *Double standard*.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** DOJ keputusan Speaker. Speaker kata *subjudice*, kami tak ungkitkan lagi tapi isu Pulau Pinang tak perlu dibangkitkan di sini. Yang Berhormat Setiu bekas hakim cakap macam ini, standard Setiu, huh!

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** DOJ sudah sebut semalam, siapakah sebut? Banyak lagi hendak sebut tapi bila saya sebut, dikatakan *sub judice*. Saya tak nyatakan apa fakta-faktanya. Saya nyatakan dituduh di mahkamah, dituduh

di mahkamah! Saya tak kata apa yang dia buat. Tuduh kerana rasuah. Bukan- apa faktanya? Saya tidak katakan fakta. *Sub judice* tentang apa?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Bukan Speaker, kes masih berlangsung di mahkamah, tak perlulah bangkitkan di sini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu kata berlakunya rasuah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey, sekarang ini yang susahnyanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Bila berlaku pada mereka, terasa pula panas, bila saya sebut benda ini panas! Tadi semua benda yang sama, kalau kita hendak bercerita fasal membanteras rasuah, buat di negeri kita dulu. Jangan mengata orang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu yang dibuat oleh Yang Berhormat Pandan, itulah Yang Berhormat Pandan buat laporan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Mengata orang lebih, paku dulang paku serpih. Mengata orang dia yang lebih. Ini yang saya cuba hendak tekankan apa yang berlaku. Okey, sekarang saya hendak sebut sedikit fasal...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *Happy Deepavali* Tuan Yang di-Pertua, saya gerak dulu, memang bengang nanti, saya marah-marah dia nanti. Terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** GST ini macam-macamlah, GST tak baguslah apa semua. Dia kalau boleh hendak balikkan kepada SST. Tetapi mereka lupa, pada masa SST berlakunya di peringkat awal lagi ketirisan, berlaku ketirisan di peringkat awal lagi. Di peringkat mana? Di peringkat pemborong dengan peringkat pengilang. Saya hendak ceritakan daripada segi pemborong, pemborong yang disebutkan pemborong hantu. Macam mana pemborong hantu berlaku. Dulu tak ada rekod. Zaman dulu SST dia boleh bawa lari cukai, cukai macam mana? Dia beli RM100, cukainya 10%. Akan tetapi dia hanya isytiharkan hanya RM20, dia tak isytiharkan RM100 sebab tak ada rekod macam sekarang. Sekarang tak boleh tipu. Berlaku masa itu RM8, dia ambil bawa masuk poket, diisytiharkan...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Setiu, celahan Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya hendak- nanti dulu, nanti dulu.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Ada 15 minit lagi Yang Berhormat Setiu, banyak masa lagi.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** 15 tak sempatlah, kalau celah tadi, sudah berlaku kacau ganggu tadi.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tadi Yang Berhormat Setiu membebel lama itu yang 10 minit.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi, pemborong hantu ini berlaku pada masa itu, jadi siapa-siapa yang menyokong pemborong hantu ini mereka hantulah, samalah.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Okey Yang Berhormat Setiu, celahan sekarang. Celahan Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya bagi kemudian, *last-last* nanti mana yang ada dulu saya beri.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Habis cerita pemborong hantu, Yang Berhormat Setiu sila beri, saya minta bagi celahan ya.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya hendak habis dalam 10 minit lagi, okey? Okey, daripada segi penjawat awam. Saya hendak sentuh penjawat awam. Penjawat awam ini, kerajaan memang prihatinlah. Dia prihatin daripada segi mana banyak benda yang kerajaan bagi. Oleh sebab dia mengiktiraf penjawat awam dan bagi bonuslah. Akhir-akhirnya diberi bonus selain daripada perkara-perkara lain, cutilah, sebagainya, bermacam-macam-macam lagi yang disebut.

Akan tetapi kalau ikut bajet pembangkang memang tak ada langsunglah, bonus takkan bagi. Yang paling sedih ada kajian yang dibuat untuk mengurangkan kakitangan awam. Bukan sedikit, hendak kurangkan sehingga 463,000 orang daripada 1.6 juta kalau mereka memerintah. Ingatlah pegawai kerajaan, siapa yang pegawai kerajaan. Ingat, di mana akan diletakkan yang sejuta orang lebih tadi kalau 463,000 sahaja. Ini analisis yang dibuat di...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Setiu, boleh bagi tak? Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, di manakah keluar kenyataan ini?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini pembacaan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Apakah ini Yang Berhormat? Pembacaan Yang Berhormat, *you* buta huruf kah? *You* tak pergi sekolah kah? *You* tak pandai *Google* kah?...

[*Dewan riuh*]

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya pun pandai *Google* juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru, duduk. Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini fitnah ini Tuan Yang di-Pertua. Ini fitnah ini.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, baca ini Yang Berhormat, *haiya*.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Samalah, kamu pun bercakap benda yang sama juga. Bagi menghentam nombor 1.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu, duduk dulu Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat, tadi kan berapi-api Yang Berhormat Taiping berucap, ya berapi-api, macam-macam ayat dikeluarkan. Yang Berhormat Shah Alam, sila duduk! Yang Berhormat Kota Raja, jangan membebel atas kerusi.

#### ■1550

Saya hormat Yang Berhormat Kota Raja. Ya, sabar, tahan telinga. Adakah apa Yang Berhormat Taiping itu berbahas dianggap semuanya betul? Yang Berhormat Shah Alam, saya belum jemput lagi Yang Berhormat Shah Alam. Kalau Yang Berhormat Shah Alam berdegil-degil, sila keluar Dewan. Yang Berhormat Shah Alam hendak balik awal kah? Malam ini ada ceramah?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Biasanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam sila duduk Yang Berhormat. Kan tadi bermacam-macam hujah dikeluarkan yang dikeluarkan oleh pihak di sebelah kiri saya, di sebelah kanan saya, pelawat-pelawat kita ada yang tersenyum menilai masing-masing punya isi ucapan perbahasan. Jadi tunggulah Yang Berhormat Menteri barisan kerajaan untuk menjawab. Sila Yang Berhormat Setiu, berhati-hati dalam mengeluarkan fakta.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak apalah saya beralih ke tajuk lainlah. Nampak tajuk yang saya rasa panas, jadi saya pergi kepada tajuk lain yang tidak panas lah ya. Akhir-akhir ini ramai ustaz hadis timbul. Kalau di luar namanya Saifuddin, di dalam Dewan namanya Khalid. Dia ustaz hadis akhir-akhir zaman ini, macam-macam timbullah, menceritakan siapa yang menyokong kah apa semua perbuatan yang mungkar dan sebagainya. Maka

mereka ini kalau diikuti... *[Berucap dalam bahasa Arab]* “*Bukan daripada umatku*”, itu hadis nabi dia cakap.

Akan tetapi mungkin mereka ini lupa kalau hendak kirakan sebutan *[Berucap dalam bahasa Arab]* banyak dalam hadis-hadis lain. Tidak mengikut *[Membaca sepotong Hadis]* banyak benda-benda yang sunnah yang tak diikuti dari segi percakapannya, daripada segi pemakaiannya, daripada segi tutur katanya, pelbagai-bagai. Maksudnya ramailah kita ini tidak - bukan daripada umatnya, kalau hendak kira. Akan tetapi inilah ia.

Jadi kata-kata yang caci maki, nista ini sudah biasa berlaku masalahnya. Hendak dikatakan kita ini ketaatan kita bukanlah taat maksudnya bila pemimpin kita kata- dia beza taat macam mana. Pemimpin kita arahkan kita membuat sesuatu yang mungkar, tidak kiralah apa sahaja. Macam bapa kitalah, kalau bapa kita buat jahat, kita mana boleh marah bapa kita, serupa juga kalau dia arahkan kita ambil duit RM10, kau pergi beli TOTO. Kita tidak boleh marah dia kerana bagi duit beli TOTO, kita hanya boleh ingkar. Itu maksudnya taat kepada pemimpin. *[Membaca sepotong Hadis]* *itulah dia... [Berucap dalam bahasa Arab]* Setakat itu sahaja ketaatannya.

Akan tetapi tidak boleh marah, yang mana kata ada yang hendak menjatuhkan pemimpin dengan cara jalan singkatlah, macam-macam lah dengan kata apa-apa sahajalah tujuan hendak menjatuhkan, semua benda ini haram. Disebut oleh Mufti Kelantan baru-baru ini dia kata haram kita hendak menjatuhkan pemimpin terutama kalau pemimpin itu tidak zalim. Itu yang zalim Wali Songo, dia kata Wali Songo zalim. Zaman-zaman dahulu itu Wali Songo zalim, pemerintah Majapahit itu zalim tetapi dia kata tak boleh kita hendak melawan pemerintah, hendak menjatuhkan pemerintah apa lagi kerajaan kita sekarang.

Kerajaan kita sekarang ini membenarkan apa-apa untuk agama dan sebagainya, dibiarkan, tak ada masalah. Inilah masalah yang timbul ini. Jadi untuk saya nak baca satu hadis jugalah. Satu hadis, *Bismillahir Rahmanir Rahim...* *[Membaca sepotong hadis]* Maksudnya akan berlaku nanti para pemerintah melakukan kemungkaran lalu kamu nasihati mereka melakukan makruf dan kamu ingkari kemungkaran mereka. Jadi sesiapa yang menyuruh dengan yang makruf, dia bebas. Sesiapa yang mengingkari maka dia selamat. Akan tetapi yang menurut dan redha tidak selamat.

Jadi sahabat bertanya, bolehkah kita memerangi mereka? Nabi menjawab, tidak boleh selagi mana mereka mengerjakan solat. Tengok, begitu sekali. Inilah hendak jatuhkanlah bermacam-macam hal dah sekarang ini. Jadi saya ada sedikit lagi isu tentang perumahan belia.



**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Shah Alam bangun lagi Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya ada masa lagi, nanti dulu, saya kata *last-last*, dekat-dekat hendak habis baru saya bagi. Saya tidak habis lagi, banyak lagi.

Isu lainnya perumahan belia. Saya rasakan isu perumahan belia ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengumumkan bahawa 10,000 buah unit rumah di bandar untuk disewa. Ini sentiasa memikirkan keutamaan rakyat. Kita sedar akan masalah tanah di kawasan bandar walaupun dia mahal sekalipun tetapi boleh dimajukan untuk tujuan perumahan belia. Tidaklah macam sesetengah tempat itu dia buat banglo mewah untuk diri sendiri sahaja tetapi kerajaan tidak, memikirkan kepada rakyatnya.

Seterusnya Skim Pinjaman Tanpa Faedah melalui BSN ini sebanyak RM70 juta. Ini untuk membaik pulih rumah panjang di Sabah dan Sarawak. Peruntukannya RM50,000 ini tetapi kalau bolehlah diperluaskan ke Semenanjung. Di Semenanjung pun banyak rumah-rumah yang daif perlu dibina.

Seterusnya saya ingin sentuh sedikit berkenaan dengan pendidikan. Bantuan persekolahan seperti biasa dikekalkan RM100 untuk memberi kemudahan terutama kepada mereka yang miskin, di awal persekolahan, dan yang lain juga isu pendidikan lebih kepada *facility* dan juga aspek keselamatan dan persekitaran sekolah. Saya mencadangkan kalau boleh kita pasang CCTV. Kalau pihak kementerian boleh memasang CCTV lagi bagus, sekarang ini banyak berlaku buli membuli, pengedaran dadah di kawasan sekolah dan sebagainya. Jadi saya rasa elok diadakan CCTV yang terus disambung ke balai polis berdekatan.

Saya juga ingin menyentuh tentang pendidikan juga daripada segi- ini kira yang terakhir. Aspek, *skill* dan juga kemahiran iaitu TVET.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebenarnya Yang Berhormat Setiu ada dua minit sahaja lagi.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidak apa, tidak apa saya habiskan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Habiskan dalam...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sebanyak 4.6 bilion...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jam kita ini.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** 4.6 bilion diperuntukkan untuk TVET.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Ada kesilapan..

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi satu angka yang cukup besar bagi memperkasakan pendidikan yang berasaskan kemahiran. Namun begitu saya juga ingin bertanya kementerian bagaimanakah sebenarnya kesediaan pasaran kerja bagi prospek yang dilahirkan melalui pendidikan seperti ini. Adakah pasaran kerja pada hari ini lebih bersikap terbuka serta apakah bacaan bagi pencapaian pelajar lepasan program ini dalam sektor kerjaya pada masa ini. Jadi saya berharap agar kerajaan dapat mengurangkan stigma masyarakat terhadap program ini. Jadi rata-ratanya di antara mereka menganggap program ini hanya bagi pelajar-pelajar yang *float* dalam pelajaran dan tidak ada masa hadapan. Tanggapan ini perlu ditangkis sebaik mungkin.

Saya rasa yang bangun tadi Yang Berhormat Simpang Renggam ya?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Pandan janji tadi.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Simpang Renggam...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Shah Alam juga...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ada masa lagi Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat ada satu minit. Yang Berhormat Setiu...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bagilah Yang Berhormat Shah Alam, hendak betulkan hadis itu yang dibaca maksudnya. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya tidak faham signal Yang Berhormat ini sama ada hendak memberikan celahan atau tidak.

■1600

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya rasa, saya kalau ada persoalan pun tidak sempat jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masa sudah cukup Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Masa sudah cukup.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, masa sudah cukup.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, yang dia cakap fasal hadis itu perlu diperbetulkan. Ini kerana dia memberi satu kefahaman yang tidak tepat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Seolah-olah tidak boleh ditegur, tidak boleh diperbetulkan pemerintahan yang zalim dan sebagainya. Yang dilarang oleh Nabi adalah memerangi. Macam kisah Wali Songo dengan Raja Majapahit. Sistem itu bukan sistem adanya pilihan raya, bukan ada sistem yang boleh buat pertukaran kepimpinan dengan cara yang aman...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak bolehlah, seolah-olah memberikan satu fatwa haram, tidak betul itu Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya jemput Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu tidak yang tidak bagi dia cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

**4.00 ptg.**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Bajet 2017. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mulai dengan peringatan Allah SWT dalam al-Quran... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Ini satu peringatan Allah kepada sesiapa yang menjadi kerajaan. Bahawa Allah berkuasa memberi kerajaan dan Allah juga berkuasa merampas kerajaan dan Allah berkuasa memuliakan seseorang dan Allah berkuasa menghina seseorang. Jadi sebab itulah kita hendaklah memperingati bahawa kehidupan kita di dunia ini ada persoalan di akhirat, bukan semata-mata di dunia. Jadi saya harap perkara ini memberi peringatan kepada semua kita yang menjadi pemimpin.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan Happy Deepavali kepada semua Ahli Parlimen kita yang beragama Hindu dan kepada seluruh rakyat Malaysia. Begitu juga saya mengambil kesempatan ini untuk mewakili seluruh rakyat negeri Kelantan khususnya dan seluruh pimpinan dari Parti Islam untuk merafakkan sembah setinggi-tinggi tahniah dan menjunjung kasih kepada Sultan Kelantan kerana telah dipilih untuk menjadi Yang di-Pertuan Agong untuk yang ke-15 dan juga merafakkan sembah setinggi-tinggi tahniah dan menjunjung kasih juga kepada Yang Mulia Sultan Nazrin Shah, Sultan Perak kerana juga dilantik bagi Timbalan Yang di-Pertuan Agong yang baru. *Insyaa-Allah*, semoga negara kita terus aman di bawah pemerintahan Duli-duli Tuanku semua.

Saya juga mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan takziah kepada mangsa kebakaran tragedi di Hospital Sultanah Aminah, Johor dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua staf dan kakitangan termasuk anggota bomba, semua sukarelawan, polis dan semua sekali yang telah berusaha termasuk sukarelawan daripada unit brigid dan Brigid Amal dan Brigid Muslimat yang turut membantu mangsa-mangsa kebakaran di Johor baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat tema bajet yang dibentangkan baru yang bertemakan "*Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemahkan Perbelanjaan Inklusif dan Mensejahterakan Kehidupan Rakyat Seluruhnya*". Saya ingin tahu sejauh mana sebenarnya bajet ini benar-benar memberi dan mensejahterakan rakyat. Kalau kita lihat realiti, rakyat inginkan sebuah kepimpinan yang bersih. Oleh sebab kita kena ingat gaji yang diterima oleh Yang Berhormat Menteri, oleh kerajaan ini dibayar dengan duit rakyat.

Jadi rakyat inginkan kepimpinan yang bersih, berintegriti, yang menjauhi rasuah, yang tidak mengambil kesempatan untuk kumpul kekayaan peribadi, jauh daripada monopoli dan manipulasi. Kita kena mengambil iktibar daripada kejatuhan

ekonomi di Barat dan Eropah kerana mereka meletakkan, bertuhankan kebendaan dan amalan riba secara berleluasa. Jadi seharusnya kita mengambil pengajaran apa yang telah berlaku di sekitar kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan meletakkan sasaran tahun 2020 untuk mencapai negara maju berpendapatan tinggi. Jadi kalau kita lihat hari ini, tahun 2020 hanya tinggal lebih kurang tiga tahun sahaja lagi. Apakah dengan bajet yang dibentangkan pada hari ini betul-betul akan membawa, melonjak negara kita mencapai negara maju? Kalau kita lihat daripada jumlah bajet yang dibentangkan sebanyak RM20.8 bilion di mana 82 peratus adalah untuk belanjawan mengurus dan RM40 bilion iaitu 18 peratus hanya untuk belanja pembangunan.

Adakah hanya dengan 18 peratus daripada jumlah bajet ini mampu melonjakkan pembangunan negara menuju negara maju yang hanya tinggal tiga tahun sahaja lagi? Kalau kita lihat daripada apa yang berlaku hari ini, pelbagai isu yang dibentangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan. Macam mana kita hendak mencapai negara maju kalau kita lihat isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan ini? Masih jauh kita ketinggalan untuk mencapai taraf negara maju yang kita idamkan.

Isu kemudahan jalan di luar bandar, isu kemudahan elektrik, isu kemudahan air bersih. Di Sabah masih lagi guna tong biru, tadah gelen, tadah air hujan. Kalau kita tengok, masalah kekurangan katil di hospital, masalah kekurangan doktor pakar, masalah tidak cukup hospital, kekurangan peralatan di hospital, bajet universiti dipotong sedangkan ini untuk kepentingan aset, tenaga modal insan bagi masa depan negara. Begitu juga peruntukan untuk sekolah menengah, sekolah rendah dan tidak ada sekolah yang guru terpaksa bekerja cari dana sendiri untuk tampung keperluan sekolah.

Ada guru besar yang datang jumpa saya minta duit, untuk apa? Beli sekolah, beli kertas. Beli kertas untuk kegunaan sekolah. Jadi kita tengok macam mana bajet yang diumumkan yang menjadi beban kepada para guru. Kalau kita tengok di balai polis sebagaimana didedahkan. Tidak ada *air conditioner*, tidak ada komputer, tidak ada *printer*, tidak cukup logistik, lori, kita tengok lori tentera rosak tengah jalan dan lori yang buruk. Macam mana ini? Adakah ini kita hendak mencapai taraf negara maju?

Peniaga, golongan peniaga mengeluh permintaan semakin merudum. Kakitangan awam mengeluh gaji tidak cukup dengan kos hidup yang semakin mahal, gaji tidak naik. Begitu juga apa lagilah suri rumah yang mengeluh kos barangan harian yang semakin meningkat. Jadi apalah kerajaan berbangga, Perdana Menteri berbangga dengan pendapatan per kapita negara kita untuk mencapai USD26,891?

Apalah erti kita berbangga dengan puluhan ribu US Dolar bandingan per kapita rakyat negara kita. Sedangkan hari-hari rakyat berdepan, bertarung dengan kos hidup yang sangat mahal, harga sayuran naik 8.8 peratus, harga ikan dan makanan laut 7.15 peratus, harga buah-buahan naik 5.8 peratus, harga kos bahan api meningkat, harga sewa rumah meningkat, kos sara hidup, kos hidup di bandar meningkat dan lagi apabila kerajaan tarik subsidi minyak, minyak akan naik.

Tol apabila dibuangkan peruntukan pampasan akan bakal naik. Maka sudah tentulah tidak ada erti sebenarnya walaupun kerajaan berbangga akan memberi BR1M RM1,200 setahun yang kalau kita bahagi dengan hari hanya RM3.30 sehari, tidak memadai Tuan Yang di-Pertua. Jadi sebab itulah kita mempersoalkan balik kepada kerajaan. Sejauh mana yang dikatakan Bajet 2017 ini yang dibangga-banggakan akan mensejahterakan rakyat?

Jadi kalau kita tengok antara punca berlakunya permasalahan dalam negara kita kerana beban negara ini cukup besar. Dalam keadaan negara kita berpendapatan yang semakin merosot, dengan keadaan beban yang semakin besar, rasuah juga berleluasa. Jadi kalau kita tengok hari ini beban negara cukup besar apalagi dalam keadaan kos mengurus kita yang semakin besar. Saiz Yang Berhormat Menteri kita sudah lebih- kita tengok sekarang ini Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri lebih daripada 60 orang. Cuba banding dengan negara Amerika, bayangkan kos ini sahaja berapa yang terpaksa ditanggung oleh rakyat dan negara?

Hari ini rakyat dibebankan dengan cukai GST RM40 bilion. Cuba bayangkan dalam keadaan negara kita berdepan dengan kekangan ekonomi macam ini, dengan keadaan beban cukai semakin banyak, rakyat terus dibebankan dengan pelbagai tekanan. *Masya-Allah*, tetapi kita lihat kenapa kerajaan tidak berusaha untuk mengoptimumkan hasil negara melalui sumber-sumber lain? Kenapa harus diambil daripada poket-poket rakyat, diambil duit daripada cukai yang dibebankan kepada rakyat?

Jadi kalau kita tengok contoh perbelanjaan yang telah dihapus kira oleh kerajaan. Sepatutnya GLC pemangkin kepada ekonomi negara. Akan tetapi kita lihat banyak syarikat yang dibiayai oleh kerajaan di mana apabila mereka mengalami kerugian, kerajaan menghapus kirakan hutang-hutang yang dibuat oleh syarikat-syarikat ini.

#### ■1610

Kalau kita tengok hari ini berapa banyak syarikat besar yang telah dihapus kira? Saya menyemak Laporan Audit 2015 yang dibentangkan kepada semua Ahli

Parlimen, ada buku ini di mana pada 29 Oktober tahun 2015, Kementerian Kewangan telah menghapus kira hutang syarikat MIMOS Berhad dengan nilai RM12 juta. Pada 6 April 2015, kerajaan telah hapus kira hutang Syarikat Kedah Akuakultur Sdn Bhd dengan sebanyak RM76.19 juta.

Begitu juga pada 7 Jun 2015, Kementerian Kewangan telah hapus kira hutang syarikat Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd. dengan jumlah RM9.47 juta. Begitu juga pada 22 Mac 2016, kerajaan telah hapus kira hutang, baki faedah syarikat Lebuhraya Shapadu yang mana jumlah baki faedah yang dihapus kira ini sebanyak RM33.49 juta. Pada Disember 2015, kerajaan telah hapus kira pinjaman Perbadanan Aset Kereta Api berjumlah RM651.06 juta. Pada 17 Januari 2013, kerajaan telah hapus kira hutang syarikat Pembetulan Lembaga Kemajuan KETENGAH sebanyak RM2.51 juta, itu separuh yang saya sebutkan.

Bayangkan, kalau wang ini dikutip hasilnya, digunakan untuk selesaikan masalah PTPTN rakyat, selesai masalah hospital. Berapa banyak Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan ini yang memohon hospital, tidak dapat dibina kerana kekangan kewangan, tidak cukup peralatan kerana kekangan kewangan. Bajet pendidikan dipotong kerana tidak cukup wang. Akan tetapi kenapa syarikat-syarikat besar ini diberi hapus kira hutang berbilion-bilion Ringgit, berjuta-juta ringgit semata-mata kerana ini syarikat kroni kerajaan? Di mana yang dikatakan bajet yang adil, yang memberikan kebaikan kepada rakyat, yang menyejahterakan rakyat? Jadi saya ingin penjelasan supaya perkara ini dijawab dengan jelas oleh pihak Kementerian Kewangan.

Saya ingin juga menyentuh berkaitan dengan pengumuman Perdana Menteri untuk membina projek rel baru, *East-Coast Rail Link* daripada Lembah Klang ke Pantai Timur, Tumpat. Kita sangat mengalu-alukan sebab ini keperluan rakyat. Malah sekian lama kita suarakan perkara ini di Parlimen tetapi kita tengok apa yang disebutkan di sini, kenapakah sampai Tumpat? Kenapa tidak sampai kepada sempadan Thai, di sebelah timur, di Rantau Panjang? Kami juga pembayar cukai.

Jadi saya harap perkara ini dinilai alik oleh pihak kerajaan. Kalau betul-betul hendak beri perkhidmatan kepada rakyat, berilah yang sebaik mungkin. Soalnya sekarang ialah di manakah duit ini yang diletakkan dalam butiran peruntukan? Saya memerhati, melihat, membaca, membuat kajian, tidak ada. Jadi janganlah ber retorik, janji hendak buat projek mega besar, duit tidak ada. Untuk pembangunan dengan bajet RM46 bilion, itu pun hutang, kena hutang sebab pendapatan kita defisit RM40 bilion. Jadi untuk belanja pembangunan RM46 bilion ini kena hutang. Manakah hendak ambil duit yang dijanjikan hendak bina RM55 bilion kereta api ataupun projek baru rel di Pantai Timur?

Jadi saya harap terutama rakyat Kelantan jangan terkeliru. Jangan kita tidak mahu janji-janji bersarang diberikan kepada rakyat dalam keadaan kita tidak mampu melaksanakan hutang pun dalam keadaan yang menggunung besarnya, dalam keadaan tidak mampu tetapi menjanjikan projek mega berbilion-bilion ringgit. Jadi saya ingin pemantauan dibuat kepada semua projek besar. Kita tengok apa yang berlaku pada projek Pan Borneo yang mana peringkat awal dijanjikan projek itu peruntukan hanya RM800 juta. Akan tetapi tahun ini sudah meningkat RM1.5 bilion.

Jadi kita tidak mahu dengan kos yang sebegini besar, RM55 bilion dengan anggaran RM92 juta satu kilometer, bukan kos yang kecil. Lagipun apa yang lebih perlu sekarang ialah pembaikan jambatan-jambatan kereta api. Jambatan kereta api yang menghubungkan dari sini ke pantai timur sebenarnya dibina sejak zaman penjajah yang berumur lebih daripada 60 tahun. Jambatan itu sendiri pun tidak selamat. Jadi macam mana hendak bina rel laju? Jambatan itu pun tidak selamat.

Saya pernah kemukakan soalan dalam Dewan ini, kenapakah kereta api yang hendak ke pantai timur sampai memakan masa 11 jam? Kami diberikan kad percuma, kad kereta api, tidak boleh guna. Macam mana hendak guna kalau sudah 11 jam duduk dalam kereta api? Selepas itu apabila kita tanya Yang Berhormat Menteri, beliau jawab, tidak boleh jalan laju sebab jambatan itu uzur, umur lebih 60 tahun, sejak penjajah. Macam mana hendak buat rel laju ini? Jambatan pun tidak boleh baiki. Saya ingat jawapan ini diberi betul-betul dalam Dewan nanti, dalam penggulungan nanti.

Jadi saya ingin penjelasan supaya perkara ini tidak menjadi retorik dan digunakan sebagai umpan untuk PRU Ke-14 nanti untuk tawan Negeri Kelantan. Apabila sebut tawan Negeri Kelantan, baru-baru ini, saya dimaklumkan pimpinan Barisan Nasional di Kelantan telah melancarkan projek BN Tawan Kelantan PRU 14. Di dalam itu projek, program yang dibuat ialah jelajah, "*Jelajah Sayang*" namanya. Diturunkan di setiap Parlimen dan daerah, dan Program *Tabayyun*. Paling mengejutkan saya siapakah pelaksana? Pelaksana yang menjadi agen untuk kempen bagi memenangkan UMNO, Siapakah? Sebanyak 11 buah agensi kerajaan, menggunakan duit kementerian. Saya boleh sebut satu-satu. Sebanyak 11 buah agensi. Saya ada di program itu.

Di manakah maruah duit rakyat sebagai pembayar cukai? Rupa-rupanya digunakan ini sebagai agen dan jentera BN. Dia pun tidak guna duit parti, dia guna duit kerajaan. Jadi saya ingin penjelasan dan SPRM, tolong siasat isu yang saya sebut ini. Jadi penyalahgunaan duit negara, duit kerajaan untuk kepentingan parti politik harus disiasat.



Begitu juga saya ingin menyentuh isu rasuah. Isu yang menjadi barah nombor satu dalam negara. Tidak ada erti kita hendak majukan negara kita dalam keadaan negara kita terus membarah dengan rasuah. Kita lihat indeks rasuah negara kita cukup teruk, berada di tangga 54. Berpuluh bilion setiap tahun negara kita habis wang kerana rasuah. Jadi apa yang ingin saya sebutkan di sini ialah sejauh mana siasatan dibuat? Sejauh mana usaha dibuat? Apa lagi dengan skandal yang cukup menyentuh hati kita, yang melibatkan pegawai tinggi kerajaan, Pengarah dan Timbalan Pengarah Jabatan Air Sabah yang mengumpul kekayaan RM50 juta, yang duit dalam peti besi ada RM3.3 juta, barang kemas, kereta mewah, beg mewah, semua campur RM112 juta. Macam mana perkara ini boleh berlaku? Bukan sahaja kakitangan, pegawai tinggi ataupun pimpinan tertinggi kerajaan yang terlibat, saya harap SPRM siasat.

Paling menyedihkan kita apabila dalam Bajet 2017, peruntukan untuk SPRM pun dipotong, peruntukan untuk Jabatan Audit Negara juga dipotong. Apakah tujuan perkara ini dibuat? Jadi saya harap perkara ini diambil kira sebab kalaulah negara kita tidak berlaku rasuah, cuba bayangkan, berapa banyakkah sekolah daif yang boleh kita selesai? Kita dapat dimaklumkan oleh Ahli Parlimen dari Sarawak, di Sarawak sahaja lebih daripada 400 buah sekolah daif. Sekolah yang tidak ada elektrik. Sekolah yang tidak ada kemudahan tandas, ada. Saya dimaklumkan di dalam Dewan sebelum ini, yang tidak ada kelengkapan, yang perlu dibaiki segera.

Dalam bajet yang diberi dalam pada tahun 2017 ini hanya menyelesaikan hampir 20% sahaja sekolah daif. Sebanyak 80% lagi dalam keadaan daif. Macam mana kita hendak capai negara maju tahun 2020, hanya tinggal tiga tahun sahaja lagi. Dalam keadaan sekolah daif, dalam keadaan segala kelengkapan yang sangat daif, memalukan. Jadi cubalah kita melihat diri sendiri. Jangan kita mendabik dada, kitalah yang terbaik, BN lah yang terbaik. Tengok diri kita dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh juga tentang bajet di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang mana kita melihat bajet ini semakin menyusut. Jadi sejauh mana usaha kementerian, pihak Menteri untuk menyelesaikan terlalu banyak isu di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam bidang tugas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana bajet yang semakin sedikit? Beban tugasnya semakin banyak. Isu yang melibatkan gejala sosial di kalangan remaja. Remaja hari ini semakin rosak akhlak. Meningkatnya gejala remaja hamil di luar nikah, anak luar nikah semakin meningkat, kes juvana meningkat, kes keruntuhan institusi keluarga semakin meningkat, kadar penceraian setiap 15 minit, satu penceraian berlaku di Malaysia.

**■1620**

Macam mana kita hendak lahirkan negara maju dalam institusi keluarga kita porak-peranda? Begitu juga kes penderaan kanak-kanak, kes jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak. Saya ingin tahu, adakah undang-undang baru akan diwujudkan menangani isu jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak? Begitu juga isu keganasan dalam rumah tangga, diskriminasi kepada pekerja wanita. Saya dimaklumkan banyak kes-kes, terutama majikan yang tidak merai golongan wanita, terutama wanita yang hamil. Sedangkan mereka terpaksa keluar bekerja kerana membantu ekonomi keluarga.

Dalam keadaan ekonomi yang semakin tenat, tidak cukup hanya suami mencari rezeki, memerlukan isteri juga sama untuk membantu meringankan. Kos persekolahan anak-anak, kos pengangkutan dan sebagainya yang semakin mahal. Akan tetapi apabila tidak ada kerjasama, ada majikan yang menolak semata-mata kerana wanita ini hamil. Jadi, saya ingin tahu sejauh mana dasar yang dibuat oleh kerajaan dan kesedaran telah diberi kepada semua majikan untuk memberi pengiktirafan dan meraih semua golongan mereka yang layak. Supaya mereka juga boleh memberi sumbangan kepada ekonomi negara kita.

Begitu juga saya ingin bertanya berkaitan dengan sistem sokongan kepada pekerja wanita. Hari ini rata-rata pekerja wanita mengeluh kos asuhan di taska kanak-kanak terlalu mahal. Seorang bayi RM450, ada RM500 sebulan. Macam mana kalau anak itu ada dua, tiga orang? Gaji mereka lebih daripada separuh hanya untuk kos asuhan kanak-kanak. Tidakkah kerajaan merancang untuk membuat satu perkara yang meringankan, tidak cukup dengan pemotongan cukai. Mungkin kena buat sebuah institusi sebagaimana kita buat sistem untuk KAFA untuk pendidikan anak-anak fardu ain di sekolah-sekolah rendah. Kita buat juga sistem pendidikan Kemas dan sebagainya, di mana kerajaan membayar gaji kepada pekerja. Kos yang dihadapi oleh pengusaha taska sekarang ini ialah kos bayar gaji pekerja sebab kita melaksanakan gaji minimum. Mereka terpaksa menaikkan kos kerana terpaksa tanggung sewa bangunan yang mahal, kos gaji minimum kepada pekerja-pekerja mereka.

Jadi, saya cadangkan kepada kementerian manfaatkan tenaga siswazah kita. Ramai graduan kita yang menganggur. Sementara mereka mendapat tempat yang baik dalam pekerjaan dalam sektor awam, maka menggalakkan mereka, bagi dana, bagi latihan percuma, bagi dana insentif untuk mereka boleh buka taska. Ini sebab keperluan dengan keadaan apa yang disebut oleh Menteri untuk negara kita mencapai 59% guna tenaga wanita menjelang tahun 2020.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:**  
*[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi bangun Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Hendak penjelasan sedikit, boleh Yang Berhormat Rantau Panjang? Pendek sahaja. Ada kaitan dengan Yang Berhormat Rantau Panjang cakap tadi.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Sedikit sahaja ya, banyak isu lagi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Sedikit sahaja. Saya macam tertarik tadi Tuan Yang di-Pertua, saranan daripada Yang Berhormat Rantau Panjang. Oleh sebab Yang Berhormat Rantau Panjang kata kita kena beri penekanan kepada kanak-kanak tabika, beri peluang kepada graduan menganggur untuk beri gaji dia. Makna dekat situ, kita kena tambah gaji, kena tambah bajet dan tambah peruntukan. Jadi makna dia, pandangan Yang Berhormat Rantau Panjang, kita perlu tambah bajetlah dan mungkin akan lebih 55%. Semalam Yang Berhormat Selayang pun cakap kena tambah bajet, jadi makna dia, ada kekurangan dekat situ. Jadi, saya setuju dengan itu, kalau ada, kita kena tambah bajet lagi.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Okey, terima kasih. Terima kasih atas pandangan. Apa yang saya sebutkan di sini ialah kita kena ada perancangan jangka panjang. Maknanya, kalau kita boleh bagi hapus kira berbilion-bilion Ringgit kepada syarikat-syarikat besar, duit ini sebenarnya boleh diguna untuk membantu siswazah-siswazah kita. Jadi, saya mengharapkan kerajaan kena bijak dalam mengatur pendapatan dan perbelanjaan negara.

Jadi, walaupun kita mungkin perlu tambah bajet untuk memberi ruang kepada anak-anak kita, siswazah kita yang menganggur tetapi mereka boleh memberi perkhidmatan yang terbaik untuk bayi dan kanak-kanak di pusat-pusat taska yang bertauliah yang di *control* oleh pihak kerajaan dengan gaji dibayar oleh kerajaan. Bukan sahaja kita boleh membantu mengurangkan pengangguran, maka di samping itu kita boleh memberi pendidikan berkualiti kepada bayi dan kanak-kanak kita...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Ini bukan soal kita hendak tambah duit, pinjam lagi ya. Saya rasa bukan itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang, mungkin Yang

Berhormat Rantau Panjang boleh komen. Akan tetapi kalau kita dapat tutup semua kes rasuah, salah guna kuasa dan sebagainya, maka kita akan ada duit yang lebih. Tahun lepas pun bajet sama juga, itulah sebabnya daripada awal Pakatan Rakyat, Pakatan Harapan, tumpuan kita ialah untuk hendak tutup segala kebocoran, segala ketirisan supaya duit yang ada itu boleh digunakan dengan lebih baik. Apakah pandangan Yang Berhormat Rantau Panjang?

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Yang Berhormat Shah Alam dan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Shah Alam dan saya ingat masukkan dalam ucapan saya, *insya-Allah*.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Rantau Panjang, boleh saya?

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta maaf saya ada lima minit, saya ada banyak *point* lagi, minta maaf ya, terima kasih.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ini hendak jawab Yang Berhormat Shah Alam ini.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan ucapan saya dengan isu-isu yang berlaku dalam negara kita yang mana kita melihat selain daripada isu pengangguran di kalangan siswazah yang perlu kita tangani dengan baik. Kita bimbang juga fenomena yang berlaku hari ini, di mana ada sebagaimana saya sebut dalam Dewan pagi tadi, ada siswazah yang sanggup merasuah pensyarah semata-mata kerana hendak dapat kelulusan yang tinggi dalam peperiksaan. Jadi, saya harap perkara ini ditangani betul-betul sebab ini sangat bahaya pada masa depan negara. Jadi, kalau di peringkat sekolah mereka berani merasuah, macam mana kalau mereka berada dalam kepimpinan dalam sektor pentadbiran di masa akan datang?

Saya ingin juga menyentuh berkaitan dengan kes yang dilaporkan berkaitan dengan rogol, berkaitan dengan penderaan kanak-kanak yang semakin meningkat. Perkara ini perlu diberi perhatian yang serius oleh kerajaan. Ini sebab apabila rosak akhlak rakyat kita, remaja hari ini aset masa depan negara, akan hancurlah negara. Saya juga mencadangkan kepada kementerian untuk mewujudkan polisi mesra keluarga dalam pelaksanaan urus tadbir negara. Ini sebab kita inginkan pekerja kita, bukan sahaja terutama pekerja wanita, bukan sahaja mereka bekerja untuk mendapat, menambah ekonomi tetapi mereka juga penyambung kepada generasi masa depan. Perlu sumbangan pendidikan yang terbaik untuk negara. Jadi, saya ingin tahu bilakah pelaksanaan jadual ataupun *flexible hour*, jam untuk pekerja-pekerja wanita dilaksanakan sepenuhnya dalam negara kita?

Begitu juga sejauh mana kebajikan, terutama kepada para doktor wanita yang saya cukup kasihan. Apabila hospital, pesakit semakin ramai, doktor tidak mencukupi, mereka tidak cukup rehat, balik rumah kena kendalikan anak-anak. Jadi, sejauh mana perkara ini dilaksanakan? Begitu juga dengan jururawat kita, guru-guru wanita kita, pasukan beruniform, supaya ibu dalam negara kita dapat bekerja dengan baik, bukan sahaja boleh berperanan dengan baik dalam bidang sektor pekerjaan tetapi juga boleh berperanan sebagai ibu yang baik dalam keluarga. Jadi, sejauh mana perkara ini dirancang dan diambil kira oleh pihak kementerian?

Saya ingin juga tahu berkaitan dengan apa usaha kerajaan untuk mengatasi masalah banjir di Rantau Panjang? Saya kira sudah berpuluh-puluh kali, saya sudah 16 tahun berada di Dewan, termasuk Dewan Negara. Tiap-tiap kali ucapan saya tidak tinggal isu tebatan banjir di Rantau Panjang. Saya tengok tidak adapun dalam bajet disebut Rantau Panjang. Jadi, saya ingin sebutkannya, sebenarnya dimanakah yang dijanjikan? Kalau tebatan banjir yang dijanjikan puluhan tahun pun tidak buat, hendak janji rel kereta api baru pula ini?... *[Disampuk]* Bukan tidak payah tetapi jangan beretorik. Janji yang lama pun tidak selesai. Jadi, saya harap perkara ini diberi perhatian oleh kerajaan sebab isu ini sudah lama, ini isu rakyat. Jadi, saya harap perkara ini diambil perhatian.

Begitu juga saya ingin tahu tentang keselamatan di sempadan. Keselamatan di sempadan bukan boleh kita perlekehkan. Saya kasihan tengok tentera-tentera kita, pasukan beruniform kita berkejar-kejar berjalan kaki, kadang-kadang dengan penyeludup menggunakan kereta laju dan sebagainya. Apa yang paling bimbang-bimbang takut senapang itu peluru cukupkah tidak, itu yang saya bimbang. Peluru cukupkah tidak ini dok kawal sempadan. Jadi saya harap, saya tanya ini bukan sahaja-sahaja, saya sudah selidik perkara ini. Jadi, saya harap perkara ini diberi perhatian sebab isu ini isu nyawa dan isu keselamatan rakyat.

Jadi, saya menyentuh juga tentang berkaitan dengan diploma kolej vokasional yang juga banyak disentuh oleh beberapa Ahli Parlimen. Saya ingin tahu kenapa tidak diiktiraf? Diploma yang lulus daripada kolej vokasional ini tidak diiktiraf oleh MQA dan apakah nasib pelajar yang telah lepas daripada diploma ini? Bagi yang hendak pergi ke IPTA, ada yang pergi tetapi kena tendang balik kerana katanya diploma ini tidak diiktiraf. Hendak masuk ke pasaran pekerjaan, majikan tidak terima sebab dia kata diploma kamu tidak diiktiraf. Jadi, apakah jadi pada masa depan anak-anak kita?

#### ■1630

Jadi, saya ingin tahu adakah kerajaan, Kementerian Pendidikan akan memperkenalkan semula iaitu Sijil Vokasional Malaysia ini? Sijil Vokasional Malaysia

ini, adakah akan diperkenalkan semula sebab mungkin di antara salah satu sebab kenapa diploma kita tidak diiktiraf kerana dalam keadaan pelajar-pelajar kita tidak mempunyai kualiti ataupun kemahiran yang secukupnya sebagaimana yang perlu dikehendaki.

Saya ingin juga penjelasan berkaitan dengan royalti. Walaupun minyak petrol, harga minyak turun tetapi saya mewakili rakyat Kelantan tidak akan jemu-jemu meminta hak kami, royalti kepada rakyat negeri Kelantan. Jadi saya ingin tahu, berapa banyakkah sepatutnya hak royalti yang sepatutnya dibayar kepada negeri Kelantan dan bila akan bayar?

Jadi, kerana masa tidak mencukupi, sekian dahulu Tuan Yang di-Pertua. Saya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Bintulu.

#### **4.31 ptg.**

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Belanjawan 2017.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebuah negara yang sudah merdeka selama hampir 59 tahun. Namun malangnya, hingga kini ada ahli-ahli politik di Malaysia tidak kira daripada mana pihak terutama daripada pembangkang masih lagi gagal mengubah landskap dan pemikiran negatif mereka. Ahli-ahli politik kita pada masa ini lebih seronok untuk bercakap soal politik walaupun pilihan raya sudah selesai. Jika dibandingkan dengan negara-negara maju yang lain setelah selesai pilihan raya, semua ahli politik mereka akan memberi fokus kepada soal pembangunan dan hala tuju negara. Negara sedang berdepan dengan krisis ekonomi global yang masih dalam susah.

Akan tetapi Ahli Yang Berhormat sekalian, cuba lihat apa perkara Yang Berhormat bahaskan. Semuanya tentang politik semata-mata, burukkan parti lawan dan sebagainya. Dalam keadaan masa krisis ekonomi global sepatutnya semua pihak sama-sama berbincang bagaimana untuk memacu pertumbuhan ekonomi dalam masa krisis. Namun isu sebenar yang perlu kita lihat iaitu takrif struktur ekonomi negara jarang ada ahli politik kita yang berminat untuk bercakap dan membincangkan pertumbuhan ekonomi kita. Sebagai contoh, sekarang SYABAS sudah bagi balik air ke syarikat Selangor tetapi saya tempat tinggal sana pun kena krisis air.

Akan tetapi dalam Dewan ini saya tidak nampak kita macam mana berbincang menaik taraf atau mengawal, menyelesaikan kegawatan air. Cuma dalam surat khabar saya ada dengar, "*Ini air sabotaj daripada UMNO*". Akan tetapi saya sedih, kalau UMNO hendak sabotaj ini air, saya rasa itu kawasan disentuh dalam surat khabar, itu lebih banyak lagi UMNO punya ahli tinggal sana. Kalau UMNO hendak sabotaj dia punya ahli-ahli, boleh hidupkah? Tidak boleh. Kita sepatutnya fokus bersama-sama. Jangan kita tuduh siapa-siapa. Kita sepatutnya mari bersama-sama macam mana mengawal dan menyelesaikan. Dahulu kalau Barisan Nasional tidak boleh, air dalam kemarau kita tidak dapat air, kita Barisan Nasional kena maki habis-habisan, cakap kita tidak mampu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya tidak tahu sekarang syarikat air Selangor ini tidak boleh selesaikan masalah, saya tidak tahulah dia tidak mampu kah ataupun lebih mampu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu batu punya kepala batu punya tidak payah. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yalah tuduh hendak bagi laluan untuk jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi laluan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kamu bukan Exco Negeri Selangor. Buat apa pergi bangun. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tadi Yang Berhormat Bintulu tidak dengar.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ...Eh! Saya kenalah- saya punya kawasan...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Baru kata hendak sama-sama selesaikan masalah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kamu punya kawasan Yang Berhormat Batu, *you* punya kawasan tidak kena, *you* tidak payah campur.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kawasan saya pun kena.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya punya kawasan. Saya malu, satu minggu tidak ada air tahu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, kawasan saya pun kena.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya mahu terus-terang lagi. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalan. Duduklah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Lulus, SYABAS punya masa kalau air sudah tiada, dia patut terus tidak sampai satu hari datang *flushing* lagi kalau air sampai, *flushing*. Sekarang sudah satu minggu tidak ada air, bila ada air, *flushing* tidak ada. Itu air keluar semua macam kopi O. Bila kita minta syarikat air datang, kasi buat *flushing*, macam-macam alasan sampai kita- baru datang *flushing*. Sampai itu perkara *you* beritahu, dia cakap, "*Encik, kita sekarang tidak buat. Kalau ada masa baru kita buat*". Saya minta itu pegawai kalau tidak *you* minum itu Milo ataupun kopi O...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Beritahu di mana tempat itu dan siapa pegawai yang jawab.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Seri Kembangan. *You* pergi mintalah, tanya. Kepala batu [*Ketawa*]

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Itu ayat yang menghina.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kalau *you* pandai, tunggulah. Jangan buang saya punya masa. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tidak berniat jahat Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kita sekarang isu...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** [*Bangun*]

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kita selesaikan masalah tidak bolehlah macam itu.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kita mahu cerita ini isu...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Bintulu, satu soalan pendek sahaja.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Masa boleh tambah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Satu minit sahaja.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Cepat, cepat.



**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Bintulu, kalau setakat airlah tidak boleh hendak uruskan baik, satu negeri keperluan asas rakyat yang paling asas, bukankah ini satu contoh *failed state*? Apakah pandangan Yang Berhormat Bintulu?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini kalau untuk Yang Berhormat Batu, dia punya kepala batu memang dia cakap *never fail*. Itulah kita bagi rakyat sendiri lihat.

Tuan Yang di-Pertua, ini isu pelabuhan di negara kita. Kita mesti mahu lihat. Orang kata Menteri MITI memang rajin bekerja tetapi masalah kita kekurangan *follow through* bila pelabur-pelabur sudah datang ke negara kita, kita biarkan kalau ini pelabur-pelabur ada apa-apa masalah, kita tinggal sahaja. Dia buat selesai sendiri. Contoh ada sebuah syarikat telah melabur di Terengganu secara kerjasama antara *France* dan *Korea*.

Akan tetapi sampai sekarang ini isu sudah tiga tahun empat tahun, tetapi saban hari ini belum lagi diselesaikan. Inilah saya rasa masalah ini mestilah kita ambil perhatian dan mencari jalan kasi selesai, termasuklah contoh macam di Bintulu. Ada pelabur dari Jepun, terbesar, sudah melabur di Bintulu. Ini semua pelabur dalam kos yang berbilion-bilion tetapi kita pun tidak ambil tahu juga mereka punya masalah. Memang sekarang dalam ini golongan ini syarikat dia beritahu kerajaan kita, dia kerugian. Itulah dia mahu jual sama lain *company*. Itulah dia mahu *exit*. *Actual fact*, dengan izin, ia bukan isu kerugian. Ia isu ada kepala pening sedikit fasal kita tidak selesaikan dia punya masalah. Masalah-masalahnya menghadapi sudah pun beberapa tahun ini. Saya harap MITI ini boleh ambil perkara ini dengan serius. *In future, we must take note and resolve the problem whenever there is a foreign investor* ataupun *investors* daripada tempatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini isu lagi satu pening. Ada satu lagi perkara yang serius dan dialami oleh saya sendiri iaitu satu permohonan *manufacturing license in automobile* di negara kita untuk membina sebuah kilang automobil melalui saya, dari negara China. Saya telah mengambil inisiatif untuk memohon kerjasama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta- beliau telah menjanjikan untuk membawa perkara ini kepada Menteri MITI.

■1640

Akan tetapi cukup sedih punya ini, perkara akhir keluar, ini syarikat automobil dari negeri China sudah *sign* sama *Malaysia Automobil*. Negeri China fikir ini *company*, itulah syarikat bawa permohonan ini kepada saya. Akhir sekali, sekarang ini *company*

lain *undercut* ini isu. Jadi ini *company* sekarang bawa permohonan ini kepada saya, dia fikir saya *undercut* sama dia pula- saya cari orang lain. Saya mahu minta MITI bagi satu penjelasan khas, kenapakah perkara ini boleh berlaku? Saya minta MITI pertahankan pelabur ini dulu. Selesai dulu, jangan negara kita kena buruk-buruk. Ada permohonan masuk, ada orang pergi *undercut*. Saya minta Menteri dari MITI bagi satu jawapan yang baik...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Bintulu tidak adakah? Dia dapat berapa *cut* untuk program ini? [Ketawa]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Nanti saya *cut you* punya *tie* dulu, nanti dulu ya.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini isu Kementerian Kesihatan. Ini isu hospital. Saya terus terang di sini, saya amat sedih yang tidak terhingga atas kejadian yang berlaku pada hari Isnin lepas di mana kita telah dikhabarkan dengan berita kematian enam orang pesakit. Terdiri daripada empat orang wanita dan dua orang lelaki dalam kebakaran di tingkat dua Unit Rawatan ICU Selatan Hospital Sultanah Aminah.

Saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga yang terlibat atas insiden tersebut. Tuan Yang di-Pertua, isu ini dalam tahun pada tahun 2000 saya sudah ada kemukakan isu ini kepada Menteri Kesihatan. Itu masa Menteri Kesihatan beritahu sama saya atas saya punya maklumat kepada dia, saya kata kita hospital- fasal saya ambil contoh Bintulu. Kita punya hospital tidak ada menyediakan persediaan bila ada *emergency* atau kebakaran. Kita dalam ICU kita tidak ada sedia *proper* peralatan semua. Kita bergantung elektrik itu. Kalau elektrik kena potong, itu nyawa pun kena potong.

Saya berbincang panjang lebar sama dia akhir sekali dia beritahu sama saya, inilah dia kata, "*Saya sebagai Menteri lebih tahu daripada kamu, saya lah tahu apa mahu buat. Saya konsultan pun banyak akan beri maklumat atau tahu macam mana...*" Sekarang Menteri ini kepala pun gila, dia ikut pembangkang juga. Inilah masalah kita, kita ada Menteri. Menteri mestilah mahu bertanggungjawab. Duduk dalam kementerian.

Janganlah kita tidak mengambil tahu, kita biarkan. Saya harap Menteri Kesihatan sekarang tolonglah, sila lah turun padang. Jangan pakai *red carpet*, kita turun semua *spot check* hospital-hospital di seluruh Malaysia, adakah kita persediaan dalam masa kebakaran. *Are we ready?* Kalau kita tidak bersedia, kita bagi naik taraf mana yang perlu naik taraf. Kita tidak perlu membina hospital yang mewah-mewah. Tidak payah kita membuat perhiasan-perhiasan yang cantik. *General hospital* kita untuk semua rakyat. Kita binalah, rakyat boleh buat lawatan di hospital, boleh jumpa

doktor itu semua. Wad di hospital sudahlah. Kita jimat itu untuk peruntukan untuk peralatan semua. Kita punya peralatan, ada peralatan yang semua *out of date*. Kita sepatut mahu kasi naik taraf, kita kasi tukar. Selalu kita tanya dia kata peruntukan tidak ada. Kita sekarang nampak *general* hospital banyak kita buat fasa yang cantik-cantik. Bagi saya ini membazirkan rakyat punya wang. Kita tidak payah, buat sepatut mahu buat.

Ada juga banyak hospital kita tiada buat *emergency crane*. Bila kebakaran itu *patient* kalau tidur atas katil tidak boleh turun, patut katil boleh tarik keluar, turun itu kren. Kita tengok banyak hospital kita tiada kren. Kalau kebakaran, tidak tahu *patient* angkat daripada tingkat 10 'buang' pergi bawah atau pakai kren ataupun pakai helikopter bagi turun. Ini kita mahu lihat.

Jangan lagi ada hospital kebakaran, kemudian baru kita kelam kabut lagi. Mencari peluang, bagi selesai ini. Isu satu lagi, *car-park* di hospital-hospital. Banyak hospital tiada *car-park*. Contoh macam di Bintulu, sudah cerita dua penggal sudah. Hospital punya *car-park* belum lagi diselesaikan. Sudah lama bagi tahu macam mana kita nak cari jalan menyelesaikan atau pun kita bagi *privatize* atau pun macam mana itu *car-park*. Sampai hari ini, pun tiada jawapan.

Saya cukup sedih saya nampak Kementerian Kesihatan tidak cukup serius ambil isu ini. Tidak prihatin kesusahan rakyat. Saya punya kawasan ini kadang-kadang polis masuk saman, rakyat marah. Dia pergi tengok doktor mungkin bayar RM2, keluar satu kali kena saman bayar RM150. Inilah masalah saya harap Menteri tahu, saya pun mahu tahu Menteri Kesihatan. Rakyat banyak marah, rakyat cakap "*Kalaulah Menteri mana accident di Melaka satu dunia punya pakar semua turun tengok*"... [Disampuk] Melaka memang okey tapi dia takut Menteri itu tidak boleh tahan. Dia semua, sebuah negara punya *specialist* turun untuk *check* dia.

Rakyat kata kalau di hospital tempatan itu bila ada kecemasan, dia tunggu pakar daripada tempatan pun tidak datang. Kalau Menteri, dari Kuala Lumpur pun boleh sampai. Inilah saya harap Menteri boleh ubah suai atas ini perkhidmatan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh ini sedikit Kementerian Kerja Raya. Kementerian Kerja Raya ini memanglah kali ini saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kerja Raya di atas satu penganugerahan antarabangsa. Sepatutnya Menteri jangan lupa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sudah membantu banyak jalan atau pun lebuhraya atau pun infrastruktur di negara kita. Sepatutnya ini kritik mestilah jangan lupa bagi kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya juga

mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah meluluskan naik taraf Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Dia sekarang bukan jaga lebuhraya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Oleh sebab tadi Yang Berhormat Bintulu cakap tentang Melaka.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Saya lihat Bintulu banyak memberikan pujian kepada kerajaan, kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sentiasa memberikan perhatian dalam pembangunan seluruh negara termasuk Sarawak. Jadi ini sebenarnya berlawanan dengan apa yang disebut oleh Parti Pembangkang yang mengatakan bahawa Kerajaan mengabaikan Sabah dan Sarawak. Apa yang saya nak sebut di sini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari pendapatan bulanan kasar pada tahun 2014. Ini angka tidak boleh tipu, kerana kita boleh tipu. Kita kata kerajaan abaikan tapi angka tidak boleh tipu.

Dia kata pendapatan orang di Sarawak bulanan isi rumah kasar sebanyak RM4,879. Di Sarawak RM4,934, di Kelantan hanya dapat RM3,715. *Average* kita di negara, RM6,100. Kalau ikut angka kemiskinan pula, dia kata yang paling miskin yang paling teruk, daif, semua ada, semua perkataan ada. Kita tengok di sini, di Sarawak, saya ucap tahniah pada Bintulu hanya 0.6 peratus. Di Malaysia *average* kita 0.6 peratus tapi di Melaka hebat kita 0.1 peratus sahaja. Hanya Sabah sekarang 4 peratus tapi kalau kita lihat di negara-negara luar Indonesia 35 peratus, macam Amerika yang kaya-raya itu pun 15 peratus. Jadi kita tiada masalah. Lepas itu pengangguran pula, ini setengah tahun 2016.

Di Malaysia *average* kita 3.4 peratus, di Sabah 5.4 peratus dan di Sarawak tiga peratus. Jadi ini satu bukti Kerajaan sebenarnya tidak pernah mengabaikan mana-mana negeri dan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Sabah dan Sarawak mendapat peruntukan pada setiap tahun yang paling tinggi. Saya minta komen daripada Yang Berhormat Bintulu.

■1650

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya punya masa lima minit sudah habis, macam mana?

**Seorang Ahli:** ...Tambah, tambah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Mesti tambah? Okey. Saya memang setuju apa komen-komen daripada Yang Berhormat Jasin. Saya ambil dia punya hujah. Dia punya bahas masuk saya punya bahagian. Bagi Yang Berhormat Menteri jawab.

Tuan Yang di-Pertua. Ini isu ini Lebuhraya Pan Borneo ini. Lebuhraya Pan Borneo ini hari itu memang ada jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya. Saya tidak berpuas hati. Ini kerana saya mahu tanya, siapa bertanggungjawab dalam saya punya- maksudnya, siapakah yang bertanggungjawab dalam masa pelaksanaan? Apakah tugas konsultan? Kontraktor-kontraktor lebuhraya itu apa mereka punya tanggung? Pasal masalah sekarang, saya punya Bintulu, Lebuhraya Pan Borneo sudah mula tetapi *safety* langsung tidak ada. Sudah beberapa orang kemalangan atas jalan raya kerana *safety*- tiada.

Inilah isu, bila kita hendak tanya, kita mesyuarat, semua orang cuci tangan. Semua orang tidak mahu ambil tahu. Paling teruk punya kita dalam surat khabar Lebuhraya Pan Borneo ini, agensi bertanggungjawab pelaksanaan ini kata dia cari *the best contractor* pelaksanaan. Akan tetapi saya nampak ada dia punya kontraktor kongkalikung kali-kali bila minta sub kontraktor membina jalan ataupun projek mana dia tidak mahu bayar orang. Dia pun boleh dapat kontrak.

Ada punya kontrak itu kontraktor, dia cari satu projek kalau tempoh dua tahun, dia lima tahun pun belum siap. Kontraktor itu pun boleh dapat kontrak. Saya tidak faham inilah keliru. Kadang-kadang rakyat marah sama kita Kerajaan Barisan Nasional. Saya tidak tahulah ini kontraktor dia sebut punya apa sepatutnya dilaksanakan, tidak berbeza. Ini macam saya selalu umumkan. Ini memang kongkalikung punya kerja. Saya minta kali ini jangan Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab, saya mahu Yang Berhormat Menteri jawab isu ini.

Isu ini, kata contoh kementerian satu lagi cerita *zero pothole*. Saya pun tidak tahu macam mana maksud dia *zero pothole*. Bintulu buat *overtaking lane- coastal highway from* Bintulu pergi Miri. Dalam hujan pun boleh- hujan besar pun boleh buat pasir. Jalan itu siap tidak sampai dua bulan sudah macam jalan kuda, terlompat-lompat. Tadi, ada punya tempat *pothole* pembangkang banyak suka pergi tetapi bila hujan dia pergi mancing ikan sana.

Inilah macam mana kita boleh mencapai *zero pothole*. Inilah saya cerita Kementerian Kerja Raya, jangan kita cerita syok sendiri. Turunlah padang tengok. Kalau tidak percaya Yang Berhormat Menteri, semua KSU daripada kementerian, mari saya boleh bawa dia pergi tengok, lihat sedikit macam mana daripada *coastal highway*

dari Bintulu sampai Miri. Tengok dia punya badan, pinggang atau apa boleh sakit ke tidak.

Ini sepuluh kali cakap dia tidak percaya. Sila turun padang. Jangan pakai *red carpet*. Sudah umum, saya pergi sana sebelum Yang Berhormat Menteri sampai, oh! 24 jam kerja naik taraf itu jalan- tidak guna. *Come by yourself. Do the spot check. Then only you will know the real issue and problem on the ground.* Barulah kita boleh mengubahsuai naik taraf mana kita punya kelemahan. Inilah, tadi saya cerita kualiti jalan raya.

Satu isu lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup sedih. Isu ini saya ada SMS kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Saya minta membantu sudah lama punya cerita ini. Sudah dua penggal. Saya tidak tahu Kementerian Kerja Raya tidak ambil perkara ini serius ataupun tidak mahu ambil tahu. Ini *traffic light* di Bintulu. *Bintulu Airport* punya jalan. Jalan itu kita mahu perlu mengadakan tiga *traffic light*. Daripada saya punya JKR kawasan, sudah memohon berkali-kali, tahun ke tahun tidak dapat lulus. Mula-mula saya fikir *traffic light* ini kos sangat tinggi. Sekali saya tanya setengah juta sahaja satu. Tiga, cuma RM1.5 *million*. Kenapa ini Kementerian Kerja Raya tidak ambil perkara ini serius. Saya mahu tahu Kementerian Kerja Raya bolehkah ganti berapa nyawa sudah terbang di jalan raya ini pasal *traffic light*. Bila terbang satu kali, saya kena marah satu kali. Terbang satu kali, tengah malam atau pagi saya kena marah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Apakah yang terbang Yang Berhormat Bintulu, nyawa?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Nyawa terbang. Itu manusia hilang. Ini saya cukup sedih. Bila saya sudah SMS kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri *says, "I will do my best."* Sekarang sudah satu tahun *I will do my best.* Apa jawapan pun tidak ada. Begitu susahkah? Kementerian Kerja Raya tidak boleh dapat cari mana-mana RM1.5 *million* daripada mana-mana lain kontrak daripada habis punya. Tidak bolehkah? Kita bagi salurkan ini, mustahak.

Janganlah Yang Berhormat Menteri macam tahun baru ini Tahun Baru Cina ini. Dia kerana "*jam*" tidak ada lebuhraya, berapa jam dalam sana. Ini kerana ada satu seksyen runtuh, tidak boleh lalu. Sudah lama, kerana Tahun Baru Cina banyak trafik. Dia tidak boleh lalu kerana "*jam*" sana. Ini kerana semua orang tidak mahu bagi peluang, "*Jam*" sana. Seksyen itu dan juga masa kita minta satu tahun setengah. Tidak kelulusan. Bila Yang Berhormat Menteri kata "*jam*" sana, terus lulus. Ini Yang Berhormat Menteri saya tidak tahu. Ini Yang Berhormat Menteri kongkalikung ataupun dia punya pegawai di Dewan yang mulia ini tidak beritahu.

Kita ataupun saya punya Jabatan Kerja Raya sudah hantar masalah ini kepada Kementerian Kerja Raya Persekutuan. Dia tidak ambil tahu atau apakah saya tidak tahu. Saya mahu minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sendiri kali ini. *Please tell me whether you can do the traffic light or not?* Kalau *you* tidak boleh saya akan pergi cari peruntukan suruh orang derma minta bagi bina.

Saya cukup sedih Yang Berhormat Menteri beberapa bulan yang lalu ada satu *couple* baru kahwin. Baru lahir seorang anak. Dia punya suami sudah terbang. Sudah ikut kapal terbang, sudah terbang. Sudah habis dia punya nyawa pasal kena langgar lori. Pasal satu mahu belok kanan, satu mahu lurus, habis... *[Disampuk]* Dekat mana? Bintulu *airport* punya jalan. Itu masuk terlampau cepat punya. Inilah saya harap Yang Berhormat Menteri ambil perkara yang serius. Kita sudah dapat *award* nanti ini kongkalikung punya pasal nanti *award* pun kena tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua. Saya sekarang mahu sentuh sedikit, *number plate*. Kenapa saya hendak sentuh *number plate* ini, kita ada berapa pencurian atau perompak di kawasan Bintulu. Saya nampak bukan Bintulu masalah ini *number plate*, seluruh negara kita. *Number plate* itu sekarang macam-macam punya saiz ada. Saya diberitahu beberapa puluh tahun, 20 tahun ke-30 tahun dahulu Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sudah buat keputusan kita mahu ada standard depan sama belakang punya *number plate*, saiz berapa. Semua saya nampak sekarang tiada. Sekarang pasang punya *number plate* kalau tiga kaki jauh daripada kereta tidak nampak sudah. Itu *number plate* mana satu yang betul. Satu macam "1". Macam mana kalau kejadian punya masa, rakyat tidak boleh membantu polis beritahu *number plate-car plate* itu semua, macam mana?

#### ■1700

Semua rakyat marah sama polis, polis tidak tolong rakyat, macam-macam alasan tetapi kita pun tidak boleh bantu. Sepatutnya rakyat boleh bantu kalau dia diterangkan *number plate*, termasuklah pembangkang. Jangan cakap, cerita Barisan Nasional punya wakil rakyat itu *number plate* itu pun macam mana? Pembangkang punya kereta pun saya nampak, macam-macam punya plat pun ada. Saya minta Menteri, bolehkah kita tentukan satu standard *number plate* mesti ditetapkan oleh negara kita. Janganlah kita *number plate* putar balik-putar balik, macam-macam ada punya, macam *metallic* lagi, *metallic* punya *color*, betul ada punya.

Isu kedua ini *Malaysia Airlines*, MAS. MAS ini masalah ini kita sekarang ada *Airbus A380*. Kita kata sekarang tidak ada *business*, kita pergi kasi sewa, dia kata *he regretted made the wrong choice, we made a wrong choice, you buy the wrong aircraft*. Saya cuma mahu tanya ini, kenapa perjalanan dari Kuala Lumpur kepada Paris, Kuala

Lumpur ke *Amsterdam*, Kuala Lumpur ke Turki, Kuala Lumpur ke *Germany* dan lain-lain termasuk *Dubai*. Kita *flight* kasi *cancel* Malaysia Airlines, kita masuk *coach sharing*, kita kalau *coach sharing*, berapa keuntungan kita ada? Kenapakah kita tidak boleh jalan sendiri? Siapakah ada kepentingan atas isu ini? Kenapakah kita hendak sudah ada kapal terbang A380 kita kasi sewa? Kita sekarang tidak boleh *compete*, itu *airfare international* kita kasi turunkan tetapi domestik kita semua kasi naik. Janganlah kasi mati orang tempatan. Kita mesti kelemahan-kelemahan yang ada dalam Malaysia Airlines, kita mestilah mahu cari jalan, kita siasat betul-betul mana kelemahan kita, mana kerugian kita. Janganlah kita biarkan sahaja.

Saya contoh macam baru-baru ini saya naik kapal terbang nampak dia orang punya sebelum *boarding*, luar sana sudah Malaysia Airlines punya *check* semua IC sama *boarding pass*. Masuk kapal terbang pun mahu *check* lagi sekali. Saya cuma hendak bertanya, ini Malaysia Airlines punya *steward* kah, *stewardess* kah, kenapa dia tidak boleh keluar daripada *boarding hall* sana, *check* satu kali terus? Kenapakah begitu susah? Sudahlah sampai kapal terbang mahu *check* lagi, *queue* lagi satu kali, apakah cerita ini? Kenapa AirAsia boleh keluar buat *check point* di *boarding room* *there*, bilik *boarding*. Dia terus *check*, kita terus masuk kapal terbang. Kenapakah kita macam-macam punya protokol yang ada? *How are we are going make money if we try protect ourselves, we are the high class people?* Saya tahu ini masalah memanglah, saya tahu masalah ini memang Kementerian Pengangkutan akan cerita ini bukan dia punya hal, Kementerian Kewangan saya tidak kira. Kementerian Kewangan kah, Kementerian Pengangkutan kah, tolong beritahu kenapa ini boleh jadi.

Satu lagi isu yang cukup sedih juga, minum air sekejap [*Ketawa*] Cukup sedih satu, kita sekarang masalah, kita punya CEO MAS masih lagi mahu ambil Orang Putih, orang luar. Kenapakah kita tidak boleh ambil orang tempatan? Kita ada TalentCorp, agensi TalentCorp ini dalam sana memanglah ada bakat-bakat dalam sana. Memang *we have a genius* pun ada tapi kenapa kita tidak bagi peluang? Macam *Singapore, Singapore Airlines*, Mr. Cheong Choon Kong, anak Malaysia. Dia boleh pegang *Singapore Airlines*, tidak boleh pegang *Malaysia Airlines*? Saya bukan cakap saya hendak *promote* orang Cina, orang Melayu saya rasa pun ada, banyak korporat yang besar orang Melayu, bumiputera, India pun boleh, siapa-siapa mampu, kita bagi peluang. Jangan CEO pun Orang Putih, CFO pun Orang Putih. Kalau macam itu kita tidak pandai kira wang...

**Seorang Ahli:** Negara maju.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Inilah saya rasa sudah tiba masa kita mesti buat perubahan. Kalau dalam sana kakitangan MAS ada kelemahan-kelemahan,



kita naik taraf. Akan tetapi saya memohon semua pihak, janganlah kalau buat *restructure Malaysia Airlines* itu semua kakitangan, janganlah kita 'pompang, pompang' dalam Dewan ini. Kita kasi selesai isu-isu ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Memang belum habis pun mahu habis. Saya sudah nampak mahu marah. Sudah itu, TV sudah marah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** TV sudah marah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** TV sudah marah itu. Tuan Yang di-Pertua... [*Dewan Ketawa*] saya memohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rasah. TV sampai marah Yang Berhormat, marah betul. Yang Berhormat Rasah.

#### 5.05 ptg.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, memandangkan Yang Berhormat Bintulu telah mengambil lima minit daripada saya, saya berharap saya boleh habiskan ucapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya pastikan Yang Berhormat ada 30 minit.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebagai wakil rakyat ataupun Ahli Parlimen, kita dipilih untuk datang ke Dewan Rakyat supaya boleh menyuarakan suara rakyat. Sama juga selepas pelaksanaan GST. Ya, saya tahu kawan-kawan di sebelah sana memang banyak menyokong pelaksanaan sistem cukai GST. Itu biasa sebab kawan-kawan di sebelah sana mereka pihak kerajaan. Tanggungjawab mereka adalah sokong dasar kerajaan.

Akan tetapi bagi kami yang berada di sini, termasuk saya wakil rakyat dari kawasan Rasah, saya rasa salah satu perkara yang saya perlu mengutarakan di Dewan ini adalah sejak pelaksanaan GST tahun lepas, satu hari bulan April, memang ramai penduduk, pengundi kita telah pun mengadu kepada saya dan juga rakan-rakan wakil rakyat- Yang Berhormat Bintulu sekejaplah, nanti dulu-nanti dulu- telah pun mengadu. Mereka yang berniaga, mereka mengadu perniagaan mereka merosot, yang pengguna, rakyat di bawah, penduduk-penduduk yang miskin, mereka mengadu beban hidup mereka semakin meningkat.

Jadi, saya rasa dalam perkara ini sebenarnya pihak kerajaan, sebenarnya ini isu rakyat, isu kos sara hidup rakyat, isu kita semua, bukan sahaja daripada pihak kerajaan tetapi kita selaku pembangkang, kita berada di Dewan ini untuk mengutarakan masalah yang sebenarnya berlaku yang dihadapi oleh rakyat. Akan tetapi apa yang saya lihat memang banyak ada banyak hujah daripada kawan-kawan di sebelah sana menyokong pelaksanaan sistem cukai tersebut tetapi kalau kita adakan satu *survey*, saya rasa melebihi 90 peratus...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu bangun Yang Berhormat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** ...Rakyat Malaysia, mereka akan menolak pelaksanaan cukai ini. Ya, sila Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih, Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat Rasah, kita mesti tahu pelaksanaan GST bukan di negara kita sahaja. 200 lebih negara sudah dilaksanakan. Kita pun mesti mahu faham juga, negara kita sekarang hampir 30 juta orang rakyat, cuma hanya kurang lebih dua juta bayar cukai. Jadi, kita mesti mahu faham dan jangan keliru dalam Dewan. Satu, macam tadi ada kita punya sahabat kata tahun depan ada kutip RM40 bilion, seorang rakyat mungkin kena bayar RM1,300, tidak betul. Siapa mahu pergi *shopping* lebih, kena bayar lebihlah...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih, Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kalau- tidak, satu lagi.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya tanya satu soalan.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Silakan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kita sekarang boleh kata, kita kalau esok kalau menang kita tidak kutip. Saya tanya Pulau Pinang dulu kata kalau dia menang hapuskan itu semua tol di Pulau Pinang sana tapi sampai hari ini tidak hapuskan. Kita sampai masa masuk bagi tahu, saya merasa- saya harap kita, kadang-kadang faham adil sikit.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak sampaikan di sini adalah selaku wakil rakyat, kita dipilih rakyat. Kalau rakyat susah, kita ada tanggungjawab suarakan masalah mereka di Dewan. Apakah salahnya? Katakan yang Berhormat Bintulu mengatakan bahawa 100 lebih negara melaksanakan sistem cukai GST tetapi kita tidak mengetahui situasi keadaan rakyat kita.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Memang tidak salah, Yang Berhormat Rasah. Memang tidak salah tapi kita jangan keliru, itu masalah. Kita jangan bagi keliru maklumat kepada rakyat. Jangan macam Yang Berhormat Seputeh.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Sebenarnya, rakyat negara kita masih belum bersedia untuk menerima pelaksanaan sistem cukai GST. Saya ulang sekali lagi, rakyat Malaysia masih belum bersedia untuk menerima pelaksanaan sistem cukai GST. Jadi, janganlah kita kata ada beberapa ratus buah negara telah pun melaksanakan sistem cukai GST. Masalahnya, rakyat belum bersedia, jadi hari ini rakyat susah.

■1710

Pihak sebelah sana kata, "*Oh, tidak apa. Laksana GST, ada BR1M*". Tahun ini sudah meningkat sehingga RM1,200. Akan tetapi, saya hendak tanya kepada rakan-rakan di Dewan yang mulia ini...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Ketika masa Barisan Nasional...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Boleh bagi lagi? Boleh bagi lagi sedikit?

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Kuat dan juga ketika Barisan Nasional monopoli...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Boleh bagi sedikit lagi? Boleh bagi sedikit lagi?

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Politik negara Malaysia, ada tidak Bantuan Rakyat 1Malaysia dilaksanakan? Tidak! Tidak laksanakan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Rasah, kita mesti faham. Kalau kita rakyat belum bersedia, *we must start from somewhere*...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sila rehatkan keluar Yang Berhormat Bintulu sebab mengganggu...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *Then* kita ubahsuai dengan bijaksana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya, ya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Contoh macam Yang Berhormat Rasah kalau mahu kahwin, memang bila masa pun belum lagi. Mestilah *start from somewhere*. Kalau *you* kahwin sekarang, mana tidak betul baru ubah sana.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Betul.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Tadi Yang Berhormat Bintulu. Tadi Yang Berhormat Bintulu...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini saya cuba...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Banyak cerita mengenai masalah yang dihadapi oleh pengundi di kawasan Bintulu. Sekarang adalah *floor* saya untuk mengutarakan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Jadi saya sudah sebut banyak kali, rakyat Malaysia, kita belum bersedia untuk menerima pelaksanaan GST. Ini fakta. Kalau rakan-rakan di sebelah sana tidak boleh bersetuju, saya tidak boleh buat apa-apa. Akan tetapi, ini fakta. Kalau tidak percaya, PRU yang akan datang gunalah slogan, “*Sokong saya. Kita akan terus melaksanakan GST*”. Saya yakin kebanyakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana akan ditolak. Ini memang satu fakta dan juga kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada menyebut bahawa pelaksanaan GST selepas PRU Ke-13. Ini telah pun menunjukkan bahawa sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional telah pun gagal menunaikan janji mereka. Oleh sebab laksana GST, beban rakyat telah pun meningkat. Oleh sebab laksanakan GST, rakyat hidup susah. Akan tetapi kalau kita lihat balik manifesto Barisan Nasional ketika PRU Ke-13, perkara pertama yang hendak diselesaikan oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional kalau Barisan Nasional tetap kekal berkuasa selepas PRU Ke-13, mereka hendak mengurus kos sara hidup rakyat. Akan tetapi pada hari ini, saya rasa tidak ada seorang rakyat di Malaysia akan mengaku kualiti kehidupan mereka telah pun meningkat. Isu kos sara hidup rakyat mereka telah pun selesai. Saya rasa kita perlu terima ini fakta.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin sebut di sini sebab kita lihat bajet memang ada peruntukan, ada cadangan daripada pihak kerajaan untuk memelihara kawasan tadahan air, untuk menjaga alam sekitar supaya memastikan rakyat negara kita dapat hidup dalam satu keadaan yang selesa dan yang paling penting, selamat. Saya hendak sebut di sini, isu yang sangat penting khususnya di kawasan Negeri Sembilan iaitu di Seremban dan juga di Sendayan. Banyak kali saya telah pun sebut dalam Dewan yang mulia ini, di Sendayan dan Bukit Nanas, dia tidak berapa jauh dari Seremban, ada sebuah kilang yang memproses sisa toksik berjadual, nama *company* tersebut Pusat Kualiti Alam. Pusat Kualiti Alam ini ia memproses sisa toksik dari seluruh negara. Pusat memproses sisa toksik ini, ia adalah satu-satunya pusat yang memproses sisa toksik berjadual. Maksudnya, ini tempat merupakan tong sampah bagi seluruh Semenanjung.

Jadi saya hendak tanya di sini, katakan pihak kerajaan benar-benar menjaga kepentingan rakyat, sebenarnya kilang ini ditubuhkan pada tahun 1995 dan kilang ini sepatutnya dihentikan operasinya pada tahun 2015, iaitu tahun lepas. Kilang ini sudah 20 tahun beroperasi. Memang selama ini ramai penduduk memang berharap tahun

2015, kilang ini akan dihentikan operasi. Akan tetapi, kilang ini pula diberi peluang untuk terus beroperasi sebanyak 15 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya ingin menyatakan di sini, kita daripada pembangkang, saya sendiri, Yang Berhormat Seremban dan rakan-rakan ADUN daripada PAKATAN Negeri Sembilan. Kita telah pun melancarkan kempen tandatangan dan telah pun mengutip sebanyak 13,000 tandatangan penduduk yang menolak kilang tersebut. Akan tetapi walaupun memorandum kita telah pun dihantar kepada pihak Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri Sembilan, tetapi sampai hari ini kilang tersebut masih beroperasi. Apa yang paling penting, dalam rancangan pembangunan RMKe-11, Kerajaan Pusat ingin memajukan kawasan Nilai sehingga Port Dickson dan juga Seremban iaitu *Vision Valley*. *Vision Valley*, di tengahnya Pusat Kualiti Alam. Jadi, macam mana kita hendak memastikan projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan ini akan terus berjalan dengan lancar dengan adanya wujud sebuah kilang yang benar-benar boleh mengganggu keselamatan dan juga kehidupan bagi semua rakyat yang tinggal berdekatan dengan situ.

Jadi saya harap Dewan yang mulia ini, khususnya pihak kerajaan dapat mengambil tindakan yang wajar. Kalau boleh, bagilah laporan khususnya dari Jabatan Alam Sekitar. Macam mana kilang ini dia boleh memenuhi syarat-syarat yang telah pun ditetapkan oleh pihak kerajaan sehingga boleh terus menjalankan operasinya selama 15 tahun? Apa yang paling penting, saya berharap jikalau boleh, pihak kerajaan janganlah jadikan Negeri Sembilan sebagai tong sampah. Kita hendak pastikan anak-anak di negeri kita bebas dari segala *pollution*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga ialah isu pendidikan. Saya difahamkan tahun ini ketika pembentangan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tahun ini beliau ada mengumumkan RM250 juta untuk sekolah kebangsaan, RM50 juta kepada sekolah jenis kebangsaan Cina, RM50 juta bagi sekolah jenis kebangsaan Tamil, RM50 juta disalurkan untuk sekolah mubaligh dan sebagainya. Akan tetapi tahun ini, peruntukan untuk sekolah menengah jenis kebangsaan Cina telah pun tercicir. Tadi saya ada baca kenyataan akhbar Presiden MCA. Beliau mengatakan peruntukan ini cuma tercicir, terlupa. Saya hendak tanya kepada pihak MCA, khususnya mereka yang mempunyai Timbalan Menteri di dalam Kementerian Pendidikan. Mereka juga ada Timbalan Menteri di dalam Kementerian Kewangan. Akan tetapi mengapa perkara ini boleh terlupa ataupun tercicir? Saya rasa khususnya pihak MCA, termasuk pihak kerajaan perlulah memberi satu penjelasan yang

munasabah. Kalau tidak, ini seolah-olahnya merupakan satu penghinaan kepada sekolah menengah jenis kebangsaan Cina.

Saya berharap dalam perkara ini, pihak kerajaan dapat memperbetulkan kekurangan ini. Saya amat berharap untuk isu pendidikan khususnya peruntukan-peruntukan untuk setiap jenis sekolah, saya mohon...

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Sedikit. Sedikit sahaja.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Saya mohon supaya pihak kerajaan- kita tidak ada bantahan untuk peruntukan yang diberikan kepada semua jenis aliran sekolah.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Sekolah menengah kebangsaan macam mana Yang Berhormat?

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Akan tetapi kita cuma minta supaya peruntukan ini dapat benar-benar disalurkan kepada semua sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya juga ingin mengumumkan permintaan saya kepada pihak Kementerian Kewangan dan juga pihak Kementerian Pendidikan. Saya mohon supaya satu jawapan bertulis ataupun senarai diberikan kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk memberi keterangan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, bagaimanakah setiap peruntukan kepada setiap aliran sekolah ini disalurkan kepada sekolah dan senaraikan semua sekolah yang menerima peruntukan ini. Ini kerana kita ada tanggungjawab untuk memastikan setiap peruntukan ini diperuntukkan kepada semua sekolah.

Ini kerana baru-baru ini kita terima banyak aduan, tidak kiralah daripada sekolah SK, daripada SJKC, daripada SJKT. Kebanyakan daripada mereka tidak menerima peruntukan yang telah pun diumumkan pada tahun lepas. Jadi peruntukan dari tahun lepas belum terima lagi, tetapi untuk peruntukan bajet tahun hadapan macam mana? Jadi saya rasa dalam perkara ini, saya berharap pihak Kementerian Pendidikan dan juga pihak Kementerian Kewangan dapat memberi satu jawapan yang munasabah dan jawapan yang terperinci kepada kita supaya ketika kita balik kawasan, kita boleh menerangkan kepada sekolah-sekolah di kawasan kita semua.

#### ■1720

Tuan Yang di-Pertua, isu pendidikan yang kedua pengiktirafan sijil UEC. Tuan Yang di-Pertua, saya memetik tajuk laporan *Utusan Malaysia* pada 2 April 2013. Tajuknya, "*Penyelesaian untuk pengiktirafan UEC...*", iaitu lebih kurang empat tahun yang selepas sebelum PRU Ke-13. Pada masa itu Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Pekan telah berjumpa dengan Dong Zong dan selepas itu beliau telah pun adakan satu sidang akhbar mengumumkan bahawa beliau akan jumpa pihak Kementerian Pengajian Tinggi untuk mencari jalan supaya UEC ini boleh diiktirafkan.

Itu berlaku pada 2 April 2013. Selepas itu tiga hari sebelum pilihan raya iaitu lebih kurang pada 2 ataupun 3 Mei 2013, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Hou Kok Chung yang pada masa itu telah pun mengumumkan secara terbuka, jikalau UEC tidak diiktiraf selepas PRU Ke-13, beliau, Datuk Hou Kok Chung tidak akan keluar bertanding lagi.

Itu pada masa itu. Akan tetapi masa itu pengundi di Kluang dia memang *smart*, dia tidak undi Datuk Hou, dia undi Yang Berhormat Tuan Liew Chin Tong menjadi Ahli Parlimen di Kluang. Sampai hari ini empat tahun sudah berlalu, empat tahun sudah berlalu, tiap-tiap kali saya bangkitkan isu pengiktirafan UEC di dalam Dewan yang mulia ini, jawapan yang saya tiap-tiap kali terima, jawapan yang standard. Ya, saya baca jawapan yang saya baru terima... *[Membaca petikan] "Pendirian Kementerian Pendidikan Malaysia adalah jelas bahawa semua sistem pendidikan yang hendak dilaksanakan di negara kita perlu berdasarkan Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Dalam hal ini UEC didapati tidak akur terhadap kehendak Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan di bawah akta tersebut..."*

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak katakan di sini, jikalau tiada usaha bagi kerajaan untuk mengiktiraf sijil UEC, mengapa ketika masa kempen pilihan raya negeri pada bulan Mei di Sarawak, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon, semasa kempen dia kata, *"Sijil UEC ini akan diiktiraf tidak lama lagi. Cuma tunggu angin timur..."*. Dalam bahasa Mandarin, dengan izin... *[Berucap dalam bahasa Mandarin]* Selepas pilihan raya negeri, Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon beliau sekali lagi mengumumkan bahawa memandangkan ada kemenangan besar bagi Barisan Nasional di Sarawak, pengiktirafan UEC tidak jauh lagi, tinggal lebih kurang satu kilometer ataupun satu *mile*, dengan izin ... *[Berucap dalam bahasa Mandarin]*

Akan tetapi apa yang kita lihat pada hari ini, Pilihanraya Negeri Sarawak sehingga sekarang telah pun beberapa bulan berlalu. Kita tidak lihat ada apa-apa usaha daripada pihak Kerajaan Pusat untuk mengiktiraf sijil UEC... *[Disampuk]* Apa yang saya hendak tegaskan di sini, jikalau kita tidak mengiktiraf sijil UEC, kita akan menghadapi kerugian di mana anak-anak kita terpaksa melanjutkan pelajaran mereka di luar negara. Ia secara langsung akan menyebabkan *brain drain*. Jadi adalah sangat penting bagi pihak kerajaan supaya mempertimbangkan UEC ini dapat diiktirafkan. Kalau kita boleh terima warga asing datang ke IPTA untuk menuntut, untuk belajar mengapa kita tidak boleh menerima anak-anak kita yang belajar di negara kita. Sedangkan sijil UEC diiktiraf oleh banyak universiti yang bertaraf antarabangsa.

Universiti-universiti terkemuka seperti *Oxford University*, NUS dan sebagainya. Saya rasa isu ini perlu dilihat secara serius.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketiga isu pendidikan juga. Isu ketiga isu pendidikan. Sebelum ini saya ada menyatakan bahawa kita memang amat mementingkan pendidikan untuk anak-anak kita semua. Akan tetapi baru-baru ini kami menerima banyak aduan daripada ibu bapa, tidak kiralah daripada sekolah kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina termasuklah Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan mereka mengadu bahawa sistem *Dual-Language Program* (DLP) sepatutnya dilaksanakan mengikut kehendak ataupun permintaan daripada ibu bapa.

Baru-baru ini saya rasa kebanyakan daripada sekolah rendah di kawasan Seremban dan juga di kawasan Rasah telah pun menyampaikan satu memorandum pada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan supaya memohon peringkat sekolah menengah tidak kiralah jenis aliran, setiap sekolah ini haruslah menawarkan kelas dwibahasa kepada mereka yang ingin belajar di dalam DLP. Jadi saya memohon supaya pihak Kementerian Pendidikan dan juga pihak Kerajaan Pusat dapat mempertimbangkan permintaan ini. Sebab jawapan yang baru-baru saya terima ini dilihat jawapannya agak negatif di mana permintaan-permintaan ibu bapa dari Seremban dan juga Rasah ini tidak boleh diterima oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Jadi saya mohon Kementerian Pendidikan supaya memandang serius perkara ini dan jika boleh menerimalah pandangan dan juga cadangan daripada ibu bapa pelajar-pelajar dari Negeri Sembilan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak membincangkan pembangunan infrastruktur khususnya bagi kereta api laju Kuala Lumpur–Singapore. Jadi saya selaku wakil rakyat dari Negeri Sembilan, saya mengalu-alukan pihak kerajaan khususnya bagi projek *KL-Singapore High Speed Rail*. Jadi untuk projek kereta api laju ini, apa yang saya ingin hendak sampaikan di sini, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah angkat itu *hammer*?... [*Dewan ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak, teruskan Yang Berhormat. Janganlah ganggu.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Untuk *high speed rail*, apa yang saya ingin sampaikan di sini adalah jikalau *high speed rail* dibenarkan untuk beroperasi pada tahun 2026, kita telah pun menjangka ada banyak isu ataupun kes-kes pengambilan tanah khususnya di bahagian Nilai dan juga di bahagian Labu akan berlaku. Sebenarnya ramai penduduk yang tinggal di situ amat bimbang, jikalau pelaksanaan projek *high speed rail* ini kemungkinan besar kediaman mereka akan diberi laluan



untuk membina *high speed rail*. Jadi dalam perkara ini saya cuma ingin memohon pihak kerajaan, jikalau boleh mengambil kira kepentingan penduduk-penduduk yang terlibat dalam pengambilan tanah tersebut.

Selain daripada itu, *high speed rail*, ketika *high speed rail* melalui Negeri Sembilan, saya rasa stesen yang seharusnya dibina adalah berada di Seremban, tetapi bukanlah berada di kawasan-kawasan yang lebih jauh dari Seremban. Sebab kita terima khabar angin kemungkinan *high speed rail* itu ia akan dibina di projek di bawah *Sime Darby Planters' Haven* iaitu terletak lebih kurang 25 kilometer dari bandar Seremban.

Saya rasa jikalau *high speed rail* itu dibina di *Planters' Haven*, ia akan menyebabkan kebanyakan daripada pengguna tidak dapat menggunakan kemudahan tersebut. Apa yang paling penting untuk *high speed rail*, yuran ataupun tiket dia sangat mahal. Saya difahamkan kalau tiket untuk ulang-alik Kuala Lumpur-Singapore, tiket dia berharga lebih kurang dalam RM400. Saya rasa kalau *one way* RM200, ulang-alik RM400 ia memang satu beban dan juga satu perkara yang memang tidak boleh dinikmati oleh penduduk-penduduk yang tinggal di situ.

Pada masa yang sama, tadi saya kata tahun 2026 kita akan adakan *high speed rail*, tetapi pada tahun 2021 di Negeri Sembilan dan juga di Johor kita akan adakan perkhidmatan kereta api ETS. Jadi pada masa yang sama saya rasa kemungkinan kewujudan kedua-dua sistem kereta api ini ia akan mewujudkan satu persaingan di antara satu sama lain. Jadi saya mohon pihak kementerian yang berkenaan supaya dapat mengkaji macam mana kita boleh membezakan ataupun macam mana kita boleh mengongsi kemudahan bersama untuk dua-dua projek ini.

#### ■1730

Oleh sebab tidak ada maksud, tidak ada kebaikan jikalau kita wujud satu sistem kereta api di mana rakyat tidak mampu membayar yuran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya yang saya ingin bangkitkan saya memang memperlihatkan pihak Kerajaan Pusat telah pun adakan banyak program yang mesra kepada anak-anak muda. Saya lihat ada Parlimen Belia di peringkat *Cabinet Members*. Kita ada lihat Menteri, Timbalan Menteri ada mengambil pelajar belajar *internship* ada program Fellow Perdana. Ini memang merupakan sebuah dasar yang amat baik supaya kita boleh mendekati anak-anak muda.

Akan tetapi ketika kita melaksanakan program-program untuk mendekati anak-anak muda, cuba mendengar suara mereka dan pandangan mereka, kita jangan lupa anak-anak kita yang belajar di universiti, mahasiswa mahasiswi kita yang aktif dan prihatin kepada isu-isu semasa. Ketika mereka ingin melakukan sesuatu ataupun

menganjurkan perhimpunan, itu merupakan hak mereka sebagai rakyat Malaysia menganjurkan perhimpunan. Oleh sebab baru-baru ini saya lihat empat orang pelajar dari Universiti Malaya termasuk Anis Syafiqah dan tiga orang rakannya dari Universiti Malaya. Juga baru-baru ini seorang mahasiswa daripada UKM, Asheeq Ali telah pun diambil tindakan oleh pihak universiti kerana melancarkan perhimpunan tangkap MO1.

Jadi saya cuma mohon daripada pihak kerajaan, kalau kita benar-benar ikhlas berhasrat untuk dengar suara pemuda, hendak dengar rintihan mereka, hendak dengar cadangan-cadangan mereka, saya rasa pihak kerajaan tidak harus mengambil tindakan terhadap anak-anak muda kita ini. Ini kerana apa yang dilakukan oleh mereka telah pun diadakan dengan aman. Tidak ada seorang pun cedera ataupun dipukul, dibelasah ketika perhimpunan tersebut berlangsung.

Jadi saya cuma mohon, kalau kita benar-benar menghargai suara anak muda, menghargai sumbangan mereka memandangkan mereka merupakan pemimpin masa hadapan negara kita, kita haruslah memberi peluang kepada mereka. Jangan hukum mereka tetapi mendengar rintihan dan mengambil pandangan mereka supaya kerajaan kita dilihat sebagai kerajaan yang boleh menerima pandangan rakyat.

Akhir sekali, ada dua minit lagi. Isu pendaftaran pengundi. Tuan Yang di-Pertua, satu angka yang sangat membimbangkan sebelum ini dua hari atau tiga hari yang lepas Pengerusi SPR Datuk Seri Mohd Hashim Abdullah, beliau telah pun mengumumkan bahawa masih ada lagi 4.2 juta orang rakyat Malaysia yang layak belum daftar sebagai pengundi. Jawapan yang baru saya terima tadi daripada pihak Perdana Menteri, jumlah pengundi yang telah pun didaftar untuk suku kedua dari tahun 2013 sampai tahun ini, suku kedua jumlahnya cuma lebih kurang dalam 798,000 orang.

Maksudnya masih mempunyai lebih kurang tiga juta orang rakyat Malaysia yang layak belum mendaftar sebagai pengundi. Pada masa yang sama, ketika banyak lagi di luar belum daftar sebagai pengundi tetapi SPR mengambil pendirian untuk tidak melantik wakil-wakil penolong pendaftar pengundi daripada parti politik. Tidak kira DAP, PKR ataupun kawan-kawan di sebelah sana.

Jadi saya rasa pelantikan penolong pendaftar pengundi wakil parti politik ini seharusnya diteruskan supaya kita yang berada di dalam Dewan ini, parti-parti politik di Malaysia boleh sama-sama membantu supaya meningkatkan mereka yang ingin mendaftar sebagai pengundi. Saya faham, SPR dia memang ada aturkan staf-staf mereka, pegawai-pegawai mereka untuk datang ke pasar malam, untuk pergi ke pasar supaya bantu mendaftar. Akan tetapi saya rasa dengan adanya kekurangan staf ataupun kekurangan kakitangan pada masa ini dan juga kekurangan peruntukan

daripada pihak Kerajaan Pusat, saya rasa adalah lebih baik bagi kerja-kerja mendaftar pengundi ini dikembalikan kepada semua parti politik supaya kita boleh sama-sama mendaftar pengundi baru supaya biar pengundi baru ini boleh memilih siapa yang menjadi kerajaan pada PRU yang ke-14.

Ini kerana pengundi yang kita daftar, tidak semestinya mereka mengundi kepada kami. Akan tetapi sekurang-kurangnya berilah peluang kepada parti politik untuk mendekati pengundi baru untuk mendaftarkan mereka supaya kita menambahkan pengundi kita.

Jadi memandangkan masa tidak mengizinkan, saya sebenarnya ada beberapa isu lagi. Saya ingin sekali lagi ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian perbincangan saya. Saya tolak Bajet 2017. Terima kasih *[Tepuk]*

**Seorang Ahli:** ...Yang penting, tolak.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Ya, betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Pilah.

### **5.35 ptg.**

**Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan bajet pada kali ini. Oleh sebab kesuntukan masa minta izin ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, setakat itu Yang Berhormat. Sambung minggu depan.

**Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi pihak Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan menyambut perayaan ini pada hari Sabtu, 29 Oktober 2016.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin 31 Oktober 2016.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.37 petang]***